

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

PT02/22/2026

1

No. Soalan: PT076

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERTITAHU PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

SOALAN:

YANG BERTITAHU PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah proses penambahbaikan dan pengemaskinian fungsi *KPI Executive Management System* (KEMaS) digunakan sebagai penanda aras tahap pencapaian terhadap pelaksanaan hala tuju, kerangka pelan tindakan serta program-program yang digariskan di dalam ketiga-tiga *Blueprint* ke arah pemantauan berterusan lagi *transparent* dan bersistematik ke arah merealisasikan kejayaan matlamat Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Pada masa ini, kemajuan Wawasan Brunei 2035 dipantau melalui KPI-KPI Kebangsaan di peringkat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. KPI-KPI Kebangsaan yang telah ditetapkan menjadi ukuran prestasi dan penanda aras bagi menilai kemajuan dari tahun ke tahun ke arah mencapai sasaran Wawasan menjelang tahun 2035. Bagi memantapkan proses tersebut, Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri menggunakan sistem KPI Executive Management System (KEMaS) sebagai platform digital dalam talian (*online*) bagi mengurus, memantau dan melaporkan KPI-KPI Kebangsaan secara lebih sistematik, teratur dan berasaskan data.

Antara usaha yang sedang dilaksanakan bagi memperkukuh ekosistem pemantauan Wawasan Brunei 2035 ialah penambahbaikan sistem KEMaS kepada KEMaS 2.0, termasuk pengintegrasian Indeks Wawasan Brunei secara lebih komprehensif, real-time, dan tepat pada masanya.

Penambahbaikan ini bukan sekadar melibatkan peningkatan fungsi sistem, malah bertujuan memperkukuh pengurusan prestasi di peringkat kebangsaan melalui penyediaan maklumat yang lebih berkualiti, di samping meningkatkan keberkesanan pemantauan kemajuan, pelaporan serta pertimbangan dan pembuatan keputusan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selaras dengan pelaksanaan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 yang telah dikemaskini, penggunaan KEMaS akan diperluaskan secara berperingkat kepada kementerian dan agensi yang berkaitan. Pendekatan ini bertujuan memastikan pelaksanaan sistem terus berjalan secara teratur dan berkesan sebelum diperluaskan kepada skop penggunaan yang lebih menyeluruh.

Secara keseluruhannya, penambahbaikan KEMaS ini bertujuan memperkukuh pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI-KPI Kebangsaan secara lebih sistematik, tepat pada masanya dan berasaskan data. Ini seterusnya meningkatkan keberkesanan penyelarasan pelaksanaan dan proses membuat keputusan serta memastikan usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dilaksanakan secara lebih teratur dan bersepadu.

No. Soalan: PT082

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes yang diterima dan diselesaikan serta tempoh purata penyelesaian kes oleh *Brunei Darussalam Arbitration Centre* (BDAC) sejak penubuhannya, dan sama ada statistik prestasi tersebut akan diterbitkan setiap tahun bagi meningkatkan kefahaman awam dan menyokong penilaian dasar?

JAWAPAN:

Sejak penubuhannya, *Brunei Darussalam Arbitration Centre* (BDAC) telah mengendalikan sebanyak 49 kes domestik dan antarabangsa, dengan jumlah nilai pertikaian melebihi BND\$47 juta. Dari segi perkembangan tahunan, penggunaan perkhidmatan BDAC menunjukkan jumlah pengendalian kes-kes yang menggalakkan bagi Kes Penilaian (*Case Evaluation*), Timbangtara (*Arbitration*) dan Pengantaraan (*Mediation*), iaitu empat (4) kes pada tahun 2022, meningkat kepada tiga belas (13) kes pada tahun 2023, seterusnya enam belas (16) kes pada tahun 2024, empat belas (14) kes pada tahun 2025, dan dua (2) kes bagi tahun ini sehingga kini.

Mengikut pecahan, kes-kes Timbangtara yang dikendalikan secara keseluruhan adalah sebanyak lima (5) kes, Pengantaraan sebanyak dua puluh (24) kes, manakala terdapat dua puluh (20) kes penilaian.

Untuk makluman, terdapat nilai pertikaian bagi satu (1) kes yang dikendalikan BDAC telah mencecah sekitar BND\$20 juta. Statistik-statistik berkenaan menunjukkan bahawa bilangan kes, kuantum dan kepentingan kes-kes komersial yang dirujuk kepada BDAC adalah menggalakkan dan signifikan dalam menyelesaikan pertikaian secara alternatif.

Jika dilihat dari sudut bilangan secara keseluruhan, jumlah kes tersebut mungkin kelihatan masih rendah. Walau bagaimanapun, perkara ini hendaklah dilihat dalam konteks ekosistem Penyelesaian Pertikaian secara Alternatif (ADR) di Negara Brunei Darussalam yang masih baru dan sedang berkembang secara berperingkat. Perkembangan sedemikian juga adalah selaras dengan pengalaman pusat-pusat ADR di negara lain, di mana pembudayaan pengantaraan dan timbangtara tidak berlaku secara serta-merta, dan memerlukan masa untuk membina keyakinan pihak-pihak yang berkepentingan, memperkukuhkan kapasiti profesional, dan badan institusi.

Dalam menilai keberkesanan sesebuah pusat ADR, penilaian tersebut tidak wajar dibuat berdasarkan bilangan kes semata mata, tetapi hendaklah juga mengambil kira penilaian pertikaian yang dikendalikan, seperti kompleksiti kes, serta keupayaan institusi untuk menyediakan saluran penyelesaian pertikaian yang berwibawa, diyakini, dan kos efektif.

Bagi kes-kes Pengantaraan, sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk meneruskan proses tersebut dan hadir dengan mandat yang mencukupi, proses Pengantaraan seperti lazimnya boleh dijalankan dan diselesaikan dalam tempoh sehari.

Manakala bagi aliran Timbangtara pada kebiasaannya mengambil masa yang lebih panjang tertakluk kepada kes yang didengar. Walaubagaimanapun, perkara utama bukanlah semata-mata soal kepantasan, tetapi pilihan akses keadilan melalui Timbangtara sebagai satu mekanisme alternatif daripada litigasi. Kelebihan Timbangtara adalah dari segi kerahsiaan (maklumat terhad kepada kes manager sahaja), proses yang lebih fleksibel, serta autonomi pihak-pihak untuk memilih penimbangtara masing-masing, di samping menentukan peraturan dan tatacara yang bersesuaian untuk digunapakai dalam menjalankan proses Timbangtara berkenaan.

Selaras dengan hasrat bagi meningkatkan penggunaan ADR, BDAC juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi memperkukuhkan ekosistem ADR dan membina kepercayaan orang awam terhadap penggunaannya. Antara inisiatif-inisiatif yang diambil termasuk:

- a) Program kesedaran awam dan pendidikan ADR secara berterusan melalui seminar, forum, syarahan, sesi perkongsian maklumat dan jerayawara di seluruh daerah;
- b) Jangkauan yang lebih tersasar kepada sektor-sektor strategik, termasuk pembinaan, perbankan, tenaga, minyak dan gas, syarikat berkaitan kerajaan, badan berkanun, serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana;
- c) Penyediaan pengantaraan secara pro bono bagi membantu pihak-pihak yang mempunyai sekatan kewangan supaya akses kepada keadilan alternatif dapat diperluaskan;
- d) Pembangunan kapasiti profesional melalui kursus, bengkel, pensijilan dan latihan berterusan, termasuk kerjasama dengan institusi luar negara;
- e) Peningkatan bilangan pengantara dan penimbangtara tempatan yang bertauliah antarabangsa;

- f) Penggunaan platform digital bagi pentadbiran kes, pengurusan dokumen, serta pendengaran secara hibrid dan maya untuk meningkatkan kecekapan;
- g) Pengemaskinian peraturan institusi dan tatacara pengendalian kes supaya proses penyelesaian pertikaian menjadi lebih cekap, responsif dan teratur;
- h) Kerjasama strategik bersama pusat-pusat ADR dan institusi-institusi ADR luar negeri; dan
- i) Kerjasama strategik dengan Mahkamah, Kementerian, Jabatan, Agensi-Agensi Kerajaan, dewan perniagaan dan persatuan industri bagi memperluas kefahaman dan penggunaan ADR.

Kesemua usaha ini menunjukkan bahawa pembinaan keyakinan terhadap ADR adalah suatu proses yang perlu dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Kepercayaan awam dan industri terhadap pengantaraan dan timbangtara perlu dipupuk melalui rekod prestasi yang baik, kualiti pengendalian kes, kepastian perundangan, serta pendedahan yang berterusan. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus menyokong usaha-usaha BDAC untuk mengukuhkan peranan ADR sebagai pelengkap penting kepada sistem keadilan negara serta meningkat Akses kepada Keadilan (*Access to Justice*).

Mengenai penerbitan statistik prestasi secara tahunan, kerajaan mengambil maklum akan kepentingan pelaporan sedemikian dalam meningkatkan kefahaman awam, memperkukuh ketelusan, dan menyokong penilaian dasar. Sehubungan itu, usaha ke arah memperkukuh penyampaian maklumat dan pelaporan prestasi akan terus diteliti dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan institusi dan keperluan dasar. Walaubagaimanapun, dialu-alukan bagi Orang Awam untuk melayari laman sesawang BDAC di www.bdac.com.bn untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai statistik-statistik terkini dan latihan-latihan yang ditawarkan.

Akhir sekali, Kerajaan ingin menggalakkan semua pihak, termasuk sektor swasta, supaya mempertimbangkan ADR — sama ada melalui pengantaraan atau timbangtara — sebagai salah satu saluran utama dalam menyelesaikan pertikaian mereka. Kejayaan pembangunan ekosistem ADR bukan sahaja bergantung pada institusi, tetapi juga pada kesediaan pihak-pihak berkepentingan untuk memanfaatkannya dengan penuh keyakinan dan secara berterusan.

No. Soalan: PT090 & PT093

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keutamaan strategik kerajaan yang akan diberi tumpuan dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memastikan sasaran wawasan tersebut dapat dicapai sepenuhnya? Adakah Kerajaan bercadang melaksanakan semakan pertengahan (*mid-term review*) Wawasan Brunei 2035 dengan indikator yang lebih terukur?

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kementerian-kementerian menyelaraskan pelaksanaan KPI bagi mengelakkan pertindihan program dan pembaziran sumber? Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan setiap pelan tindakan kementerian mencapai hasil yang ditetapkan?

JAWAPAN:

Untuk makluman, tumpuan kerajaan dalam tempoh menuju tahun 2035 adalah untuk memastikan pelaksanaan keutamaan-keutamaan negara terus diperkukuh dan disejajarkan kepada tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035. Keutamaan-keutamaan ini menjadi rujukan bersama dalam memandu dasar, strategi dan pelaksanaan kementerian dan agensi supaya usaha pembangunan negara lebih berfokus kepada Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan yang dihasratkan.

Dalam hal ini, Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 menjadi rujukan strategik bersama bagi memperkukuh pensejajaran antara matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Keutamaan-Keutamaan Negara, Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan dan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (KPI Kebangsaan). Kerangka ini turut menjadi asas kepada penyelarasan *whole of government* supaya perancangan dan pelaksanaan di semua kementerian dan agensi saling melengkapi ke arah hasil yang sama.

Di peringkat kementerian dan agensi, pelan strategik, program, projek dan KPI masing-masing perlu disejajarkan kepada Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan yang berkaitan. Pensejajaran ini penting bagi:

- Memperkukuh penyelarasan merentas kementerian;
- Mengenal pasti bidang yang memerlukan kerjasama bersama;

- Mengurangkan pertindihan usaha; dan
- Memastikan sumber kerajaan di tumpukan kepada hasil yang telah ditetapkan.

Berhubung cadangan semakan pertengahan (*Mid-Term Review*, MTR), Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 sememangnya diteliti dari semasa ke semasa bagi mengambil kira perubahan keutamaan negara serta perkembangan global, termasuk perkembangan teknologi, perubahan iklim, sosial dan demografi, ekonomi serta geopolitik. Penelitian ini turut memberi ruang untuk menilai semula keutamaan dan KPI yang berkaitan supaya kemajuan menuju Wawasan Brunei 2035 dapat dinilai secara lebih jelas dan berasaskan hasil.

Keutamaan-keutamaan negara telah dikenal pasti merangkumi bidang-bidang utama di bawah ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035. Perincian keutamaan mengenai keutamaan-keutamaan tersebut adalah sebagaimana yang telah dihuraikan dalam Kenyataan Menteri mengenai Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 pada hari keempat persidangan Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara. Keutamaan-keutamaan ini seterusnya memandu pensejajaran usaha serta penetapan hasil yang hendak dicapai di peringkat negara.

Pada masa ini, pencapaian Wawasan Brunei 2035 dinilai melalui KPI Kebangsaan yang memberikan gambaran mengenai kemajuan Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan. Maklumat kemajuan ini seterusnya menjadi asas bagi pertimbangan strategik di peringkat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035, manakala pemantauan pelaksanaan program, pelan tindakan dan KPI di peringkat kementerian dan agensi melalui mekanisme masing-masing.

Melalui pensejajaran ini, pelaksanaan dan pencapaian di peringkat kementerian dan agensi dapat dikaitkan dengan keutamaan serta Hasil Pencapaian Kebangsaan. Pensejajaran ini memperkukuh penilaian kemajuan Wawasan Brunei 2035 secara menyeluruh, khususnya dalam mengenal pasti jurang pelaksanaan, bidang yang memerlukan penyelarasan lanjut serta tindakan penambahbaikan yang bersesuaian.

Dengan pendekatan ini, tumpuan bukan sahaja diberikan kepada penetapan keutamaan dan sasaran, tetapi juga kepada penyelarasan pelaksanaan dan pencapaian hasil supaya usaha serta sumber kerajaan dapat memberikan impak yang nyata kepada rakyat dan penduduk serta pembangunan negara.

No. Soalan: PT094 & PT115

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan selain mengadakan program PKBN, latihan-latihan kepimpinan / jati diri, serta peningkatan kemahiran, apakah terdapat perancangan JPM untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif baru bagi menangani dan memperbaiki isu *mindset* dalam Perkhidmatan Awam, kerana isu ini sering dikaitkan dengan soal produktiviti, *efficiency*, kecekapan bertindak, disiplin kerja, dan *delivery system* dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan tekanan kerja dan isu kesihatan mental yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan produktiviti penjawat awam serta apakah strategi proaktif Kementerian menanganinya, termasuk program sokongan, intervensi awal dan mekanisme pemantauan bagi memastikan kesejahteraan mental penjawat awam terpelihara?

JAWAPAN:

Pihak Jabatan Perdana Menteri menitikberatkan kedua-dua perkara tersebut kerana produktiviti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan bukan sahaja dipengaruhi oleh sikap dan keupayaan seorang penjawat awam, tetapi juga oleh kepimpinan, proses kerja, persekitaran organisasi, kejelasan akauntabiliti serta tahap kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam. Selain program pembangunan kepimpinan, jati diri dan peningkatan kemahiran, usaha menangani isu *mindset* turut dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif berikut:

Pertama, melalui penambahbaikan sistem dan proses kerja, pengukuhan pengurusan prestasi serta peningkatan akauntabiliti organisasi, seperti:

- (a) Transformasi Sistem Kerja (TSK), pendekatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) ialah yang bertujuan menambah baik sistem kerja agar penyampaian perkhidmatan menjadi lebih mudah, berkesan dan mesra pelanggan.

Pelaksanaan TSK melibatkan penelitian dan penganalisisan terhadap proses, prosedur kerja serta penggunaan teknologi, termasuk usaha memperkemas aliran kerja, mengurangkan proses dan prosedur yang tidak diperlukan, mengelakkan pengisian maklumat atau penyediaan dokumen secara berulang serta memendekkan tempoh penyampaian perkhidmatan. Pendekatan ini membantu menterjemahkan perubahan *mindset* kepada amalan kerja yang lebih cekap, tangkas dan berorientasikan keperluan orang ramai.

- (b) Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) digunakan untuk mengukur tahap prestasi agensi kerajaan serta mengenal pasti kekuatan dan ruang yang memerlukan penambahbaikan. Pelaksanaannya disokong melalui Penilaian Sendiri di peringkat agensi, penilaian formal dan pemeriksaan susulan bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang telah dipersetujui diambil tindakan.
- (c) Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan Manual Prosedur Kerja membantu memperjelas standard perkhidmatan, proses kerja, pembahagian tanggungjawab dan tempoh pelaksanaan sesuatu urusan. Pencapaian TPOR bagi agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai turut dipantau melalui laporan yang dihadapkan kepada MSD setiap enam (6) bulan. Mekanisme ini membantu membudayakan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan secara berterusan serta meningkatkan komitmen dan akauntabiliti agensi terhadap mutu penyampaian perkhidmatan.

Kedua, melalui pembentukan kepimpinan dan budaya kerja berprestasi tinggi.

- (a) *Civil Service Leadership Pipeline* (CSLP) bukan sahaja menyediakan program pembangunan kepimpinan, tetapi turut merangkumi pengenaltastian pegawai berpotensi, pembangunan secara berstruktur, penilaian berterusan dan perancangan penggantian. Usaha ini bertujuan menyediakan pemimpin yang mampu memberikan hala tuju yang jelas, membimbing pegawai di bawah seliaan masing-masing serta membentuk persekitaran kerja yang mendukung prestasi, disiplin dan akauntabiliti.
- (b) Pelaksanaan aktiviti jangkauan masyarakat (*community outreach*) yang ditawarkan melalui program-program di bawah CSLP, termasuk *Young Executive Programme*, *Executive Development Programme for Middle Management Officers* dan *Executive Development Programme for Senior Government Officers* yang mana melalui penglibatan secara langsung dengan masyarakat, peserta berpeluang memahami keperluan, pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh orang ramai. Pendekatan ini membantu menerapkan prinsip berorientasikan rakyat dalam kalangan bakal pemimpin Perkhidmatan Awam supaya dasar, keputusan dan penyampaian perkhidmatan sentiasa mengambil kira kepentingan serta kesejahteraan rakyat.

- (c) Dari aspek keupayaan melaksanakan dan kerja berpasukan pula, modul *Capacity Review Project* (CRP) diperkenalkan bagi membantu agensi penerima meningkatkan keupayaan dan melaksanakan penambahbaikan untuk pertumbuhan serta kejayaan yang mampan dalam mencapai visi dan misi kementerian atau jabatan. Melalui pelaksanaan projek secara berkumpulan, peserta berpeluang memperkukuh kemahiran menganalisis isu organisasi, bekerjasama merentas fungsi dan menterjemahkan cadangan kepada tindakan. Modul ini turut memuatkan lawatan pembelajaran ke negara jiran seperti Singapura bagi memberikan pendedahan kepada pendekatan dan amalan yang relevan.
- (d) Sebagai usaha pelengkap dalam pembentukan nilai dan sikap kerja, modul Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang ditawarkan oleh Institut Perkhidmatan Awam adalah antara salah satu usaha untuk memperkukuh penghayatan nilai, akhlak dan etika dalam pelaksanaan tugas. Modul tersebut turut mendukung pembentukan sikap kerja yang amanah, berdisiplin, bertanggungjawab dan berintegriti dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.

Ketiga, melalui pengukuhan prestasi, inovasi dan kecemerlangan secara berterusan.

- (a) Dalam aspek pengurusan prestasi individu, Sistem Pengurusan Prestasi sedia ada menyediakan mekanisme bagi menetapkan jangkaan dan sasaran kerja, memantau pencapaian serta mengenal pasti tindakan yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi pegawai. Di samping itu, penelitian turut diberikan kepada usaha mewujudkan suatu pendekatan dasar bagi menangani prestasi rendah secara lebih berstruktur, adil dan berkesan, dengan mengambil kira amalan-amalan baik sektor swasta yang bersesuaian dengan konteks, peraturan dan nilai Perkhidmatan Awam. Pendekatan ini akan memberikan perhatian kepada kejelasan jangkaan prestasi, bimbingan dan sokongan kepada pegawai, pemantauan kemajuan serta tindakan susulan yang konsisten.
- (b) Budaya inovasi pula diterapkan melalui Anugerah Inovasi Perdana (AIP), yang menggalakkan warga Perkhidmatan Awam menghasilkan dan melaksanakan idea baharu bagi meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan. Antara impak projek-projek AIP ialah memudahkan pengurusan kerja, meningkatkan kecekapan dan produktiviti jabatan serta mudah cara dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan. Bermula pada tahun 2025, penyertaan AIP turut merangkumi projek usaha sama strategik antara pihak kerajaan dengan sektor swasta yang memberikan impak kepada kualiti perkhidmatan awam serta manfaat kepada rakyat.

- (c) Dalam masa yang sama, prestasi dan sikap kerja yang boleh dijadikan teladan diberikan pengiktirafan melalui Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam semasa Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam. Penilaiannya merangkumi prestasi, disiplin, akauntabiliti, integriti, semangat berpasukan, layanan kepada pelanggan dan kreativiti. Pengiktirafan ini membantu menggalakkan budaya kecemerlangan, memberikan contoh positif kepada warga Perkhidmatan Awam dan memupuk persaingan yang sihat dalam meningkatkan mutu perkhidmatan.

Keempat, melalui inisiatif dalam memelihara kesejahteraan mental serta persekitaran kerja yang selamat, harmoni dan kondusif.

- (a) Dalam mendukung Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam turut menyediakan Garis Panduan Menangani Gangguan di Tempat Kerja dalam Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan pada bulan November 2025. Garis panduan ini memberikan kefahaman mengenai bentuk-bentuk gangguan di tempat kerja, termasuk penyalahgunaan kuasa, tindas atau buli, gangguan seksual dan gangguan psikologi yang boleh menjejaskan kesejahteraan serta kesihatan mental pegawai dan kakitangan. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan saluran untuk menangani aduan, tetapi juga mendukung usaha pencegahan serta memastikan isu yang boleh menjejaskan kesejahteraan pegawai diberikan perhatian dan tindakan yang bersesuaian.
- (b) Antara inisiatif sokongan dan intervensi awal yang turut dilaksanakan ialah Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam yang telah bermula pada April 2025. Program ini bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan perkhidmatan kaunseling dalam Perkhidmatan Awam agar ianya lebih efisien dan telus kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam. Program ini melatih peserta dalam pengetahuan dan kemahiran asas kaunseling agar dapat berperanan sebagai responden pertama (*first responder*) di Kementerian dan Jabatan masing-masing yang seterusnya akan menjadi sumber rujukan khidmat kaunseling. Program ini juga sekali gus akan dapat membantu memupuk sifat *help-seeking behaviour* di kalangan warga Perkhidmatan Awam dalam mendapatkan bantuan professional khususnya bagi isu yang berkaitan dengan kesihatan mental. Antara tugas pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Rakan Musaaid adalah:
- Mengenal pasti warga Perkhidmatan Awam yang memerlukan bantuan atau menghadapi isu di tempat kerja dan berfungsi sebagai rakan bantu (*support*), dan,
 - Merujuk warga Perkhidmatan Awam yang dikenal pasti yang memerlukan perkhidmatan kaunseling.

- (c) Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling turut menyediakan perkhidmatan kaunseling individu sebagai satu mekanisme intervensi awal bagi membantu warga Perkhidmatan Awam dalam menangani cabaran yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan prestasi kerja mereka. Melalui sesi kaunseling yang dihadiri, klien akan menjalani proses penerokaan bagi mengenal pasti cabaran yang dihadapi, termasuk perkara-perkara yang boleh mengakibatkan penurunan dalam produktiviti dan disiplin kerja. Dengan menjalani sesi kaunseling, klien akan dapat mula memahami punca masalah yang dihadapi dan membina kaedah daya tindak yang lebih baik serta merancang tindakan yang bersesuaian ke arah perubahan yang positif. Intervensi awal ini dapat membantu mengelakkan sesuatu isu daripada menjadi lebih serius, di samping membantu pegawai mengembalikan tahap kesejahteraan dan keupayaan mereka untuk menjalankan tugas dengan berkesan.
- (d) Usaha pencegahan dan peningkatan kesedaran turut dilaksanakan melalui penyebaran maklumat secara berterusan, termasuk penyediaan infografik *Mind eFact*. Setakat ini, sebanyak 36 keluaran telah disediakan, iaitu 18 versi bahasa Melayu dan 18 versi bahasa Inggeris, serta 8 artikel melalui Pelita Brunei dan Borneo Bulletin sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi warga Perkhidmatan Awam, orang ramai, para pelajar dan pihak swasta. Inisiatif ini merangkumi topik-topik berkaitan isu semasa, bidang psikologi dan motivasi, penjagaan kesihatan mental, pengurusan tekanan, kesejahteraan dan hubungan di tempat kerja, serta persekitaran kerja yang toksik. Bahan-bahan tersebut boleh didapati melalui pelbagai platform seperti laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam, media sosial rasmi Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, iaitu Instagram dan Facebook, serta media massa.

Secara keseluruhannya, usaha menangani isu *mindset* dan memelihara kesejahteraan mental dilaksanakan melalui pendekatan yang saling melengkapi, meliputi pembangunan kepimpinan dan individu, penerapan nilai dan etika kerja, pengukuhan keupayaan melaksana dan kerja berpasukan, pengurusan prestasi, pembudayaan inovasi, pengiktirafan kecemerlangan, penambahbaikan proses kerja, pengukuhan akauntabiliti serta penyediaan sokongan dan intervensi awal. Kesemua usaha ini menjurus kepada peningkatan produktiviti dan disiplin kerja serta penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai yang lebih cekap, responsif dan berintegriti.

No. Soalan: PT108

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian mewajibkan setiap hasil penyelidikan dan tesis IPT tempatan dinilai serta dipertimbangkan dalam penggubalan dasar negara? Apakah mekanisme rasmi, KPI dan akauntabiliti yang memastikan dapatan penyelidikan diterjemahkan kepada pelaksanaan dasar, inovasi perkhidmatan awam dan penyelesaian nasional, bukannya sekadar tersimpan sebagai rujukan di perpustakaan?

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidaklah ada mekanisma yang mewajibkan penghasilan kertas penyelidikan dan tesis IPT tempatan untuk diterjemahkan ke dalam penggubalan dasar. Walau bagaimanapun, terdapat dua mekanisme utama yang menyokong pemanfaatan hasil penyelidikan dan kertas kerja yang dilaksanakan oleh penjawat awam, iaitu melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan juga dari Kertas-Kertas Dasar (*Policy Paper*) dari beberapa Program Kepimpinan yang diadakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Perkhidmatan Awam.

Sukacita dikongsikan kepada Yang Berhormat, bahawa Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) merupakan satu mekanisma pembangunan kapasiti bagi meningkatkan tahap kelulusan akademik, kepakaran dan kemahiran warga perkhidmatan awam, sejajar dengan keperluan organisasi. Melalui skim ini juga akan dapat meningkatkan kebolehan pegawai/ kakitangan dalam memberikan sumbangan yang lebih bernilai, berkualiti serta meningkatkan prestasi Kementerian/Jabatan. Perkara ini adalah mengambilkira jua bahawa penghantaran adalah berdasarkan kepada perancangan strategik Kementerian/ Jabatan masing-masing.

Bagi memastikan permohonan LDP yang dipohonkan adalah selaras dengan keperluan organisasi, setiap permohonan berserta kertas cadangan penyelidikan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sokongan dan pengesahan Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan, dan melalui beberapa proses penilaian di peringkat Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia Kementerian dan juga Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan.

Antara perkara yang dipertimbangkan ialah sama ada program pengajian dan penyelidikan tersebut selaras dengan keperluan dan perancangan strategik Kementerian atau Jabatan, berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab pegawai atau kakitangan, serta dapat memberi nilai tambah dalam membantu meningkatkan produktiviti dan efisiensi Kementerian atau Jabatan. Pemohon juga perlu menghadapi perancangan selepas menamatkan pengajian, termasuk tugas yang akan dilaksanakan serta impak penyelidikan atau kertas cadangan kepada Kementerian, Jabatan dan Negara secara amnya. Bagi permohonan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD), pemohon akan menjalani temuduga oleh Jawatankuasa Kerja Penilai PhD, Jabatan Perkhidmatan Awam, bagi memastikan penyelidikan yang dilaksanakan adalah berkualiti dan berimpak tinggi serta amatlah relevan dengan keperluan Kementerian/ Jabatan.

Setelah pegawai-pegawai berkenaan tamat kursus menghadiri ijazah sarjana dan PhD, tesis atau kertas kerja cadangan hendaklah dihadapkan ke JPA. Sebagai langkah memperluaskan perkongsian ilmu, pihak JPA merancang untuk menyenaraikan kertas-tesis dan kertas kerja cadangan untuk di dikongsikan di laman sesawang JPA.

Mengikut data yang diperolehi, sebanyak 46 tajuk tesis yang telah diterima oleh JPA bagi pegawai yang menghadiri kursus Masters, dan sebanyak 7 kertas kerja tesis daripada pegawai yang dihantar untuk menghadiri kursus PhD, seperti jadual berikut:

Kursus	Tahun Tamat Kursus					Jumlah
	2022	2023	2024	2025	2026	
Masters (Thesis)	4	6	16	16	4	46
PhD (Thesis)	2	2	1	2	-	7

Dari aspek pemanfaatan hasil penyelidikan, Kementerian dan Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan pegawai yang telah menamatkan pengajian berkongsi dapatan penyelidikan serta mempertimbangkan pelaksanaan cadangan yang bersesuaian bagi menambah baik sebarang dasar, proses kerja dan penyampaian perkhidmatan mengikut keperluan organisasi masing-masing.

Selain itu, melalui Program Kepimpinan Perkhidmatan Awam atau flagship program CSLP, peserta program dikehendaki untuk menghasilkan kertas dasar (*policy paper*) berkaitan dengan kepentingan agensi masing-masing.

Peserta program perlu mengenal pasti dan menjalankan penyelidikan mengenai sesuatu topik berkaitan usaha memperbaiki, meminda atau mewujudkan dasar bagi mengatasi isu semasa yang dihadapi oleh agensi kerajaan dalam mencapai matlamat jabatan, kementerian atau negara. Penghasilan kertas dasar tersebut akan meningkatkan keupayaan analisis peserta untuk menghubungkan konsep-konsep teori dengan masalah sebenar (*real cases*) dan untuk membolehkan mereka menangani masalah dasar-dasar yang strategik yang dihadapi oleh tadbir urus dan Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PT114**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan kajian atau penilaian berkala yang dilaksanakan bagi mengukur tahap kepuasan kerja, kesejahteraan dan keseimbangan kehidupan-pekerjaan dalam kalangan penjawat awam, serta apakah langkah intervensi dirancang bagi menangani isu yang dikenal pasti?

JAWAPAN:

Pihak Jabatan Perdana Menteri mengambil baik cadangan mengenai pelaksanaan kajian atau penilaian yang menyeluruh dan berkala. Pendekatan sedemikian sememangnya dapat menyokong usaha memperoleh gambaran yang lebih lengkap mengenai pengalaman warga Perkhidmatan Awam di tempat kerja, di samping membantu mengenal pasti isu dan keperluan serta bentuk intervensi yang bersesuaian.

Setakat ini, belum terdapat satu kajian berkala yang dilaksanakan secara menyeluruh di Perkhidmatan Awam yang secara khusus mengukur ketiga-tiga aspek berkenaan, iaitu kepuasan kerja, kesejahteraan dan keseimbangan kehidupan-pekerjaan. Walau bagaimanapun, maklumat dan petunjuk berkaitan keadaan penjawat awam diperoleh melalui beberapa mekanisme sedia ada, termasuk sistem pengurusan prestasi, penilaian organisasi, perkhidmatan kaunseling, program sokongan rakan sekerja dan mekanisme aduan dalaman.

Antaranya ialah Sistem Pengurusan Prestasi Perkhidmatan Awam yang membolehkan prestasi pegawai dinilai secara lebih sistematik dan objektif berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama atau KPI kompetensi yang diperlukan dalam melaksanakan peranan masing-masing, dan disokong oleh pemantauan pencapaian hasil yang dilaksanakan mengikut kitaran sistem penilaian prestasi. Walaupun penilaian prestasi tersebut bukanlah ukuran langsung terhadap tahap kepuasan kerja atau kesejahteraan pegawai, hasilnya dapat membantu mengenal pasti tahap pencapaian dan kompetensi, cabaran dalam pelaksanaan tugas serta keperluan sokongan, latihan dan pembangunan pegawai, dan juga boleh menjadi salah satu indikator untuk mengenal pasti isu-isu yang berpotensi menjejaskan prestasi, kesejahteraan dan produktiviti pegawai, sekali gus membantu mengenal pasti intervensi dan sokongan yang diperlukan.

Dalam masa yang sama, dapatan berkenaan juga menjadi antara asas bagi pengurusan bakat dan kemajuan kerjaya, termasuk pertimbangan kenaikan pangkat, peluang memangku jawatan, penempatan dan penyertaan dalam program pembangunan kepimpinan seperti *Civil Service Leadership Pipeline*.

Penilaian berkala juga dilaksanakan terhadap agensi di bawah program 3PSA melalui skop sumber tenaga manusia yang menitikberatkan keperluan organisasi untuk mewujudkan amalan budaya berpasukan dan persekitaran kerja yang harmoni, antaranya adalah mustahak bagi agensi kerajaan untuk melaksanakan kajian tahap kepuasan warga kerja masing-masing, menubuhkan Jawatankuasa dalaman dan melaksanakan program yang berunsurkan keugamaan, kemasyarakatan, dan kesukanan seperti contoh program *Workplace and Health* (WAH), iaitu inisiatif Kementerian Kesihatan juga menjadi salah satu kriteria penilaian di bawah skop 3PSA.

Dari aspek kesejahteraan dan sokongan psikososial, Jabatan Perkhidmatan Awam juga menyediakan pelbagai bentuk sokongan termasuklah perkhidmatan kaunseling melalui Bahagian Perkhidmatan Kaunseling. Gambaran umum mengenai isu yang dikendalikan melalui perkhidmatan tersebut boleh memberikan petunjuk mengenai perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan lanjut di peringkat Kementerian dan Jabatan.

Selain itu, sokongan awal di tempat kerja turut diperkukuh melalui Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam yang mana melatih pegawai-pegawai terpilih daripada kementerian dan jabatan dengan kemahiran asas kaunseling bagi membolehkan mereka mendekati serta memberikan sokongan awal kepada rakan sekerja yang memerlukan.

Dalam masa yang sama, mekanisme pengendalian aduan dalaman juga penting untuk mencegah dan menangani unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan kesejahteraan warga kerja. Usaha ini didukung melalui penyediaan garis panduan yang berkaitan, termasuk Garis Panduan Menangani Gangguan di Tempat Kerja yang alhamdulillah telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam pada tahun 2025.

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam terus memperkukuh dasar dan amalan terbaik berkaitan kesihatan mental dan kesejahteraan penjawat awam melalui kerjasama serantau, termasuklah penganjuran bengkel bertajuk *Strengthening Government Strategies on Mental Health and Well-Being towards Work-Life Balance in the Public Sector* pada tahun 2024. Usaha tersebut seterusnya menyumbang kepada penghasilan '*ASEAN Statement on Strengthening Government Strategies on Mental Health and Well-Being Towards Achieving Work-Life Balance in Public Sector*'.

No. Soalan: PT065**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Kementerian boleh mengarusperdanakan peluang pembaharuan Vision 2030 Arab Saudi ke dalam strategi pengantarabangsaan perusahaan Brunei, termasuk mengenalpasti sektor berpotensi tinggi serta memudahkan cara penyertaan syarikat tempatan dalam rantai nilai dan pelaburan di Arab Saudi?

JAWAPAN:

Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri akan sentiasa memberikan komitmen berterusan dalam meneroka pasaran dan pelaburan antarabangsa. Walaubagaimanapun, penilaian khusus berhubung peluang yang terbit daripada pelaksanaan pembaharuan Vision 2030 Arab Saudi masih di peringkat awal.

Sehubungan itu, Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) bersama agensi-agensi berkaitan akan melaksanakan penilaian menyeluruh bagi mengenal pasti sektor yang mempunyai potensi dan permintaan pasaran, serta menilai tahap kesiapsiagaan perusahaan Negara Brunei Darussalam untuk menyertai rantai nilai dan peluang pelaburan di Arab Saudi.

Penilaian tersebut juga perlu mengambil kira keperluan pasaran, peraturan dan piawaian yang berkuatkuasa, peluang kerjasama dengan pembeli, pengedar atau rakan pelaburan, serta bentuk sokongan dan pemudahcaraan yang bersesuaian yang dapat dilaksanakan oleh BEDB bersama agensi-agensi berkaitan.

Dalam konteks hubungan dua hala, Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi akan terus memanfaatkan kerjasama yang sedia ada melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (Joint Committee Meeting, JCM), bagi membincangkan dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang dipersetujui bersama, antaranya perdagangan dan pelaburan, industri halal, pelancongan, pertanian serta bidang-bidang lain yang mempunyai kepentingan bersama.

Kementerian akan terus menggunakan mekanisme ini bagi meneroka kerjasama ekonomi yang berkaitan yang dapat dimanfaatkan oleh perusahaan Brunei di peringkat antarabangsa, sekaligus menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT068

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah bantuan kewangan, geran dan insentif yang telah disalurkan kepada perusahaan tempatan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini mengikut skim, serta apakah mekanisme yang digunakan bagi menilai keberkesanan bantuan tersebut dari segi pertumbuhan jualan, produktiviti, eksport, peluang pekerjaan dan kelangsungan syarikat penerima?

JAWAPAN:

Setakat ini, BEDB telah merekodkan bantuan kewangan, geran dan pelaburan yang disalurkan atau dimudah cara melalui beberapa skim termasuk:

- *Skim Co-Matching*: 104 permohonan telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan pembiayaan sebanyak BND1,513,223.91. Skim ini menawarkan pembiayaan sehingga BND20,000.00 bagi setiap PMKS berdasarkan nisbah 70:30 antara BEDB dan penerima.
- *Growth Facilitation Fund*: 3 syarikat di bawah Program *Elevate* yang telah menerima suntikan kewangan sebanyak BND276,000.00, dengan menyediakan pembiayaan sehingga 60 peratus daripada kos aktiviti yang dibenarkan, dengan jumlah maksima BND100,000.00 bagi setiap syarikat.
- *Startup Catalyst Fund*: bagi tahun kewangan 2026/2027, satu pelaburan berjumlah BND500,000.00 telah diluluskan. Dana ini merupakan pelaburan bersama firma venture capital serantau (dengan nisbah 1:1) dan bukan berbentuk geran.
- *Angel Investing Network*: memudah cara pelaburan swasta daripada pelabur *angel* tempatan dan luar negara ke dalam syarikat *startup* dan PMKS tempatan dengan jumlah terkumpul adalah sebanyak BND2,645,800.00 sejak tahun 2021. Pada tahun kewangan 2026/2027, satu pelaburan tambahan berjumlah BND200,000.00 telah dibuat di dalam syarikat tempatan.

-
- Pembiayaan bank (*Bank Financing*): Pihak BEDB telah membantu menyelaras 32 PMKS tempatan mendapatkan skim pinjaman dari institusi perbankan tempatan. Bagi tahun kewangan 2026/2027 setakat ini, dua syarikat tempatan telah diberikan kelulusan berjumlah BND100,000.00. Pembiayaan ini disalurkan oleh institusi perbankan secara langsung dan tidak termasuk dalam jumlah geran BEDB.

BEDB akan terus memperkukuh pemantauan bagi menilai bukan sahaja jumlah bantuan yang disalurkan, tetapi juga terhadap impaknya pertumbuhan dan daya tahan syarikat penerima.

No. Soalan: PT077

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan setakat manakah hasil perkembangan dan pencapaian lima sektor utama dalam *Economic Blueprint* melonjakkan daya saing negara, FDI, menjana pekerjaan berkualiti serta memajukan sektor-sektor utama dan sokongan khususnya merealisasikan ekosistem ease of doing business melalui pelaburan lebih kompetitif, sekaligus mewujudkan *multiplier* dan *spillover effects* kepada pertumbuhan sosio ekonomi negara?

JAWAPAN:

Lima (5) sektor keutamaan yang dikenal pasti di bawah *Economic Blueprint*, Hiliran Minyak dan Gas, Perkhidmatan (logistik dan pengangkutan), Makanan, Pelancongan, dan Infokomunikasi dan Teknologi (ICT); merupakan pemacu utama dalam mempercepatkan usaha kepelbagaian ekonomi, meningkatkan daya saing negara, menarik pelaburan berkualiti, serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi. Pembangunan sektor-sektor keutamaan ini adalah selaras dengan hasrat negara ke arah merealisasikan Matlamat Ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu “Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan”.

Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025, lima (5) sektor Keutamaan telah mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 3.3 peratus, terutamanya didorong oleh:

- Sektor Hiliran Minyak dan Gas merekodkan peningkatan purata sebanyak 3.5 peratus, disokong oleh peningkatan pengeluaran metanol, produk petrokimia, dan baja urea. Peningkatan pengeluaran ini didorong oleh beberapa perkembangan utama, termasuk peningkatan kapasiti pengeluaran metanol, Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia Hengyi Fasa 1 yang mula beroperasi pada tahun 2019, serta pelancaran Loji Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. yang mula beroperasi pada tahun 2022.
- Dalam tempoh lima (5) tahun dari 2020 hingga 2025, sektor ini mencatatkan pertumbuhan KDNK yang sederhana sebanyak 0.2 peratus secara purata, terutamanya didorong oleh pertumbuhan aktiviti perkhidmatan sokongan kepada pengangkutan air dan pengendalian kargo, selaras dengan peningkatan volum kargo pengangkutan laut.

Nota:

Volum kargo pengangkutan laut (Metrik Tan) mengikut tahun

Tahun	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Volume (Metrik Tan)	1,147.0	992.6	1,202.6	1,733.9	1,681.6	1,858.9

- Sektor Makanan meningkat secara purata sebanyak 0.8 peratus, didorong terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor ternakan, berikutan kenaikan pengeluaran kerbau, telur, dan ayam pedaging. Selain itu, subsektor perikanan meningkat, berikutan peningkatan industri penangkapan ikan, dan juga industri akuakultur, khususnya ikan dalam sangkar.
- Sektor Pelancongan menunjukkan peningkatan purata sebanyak 16.8 peratus, selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa.

Nota:

Jumlah Ketibaan Pelancong Antarabangsa mengikut tahun

Tahun	2020*	2021	2022	2023	2024**	2025
Jumlah (Orang)	63,851	3,543	35,701	149,009	678,037	730,398

Key: * Situasi Pandemik dan ** Situasi Pasca Pandemik.

- Sektor *ICT* meningkat sebanyak 2.5 peratus secara purata, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan langganan internet dan trafik jalur lebar tetap. Perkembangan ini sejajar dengan trend global, di mana permintaan beralih kepada rangkaian berkapasiti tinggi untuk menyokong aplikasi berintensif data seperti penstriman video, perkhidmatan awam, kerja jarak jauh, serta penggunaan perkhidmatan digital dalam talian yang semakin meningkat.

Tambahan lagi, antara usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan pertumbuhan lima (5) sektor keutamaan tersebut adalah:

- Penubuhan loji penapisan minyak dan petrokimia daripada Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. pada tahun 2019, dan juga loji Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. pada tahun 2022, yang menyumbang secara langsung kepada peningkatan pengeluaran, sekali gus meningkatkan sumbangan Sektor Hiliran Minyak dan Gas kepada ekonomi negara.
- Subsektor tanaman adalah didorong oleh kenaikan pengeluaran produk buah-buahan dan padi, selaras dengan inisiatif yang telah dilaksanakan seperti menawarkan tapak-tapak pertanian dan perikanan melalui program-program yang sedia-ada seperti Projek Rintis (*Pilot Project*); Tambahan Kawasan (*Expansion*), Perladangan Berkontrak (*Contract Farming*); dan menekankan penggunaan teknologi dan teknik perladangan moden.

- Sektor Pelancongan adalah didokong oleh pemulihan aktiviti penerbangan dan peningkatan konektiviti antarabangsa selepas pembukaan semula pasca-pandemik yang secara langsung menyokong Sektor Pengangkutan Udara melalui peningkatan bilangan ketibaan pelancong. Selain itu, sokongan berterusan dan pendaftaran agensi pelancongan oleh pihak berkuasa pelancongan membolehkan perniagaan pelancongan bekerjasama dalam menyediakan pakej lawatan dan perkhidmatan pelawat secara bersepadu.
- Sektor *ICT* antara lainnya didorong oleh penyatuan infrastruktur telekomunikasi negara di bawah *Unified National Networks* (UNN) antara tahun 2021 hingga 2024. Penyatuan ini telah meningkatkan kecekapan pengurusan rangkaian, meluaskan liputan, serta menambah baik kualiti perkhidmatan. Hasilnya, kelajuan jalur lebar dan peluasan rangkaian dapat dipertingkatkan, sekali gus menggalakkan kepelbagaian pelan jalur lebar dan mudah alih, serta peningkatan bilangan pelanggan yang menyumbang kepada pertumbuhan subsektor telekomunikasi. Dalam masa yang sama, pelaksanaan sistem pembayaran segera “TARUS” oleh National Digital Payments Network Sdn Bhd menyokong transaksi yang pantas, selamat, dan lancar dalam masa 24 jam merentasi bank dan e-dompet yang menyertai, sekali gus mempercepat pendigitalan ekonomi.
- Sektor Perkhidmatan, khususnya maritim dan logistik: Pelaksanaan *Brunei Darussalam National Single Window* (BDNSW) yang berintegrasi dengan *ASEAN Single Window* membolehkan pertukaran dokumen perdagangan secara elektronik. Transformasi ini akan diteruskan dengan integrasi teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dan *SMART Customs*, bagi mempercepatkan proses pelepasan barangan secara automatik. Disamping itu, perkhidmatan Warisan Shipping Lines (WSL) merentasi rantau *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) yang telah bermula pada tahun 2024, termasuk pelabuhan utama seperti Samalaju dan Lahad Datu yang membolehkan Pelabuhan Muara berperanan sebagai hab pengagregatan dan pengagihan semula kargo. Ini membolehkan barangan daripada pelabuhan serantau berskala lebih kecil dikumpulkan di Pelabuhan Muara dan dihantar secara efisien ke pasaran antarabangsa yang lebih besar, melancarkan perdagangan serta merangsang lebih banyak aktiviti sokongan perkapalan.

Dari aspek pelaburan, pembangunan sektor-sektor keutamaan ini telah berjaya menarik pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing (FDI), sekali gus memperkukuh keyakinan pelabur terhadap negara sebagai destinasi pelaburan yang stabil, berdaya saing, dan kondusif. Setakat bulan Jun 2026, jumlah FDI di bawah sektor keutamaan tersebut telah mencecah sebanyak USD5.9 bilion, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh industri hiliran minyak dan gas.

Pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan kapasiti pengeluaran dan nilai eksport negara, malah turut merangsang pembangunan industri sokongan, pemindahan teknologi dan pengetahuan, pembangunan modal insan serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan.

Manakala, dari segi penjanaan pekerjaan, sektor-sektor keutamaan tersebut juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, dengan menyediakan sekitar 61,000¹ peluang pekerjaan pada tahun 2024, termasuk melalui perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat FDI.

¹ Sumber: Laporan Awal Banci Tahunan Perusahaan 2024, Jabatan Perangkaan

No. Soalan: PT085

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Kementerian bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan, termasuk Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, bagi meningkatkan keupayaan pegawai barisan hadapan berkomunikasi dalam bahasa asing serta memastikan ketepatan dan mutu maklumat pelancongan dalam pelbagai bahasa menjelang *Visit Brunei Year 2027*?

JAWAPAN:

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama, memperkukuhkan pembangunan kompetensi tenaga kerja industri hospitaliti dan pelancongan.

Kementerian terus memperkukuhkan piawaian kompetensi sektor hospitaliti dan pelancongan melalui kerjasama bersama *Manpower Industry Steering Committee bagi Hospitaliti dan Pelancongan (MISC-HT)*, institusi awam dan swasta, serta rakan kerjasama antarabangsa seperti ASEAN-China Centre, ASEAN-Korea Centre dan ASEAN-Japan Centre.

Kerjasama ini merangkumi pembangunan kemahiran profesional, peningkatan standard perkhidmatan, komunikasi antara budaya (*cross-cultural communication*) serta latihan yang memenuhi keperluan industri pelancongan yang semakin berkembang.

Bagi tahun 2026, pelbagai program pembangunan kapasiti telah dan sedang dilaksanakan, termasuk latihan *Customer Service Excellence, Basic First Aid, Health, Safety and Environment (HSE)*, serta program perkongsian ilmu berkaitan sejarah, warisan dan produk pelancongan.

Latihan ini bertujuan memastikan petugas industri bukan sahaja mempunyai pengetahuan mengenai destinasi, tetapi juga mampu menyampaikan pengalaman pelancongan yang profesional, selamat dan berkualiti kepada pelawat.

Kedua, meningkatkan keupayaan komunikasi bahasa asing dan kefahaman budaya pelawat antarabangsa.

Memandangkan pasaran pelancongan Brunei semakin berkembang dan melibatkan pelbagai pasaran antarabangsa, Kementerian memberi perhatian kepada peningkatan kemahiran bahasa asing khususnya bagi petugas yang berinteraksi secara langsung dengan pelawat.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah penyediaan *Language and Cross-Cultural Communication Courses* melibatkan bahasa seperti *Mandarin, Korean, Japanese dan Russian*, yang bukan sahaja memberi fokus kepada kemahiran bahasa, tetapi juga pemahaman terhadap budaya, keperluan dan jangkaan pelawat daripada pasaran berkenaan.

Selain itu, Kementerian terus memperluaskan bilangan dan keupayaan pemandu pelancong bertauliah melalui pelaksanaan *Basic Tourist Guide Course*, termasuk kursus khusus seperti *Basic Nature and Wildlife Specialized Tourist Guide Course* serta *Basic Tourist Guide Course in Mandarin* yang dijadualkan pada tahun 2026 ini. Usaha ini penting bagi memastikan Brunei mempunyai tenaga kerja yang mampu memberikan pengalaman yang lebih bermakna kepada pelawat daripada pelbagai latar belakang.

Ketiga, memperkukuhkan budaya hospitaliti melalui Kempen MESRA senegara. Selain kemahiran teknikal dan bahasa, elemen keramahan, kesopanan dan sikap layanan merupakan kekuatan utama Negara Brunei Darussalam.

Melalui Kempen Kesedaran Kebangsaan MESRA, Kementerian berusaha untuk membudayakan *standard* hospitaliti yang konsisten dalam kalangan seluruh ekosistem pelancongan, termasuk petugas barisan hadapan, pengusaha hotel, restoran, pengangkutan serta penyedia perkhidmatan pelancongan.

Kempen ini bertujuan memperkukuhkan budaya layanan berasaskan nilai-nilai Brunei yang terkenal dengan sifat mesra, menghormati tetamu dan memberikan pengalaman yang positif kepada pelawat antarabangsa.

No. Soalan: PT086

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah untuk memperluaskan penerimaan kaedah pembayaran tanpa tunai yang boleh digunakan oleh pelawat antarabangsa di premis-premis perniagaan yang dikunjungi penumpang kapal persiaran, supaya lebih banyak perbelanjaan mereka dapat dimanfaatkan oleh perniagaan tempatan.

JAWAPAN:

Penerimaan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*) dalam kalangan premis perniagaan tempatan merupakan satu aspek penting yang perlu diperkukuhkan, khususnya dalam menyokong pertumbuhan sektor pelancongan dan memastikan lebih banyak perbelanjaan pelawat antarabangsa dapat dimanfaatkan oleh perniagaan tempatan.

Pada masa ini, semakin ramai pelawat, khususnya dari negara-negara utama pasaran sasaran, telah terbiasa menggunakan pembayaran digital dan tanpa tunai sebagai kaedah utama semasa melakukan transaksi. Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam pada masa ini masih dalam fasa peralihan, di mana sebahagian daripada aktiviti perniagaan, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan peniaga mikro, masih banyak bergantung kepada transaksi tunai.

Keadaan ini berpotensi menjadi satu cabaran kepada pelawat antarabangsa kerana keterbatasan kaedah pembayaran boleh menjejaskan kemudahan mereka untuk berbelanja, terutamanya di lokasi-lokasi pelancongan, pasar, premis makanan serta aktiviti komuniti.

Menyedari perkara tersebut, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang mengambil beberapa langkah bersama pihak berkepentingan bagi memperluaskan penerimaan pembayaran digital dalam ekosistem pelancongan.

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah kerjasama bersama institusi kewangan tempatan seperti Baiduri Bank bagi menjalankan percubaan (*pilot initiative*) bersama beberapa pengusaha di kawasan tumpuan pelancong seperti Pasar Gadong. Sebagai perkembangan awal, tiga pengusaha di Pasar Malam Gadong telah mula menerima pembayaran tanpa tunai menerusi kaedah *Visa* atau *Mastercard* dan pembayaran melalui kod QR juga semakin mendapat sambutan dalam kalangan *vendor* di Pekan Muara.

Inisiatif ini bertujuan untuk menguji keberkesanan penggunaan pembayaran digital dalam kalangan peniaga kecil, mengenal pasti cabaran pelaksanaan serta membangunkan contoh kejayaan (*success stories*) yang boleh diperluaskan kepada premis-premis perniagaan lain.

Namun, terdapat beberapa pilihan pada masa ini seperti *Pocket E-Wallet*, TARUS QR Kod, yang berpotensi membantu memudahkan transaksi, khususnya kepada pelawat yang tidak mempunyai akaun bank tempatan. Pada masa yang sama, Kementerian turut bekerjasama dengan pihak penyedia penyelesaian pembayaran seperti *National Digital Payment Networks (NDPX)* bagi meneroka peluang kerjasama dan penyelesaian yang lebih sesuai untuk kegunaan pelawat antarabangsa pada masa hadapan. Sebagai contoh, dalam masa terdekat, para pelawat akan dapat menikmati kemudahan pembayaran secara digital melalui satu *platform e-wallet* menggunakan kod QR; yang mana selama ini hanya dibukakan kepada penduduk tempatan sahaja. Platform ini juga akan membolehkan pelawat menambah nilai (*top up*) *e-wallet* mereka dengan mudah melalui kiosk yang disediakan atau menggunakan kad pembayaran, sekaligus menyokong usaha memperluaskan penggunaan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan pelancong dan peniaga tempatan.

Walau bagaimanapun, cabaran utama bukan sahaja dari segi penyediaan teknologi, tetapi juga dari segi menggalakkan penyertaan lebih ramai peniaga, khususnya perusahaan kecil dan mikro, untuk menerima kaedah pembayaran tersebut.

Ini memerlukan pendekatan secara berperingkat melalui peningkatan kesedaran, sokongan teknikal serta penyediaan penyelesaian yang mudah digunakan, kos efektif dan sesuai dengan keperluan peniaga kecil.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan pihak industri, institusi kewangan dan penyedia teknologi bagi mempercepatkan peralihan ini, supaya ekosistem pelancongan negara menjadi lebih mesra pelawat, kompetitif dan mampu memastikan peningkatan perbelanjaan pelancong memberi manfaat secara terus kepada perniagaan tempatan.

No. Soalan: PT100

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha yang diambil untuk menarik lebih banyak pelaburan luar asing ke Negara ini? Pada masa tidak banyak yang kita dengar mengenai kemasukan pelaburan baru ke Negara ini sedangkan kita banyak potensi dan pulangannya kepada Negara adalah jelas.

JAWAPAN:

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) akan terus melaksanakan peranan sebagai pusat rujukan, dan dalam menyelaraskan serta memudahkan kemajuan projek-projek *FDI*, dari fasa penerokaan komersial dan perancangan, hingga ke fasa pembinaan, pengoperasian dan perkembangan perniagaan (*business expansion*).

Di samping itu, BEDB terus mempromosikan NBD sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing, serta mengenal pasti dan memudahkan cara kemasukan projek pelaburan langsung asing (*FDI*) yang disasarkan dan berkualiti.

Usaha berkenaan memberi tumpuan kepada lima sektor utama yang dikenal pasti dan berpotensi termasuk:

- Industri Hiliran Minyak dan Gas;
- Sektor Pemakanan, termasuk pemprosesan makanan, akuakultur dan ternakan;
- Sektor Perkhidmatan;
- Sektor Info-Komunikasi dan Teknologi; dan
- Sektor Pelancongan.

BEDB juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dalam membangun dan menjayakan projek-projek *FDI* di negara ini melalui:

- Mengumpul dan menyediakan maklumat kritikal berkaitan dengan keperluan projek seperti tarif utiliti, tapak dan tenaga kerja untuk dikongsikan dengan syarikat pelabur asing;
- Memantau dan memberikan sokongan dalam pelaksanaan projek *FDI* termasuk yang melibatkan kerja-kerja pembinaan, permohonan mendapatkan permit-permit yang berkaitan, mengenal pasti peluang-peluang perkembangan perniagaan secara komersial dan peluang-peluang kolaborasi dengan syarikat-syarikat swasta tempatan menerusi *FDI-SME Linkage*; dan

- Memudahkan aktiviti dan operasi syarikat *FDI* termasuk membantu pelaksanaan eksport produk-produk syarikat *FDI* ke pasaran luar yang disasarkan dan dikenalpasti.

Keutamaan dan penumpuan akan diurus kepada projek-projek pelaburan yang mempunyai nilai ekonomi yang berkualiti. Projek-projek *FDI* dinilai dari segi sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peluang pekerjaan untuk anak tempatan, eksport, pemindahan teknologi dan pengetahuan, perkembangan perusahaan, mikro, kecil dan sederhana (PMKS), imbalan perdagangan serta kesesuaiannya dengan *Brunei Economic Blueprint* dan hala tuju pembangunan industri negara.

Setakat 30 Jun 2026, sebanyak 26 syarikat *FDI* telah mula beroperasi dengan nilai pelaburan keseluruhan kira-kira USD5.9 bilion. Projek-projek tersebut telah mewujudkan sebanyak 4,166 pekerjaan, di mana 2,090 atau sekitar 50 peratus telah diisi oleh anak-anak tempatan.

Pada masa yang sama, BEDB sedang memudahkan 23 projek *FDI* dalam fasa pelaksanaan dengan anggaran pelaburan sebanyak USD5.62 bilion. Projek-projek tersebut dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat sehingga tahun 2030 dan diunjurkan akan mewujudkan kira-kira 3,300 peluang pekerjaan.

Maklumat pelaburan dan projek *FDI* yang telah beroperasi dan akan dilaksanakan telah diberigakan dengan kerjasama pihak Radio Televisyen Brunei (RTB), media tempatan dan melalui media sosial seperti BizBrunei yang merupakan platform media utama yang dikendalikan oleh pihak BEDB dengan jumlah *followers* yang tinggi. Disamping, maklumat berkenaan *FDI* ini juga disalurkan melalui penyertaan dalam ekspos di dalam dan di luar negara, bagi meningkatkan kefahaman dan keyakinan orang ramai serta komuniti pelabur terhadap kemajuan usaha kepelbagaian ekonomi negara.

Sebagai tambahan lagi, Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri bagi memperkukuhkan daya tarikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelaburan ialah melalui pemuktamadan pindaan kepada *Investment Incentives Order, 2001* (IIO 2001) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan pihak Kementerian untuk memastikan rangka kerja insentif pelaburan negara kekal relevan, responsif dan berdaya saing selaras dengan perkembangan ekonomi dan landskap pelaburan global.

Pindaan ini bertujuan memastikan mekanisme insentif negara terus menyokong pembangunan sektor-sektor strategik dan industri berpotensi tinggi, di samping memperkukuhkan tadbir urus melalui penambahbaikan proses penilaian, pemantauan pelaksanaan projek serta pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan.

Pendekatan ini membolehkan Kerajaan menilai impak pelaburan secara lebih menyeluruh, termasuk dari aspek pembangunan industri, pewujudan peluang pekerjaan, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi dan sumbangannya kepada ekonomi domestik.

Di samping itu, Kementerian turut mengambil kira amalan terbaik antarabangsa, penanda aras serantau serta maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi memastikan dasar insentif negara terus menyokong pelaburan berkualiti, memperkukuhkan daya saing negara serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

No. Soalan: PT113

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dalam memperkukuhkan daya tahan rantai bekalan, termasuk kepelbagaian sumber import, peningkatan pengeluaran tempatan, penyimpanan stok strategik serta kerjasama dengan pihak industri bagi memastikan bekalan makanan dan keperluan rakyat sentiasa mencukupi dan stabil?

JAWAPAN:

Bagi memastikan bekalan makanan dan keperluan rakyat sentiasa mencukupi dan stabil, antara usaha di bawah Kementerian ini adalah terutamanya dalam sektor makanan dan agrikulturan adalah termasuk inisiatif-inisiatif sekuriti makanan seperti berikut:

- Pembangunan zon makanan *Brunei-Singapore Agri-Tech Food Zone (ATFZ)* yang ditubuhkan dan diusahakan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia & Kerajaan Singapura. Ianya bertujuan untuk memperkukuh rantai bekalan makanan yang dapat mewujudkan ekosistem agrikulturan yang bersepadu dan menyeluruh untuk menarik pelabur serantau dan antarabangsa. *ATFZ* ini juga akan merangkumi keupayaan dan proses perdagangan serta eksport yang kompetitif dan berkesan, penyediaan teknologi pertanian dan kemudahan pemprosesan, serta pembangunan kapasiti dalam keselamatan makanan. Fokus awal adalah dicadangkan untuk diberikan kepada sektor akuakultur dan akan dikembangkan kepada sektor-sektor lain yang bernilai tinggi di peringkat seterusnya. Antaralain bidang-bidang berpotensi yang dapat dijana daripada inisiatif ini adalah termasuk pengeluaran produk akuakultur; pemprosesan hiliran dan penambahan nilai; pembangunan pasaran; rangka kerja kawal selia dan piawaian; penyelidikan, pembangunan dan inovasi; serta pembangunan bakat.
- Penubuhan sebuah pusat inovasi akuakultur (*Brunei Aquaculture Innovation Centre, BAIC*) iaitu satu inisiatif di bawah *Working Group 1: Food Supply* antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura melalui Jawatankuasa Bersama (*Brunei-Singapore Joint Committee*).

Objektif utama projek ini adalah untuk menyediakan hab penyelidikan dan kajian untuk ladang-ladang akuakultur; menyediakan perkhidmatan makmal dan sokongan teknikal untuk pengusaha-pengusaha tempatan; menyediakan peluang pengalaman praktikal dan kemahiran dalam industri akuakultur, penyelidikan dan teknologi baharu bagi pelajar-pelajar; dan memupuk inovasi melalui pembangunan teknologi dan metodologi akuakultur baru bagi memperkukuh daya tahan bekalan makanan negara.

Oleh itu, Kementerian ini akan terus berusaha untuk mengukuhkan daya tahan rangkaian bekalan makanan melalui mempelbagaikan pasaran eksport dan sumber input industri, dan pengukuhan kerjasama ekonomi serantau.

No. Soalan: PT073

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan inisiatif ekonomi daerah seperti tamu, pasar *pop-up*, Program 1K1P dan program belia disepadukan dalam Rancangan Induk Daerah melalui perancangan jangka sederhana, bukan sekadar *ad-hoc events*, bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi tempatan mampan?

JAWAPAN:

Inisiatif ekonomi di peringkat daerah seperti tamu, pasar *pop-up*, Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Kedai Kampung serta program pembangunan belia merupakan antara platform yang dilaksanakan secara berterusan bagi menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat, khususnya peniaga tempatan untuk menjana pendapatan serta memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka.

Dalam konteks perancangan daerah, inisiatif-inisiatif tersebut tidak dilihat sebagai aktiviti secara *ad hoc* atau acara bermusim semata-mata, tetapi diselaraskan berdasarkan keperluan dan potensi ekonomi setempat, kesesuaian lokasi, ketersediaan kemudahan serta penglibatan masyarakat. Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran memainkan peranan mengenal pasti ruang ekonomi yang boleh dibangunkan dan diperkukuh secara berterusan, termasuk penyediaan tapak perniagaan, tamu, pasar dan gerai yang mempunyai jadual operasi tetap. Antaranya termasuk Tamu Kianggeh, Pasar Pelbagai Barangan Gadong, Tamuneka Kuala Belait dan Seria, Kompleks Pasarneka dan Tamu Serampang, Kedai Kampung serta Tamu Aneka Temburong.

Salah satu contoh pendekatan ini ialah pembangunan aktiviti perekonomian di kawasan Pantai Jerudong melalui kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Jerudong B. Dalam tempoh dua tahun kebelakangan, beberapa aktiviti telah diungkayahkan termasuk pengoperasian gerai oleh peniaga tempatan, penyediaan tempat perahu berlabuh, penyelenggaraan kemudahan asas, penganjuran Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Kampung Jerudong serta penyediaan gelanggang gasing. Usaha ini menunjukkan bagaimana kerjasama antara agensi Kerajaan, pemimpin akar umbi dan masyarakat dapat menghidupkan ruang awam serta mewujudkan peluang ekonomi secara lebih berterusan.

Potensi Pantai Jerudong juga sedang diperluas daripada sekadar lokasi kegiatan ekonomi kepada tarikan komuniti dan pelancongan setempat. Antaranya melalui pengenalan pakej lawatan yang mengetengahkan pembuatan makanan tradisi Puak Kedayan, sesi demonstrasi serta lawatan ke mini muzium. Pendekatan ini bukan sahaja memelihara dan mengetengahkan warisan budaya, tetapi juga membuka peluang pendapatan kepada pengusaha tempatan, memperkukuh produk 1K1P dan meningkatkan nilai pengalaman pelawat.

Ke hadapan, pendekatan ini akan terus diperkukuh di peringkat daerah dengan memberi penekanan kepada kesinambungan aktiviti, pembangunan kemudahan yang bersesuaian, penglibatan usahawan tempatan dan belia, serta penyelarasan dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan agensi berkaitan. Ini penting supaya sesuatu inisiatif bukan sahaja dinilai berdasarkan bilangan acara yang dianjurkan, tetapi juga berdasarkan keupayaannya meningkatkan penyertaan peniaga, memperluaskan pasaran, menjana pendapatan dan mewujudkan aktiviti ekonomi yang berterusan.

Secara keseluruhannya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus memperkukuh penyelarasan antara Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan-Jabatan Bandaran, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) dan agensi berkepentingan supaya inisiatif ekonomi akar umbi dapat berkembang daripada platform perniagaan kepada ekosistem ekonomi daerah yang lebih tersusun, inklusif dan mampan. Pendekatan ini akan membantu memastikan potensi ekonomi setiap daerah dimanfaatkan secara lebih strategik dan memberi impak yang berpanjangan kepada masyarakat setempat.

Di antara tempat-tempat berjaja di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran adalah seperti berikut: -

BIL	TEMPAT	KAWALAN	HARI OPERASI
1	Tamu Kianggeh	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	Setiap Hari
2	Pasar Pelbagai Barangan Gadong	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	Setiap Hari
3	Tamuneka Kuala Belait	Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	Sabtu dan Ahad
4	Tamuneka Seria	Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	Khamis dan Jumaat
5	Kompleks Pasarneka dan Tamu Serampang	Jabatan Bandaran Tutong	Khamis

6	Kedai Kampung di Bangunan Pejabat Lama Pos Kuala Belait	Jabatan Daerah Belait	Setiap Hari kecuali Cuti Awam
7	Kedai Kampung di Dewan Muhibbah	Jabatan Daerah Brunei dan Muara	Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8	Kedai Kampung di Bangar	Jabatan Daerah Temburong	Isnin hingga Sabtu
9	Gerai di Pantai Jerudong	Jabatan Daerah Brunei dan Muara	Setiap Hari
10	Tamu Aneka Temburong	Jabatan Daerah Temburong	Setiap Hari

No. Soalan: PT078**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mempertimbangkan menginstitusikan semula Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) sebagai pemangkin untuk merangsang pembangunan sosio-ekonomi kampung secara lebih agresif serta mengukuhkan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung?

JAWAPAN:

Kementerian berpandangan bahawa matlamat yang ingin dicapai melalui Anugerah Kampung Cemerlang, khususnya dalam merangsang pembangunan sosioekonomi kampung, memperkukuh peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, masih terus relevan. Walau bagaimanapun, keberkesanan sesuatu inisiatif di peringkat kampung perlu dilihat bukan sahaja berdasarkan pencapaian semasa pertandingan atau pengiktirafan, tetapi juga dari segi keupayaannya untuk dikekalkan, dikembangkan dan terus memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka panjang.

Sehubungan itu, pendekatan pada masa ini lebih memberi penekanan kepada mekanisme yang berterusan dan melibatkan semua Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Sejak suku kedua tahun 2024, lapan Petunjuk Prestasi Utama PMKK telah diperkenalkan meliputi lima aspek utama, termasuk perekonomian, bagi membolehkan prestasi setiap PMKK dinilai secara berkala dan objektif. Dalam aspek perekonomian, perhatian turut diberikan kepada pembangunan dan pengembangan produk 1K1P yang berpotensi menjana pendapatan, memperluaskan pasaran dan meningkatkan aktiviti ekonomi di peringkat mukim dan kampung.

Dalam hubungan ini, semasa sesi muzakarah Kementerian bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung pada Oktober 2024, telah dicadangkan supaya pengiktirafan seumpama Anugerah Kampung Cemerlang dilaksanakan terlebih dahulu di peringkat daerah, manakala penganjuran di peringkat kebangsaan boleh diteliti berdasarkan impak dan kualiti pencapaian yang diperoleh di peringkat daerah. Setakat ini, Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta Jabatan Daerah Temburong telah melaksanakan bentuk pengiktirafan yang mempunyai elemen serupa dengan Anugerah Kampung Cemerlang.

Setelah menyertai Anugerah Kampung Cemerlang, kampung-kampung berkenaan telah menerima sambutan yang memberangsangkan daripada penduduk di dalam dan di luar daerah terhadap produk dan perkhidmatan yang diketengahkan. Walau bagaimanapun, dari segi kesinambungan, tidak banyak projek atau inisiatif yang pernah diketengahkan melalui AKC dapat diteruskan secara berpanjangan. Antara faktor yang mempengaruhi keadaan ini ialah perubahan kepimpinan serta persaraan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan pengurusan projek berkenaan.

Dalam meneruskan legasi dan matlamat AKC untuk merangsang pembangunan sosioekonomi di peringkat akar umbi, tumpuan pada masa ini turut diberikan kepada usaha memperkuat pelaksanaan Kedai Kampung yang sedia ada di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Penilaian dibuat terhadap keberkesanan model pengurusan, tahap penyertaan pengusaha, prestasi jualan serta impaknya kepada ekonomi setempat, yang seterusnya dapat menjadi asas kepada langkah penambahbaikan dari segi tadbir urus, pembangunan kapasiti pengusaha, kerjasama dengan agensi berkaitan dalam penyediaan latihan dan pembiayaan, serta penetapan petunjuk prestasi yang bersesuaian. Setakat Jun 2026, keseluruhan hasil Kedai Kampung adalah lebih daripada BND215 ribu (Daerah Brunei dan Muara - BND 6,467.05; Daerah Belait - BND 27,273.00; Daerah Temburong - BND 181,715.10), manakala bagi tahun 2025 sebanyak lebih daripada BND254 ribu (Daerah Brunei dan Muara [November hingga Disember] - BND 10,054.00; Daerah Belait [November hingga Disember] - BND 1,547.00; Daerah Temburong - BND 243,157.00) telah direkodkan. Kedai Kampung, ekspos jualan serta sokongan Kerajaan merupakan antara platform yang penting dalam menyediakan ruang pasaran dan seterusnya merangsang kegiatan sosioekonomi di peringkat kampung dan mukim.

Ke hadapan, Kementerian akan terus meneliti kesesuaian pendekatan pengiktirafan seperti Anugerah Kampung Cemerlang dengan mengambil kira pengalaman pelaksanaan terdahulu, keberkesanan pengiktirafan di peringkat daerah, pencapaian KPI PMKK serta impak sebenar inisiatif ekonomi kampung yang sedang dilaksanakan. Penekanan utama adalah untuk memastikan setiap inisiatif yang diperkenalkan bukan sahaja mampu mencetuskan aktiviti ekonomi, tetapi juga dapat dikekalkan, dikembangkan dan memberi impak yang berterusan kepada masyarakat setempat.

No. Soalan: PT081

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**SOALAN:****YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah sasaran pengurangan kadar pengangguran negara bagi tempoh lima tahun akan datang dan apakah strategi utama untuk mencapainya?

JAWAPAN:

Sasaran bagi kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam menjelang tahun 2035 adalah tidak melebihi 4 peratus sepertimana yang ditetapkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (*National KPI*) di bawah Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, strategi pihak Kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran dapat dibahagikan kepada empat (4) kategori berikut:

- a. **Mengenal pasti peluang pekerjaan yang sedia ada dan akan datang** termasuk peluang pekerjaan baru melalui projek-projek Pelaburan Langsung Asing (FDI). *Economic Blueprint* menyasarkan jumlah pekerja menjelang tahun 2035 adalah seramai 265,700 orang (iaitu peningkatan sebanyak 26 peratus daripada 210,523 orang pada tahun 2021 baseline year). Projek-projek FDI berskala besar termasuk Hengyi Fasa 2 dijangka akan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pasaran tenaga kerja tempatan menerusi peluang pekerjaan langsung dan tidak langsung merentasi pelbagai sektor seperti industri hiliran (*downstream*), pengeluaran makanan, logistik dan perkhidmatan.
- b. **Menangani ketidakpadanan kemahiran** atau *skills mismatch* melalui inisiatif seperti berikut:
 - Kursus dan latihan di peringkat TVET dan pengajian tinggi diselaraskan dengan keperluan industri bagi memastikan graduan dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dengan pasaran kerja semasa. Berdasarkan *Graduate Employment Study* (GES) Kementerian Pendidikan, kadar pekerjaan graduan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menunjukkan peningkatan daripada 58 peratus pada tahun 2019 kepada 64 peratus pada 2023.

- Kerjasama tripartite di bawah *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) di antara pihak industri, pengawalselia, dan institusi latihan serta pendidikan telah menyediakan 15 program yang menjurus kepada peningkatan *employability* peserta. Setakat 30 Jun 2026, seramai 367 orang (34 peratus daripada 1,067) telah berjaya memperoleh pekerjaan.
- Program-program *upskilling* dan *reskilling* seperti SkillsPlus dan *SPIN in Accountancy*. Setakat 30 Jun 2026, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) telah memperkenalkan 17 program kemahiran, termasuk program perantisan, yang telah disertai oleh seramai 16,158 anak tempatan yang terdiri daripada 15,230 pencari kerja dan 928 yang sudah bekerja.

Dari jumlah 13,839 orang yang telah tamat program-program berkenaan:

- Seramai 8,290 orang (atau 60 peratus) telah memperoleh pekerjaan;
- 317 orang lagi (atau 2 peratus) sedang melanjutkan pengajian tinggi;
- 2,884 orang (atau 21 peratus) masih aktif mencari pekerjaan melalui portal Pusat Pekerjaan Brunei; dan
- Manakala selebihnya iaitu 2,348 orang (atau 17 peratus) tidak mempunyai rekod pekerjaan terkini di Tabung Amanah Pekerja; rekod pencarian pekerjaan terkini di Pusat Pekerjaan Brunei; mahu pun kemasukan (*enrollment*) terkini di dalam institusi pengajian tinggi tempatan, pembiayaan biasiswa keluar negeri, atau Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

c. Memperkukuhkan amalan dan dasar sumber tenaga manusia melalui inisiatif seperti berikut:

- Pemberigian kepada syarikat-syarikat swasta akan kepentingan dasar serta amalan sumber tenaga manusia yang progresif, berdaya saing, dan mampu menarik dan mengekalkan bakat tempatan
- Pelaksanaan Perintah Pekerjaan Upah Minimum, yang bertujuan untuk mengelakkan para pekerja dibayar gaji yang terlalu rendah dan telah dikuatkuasakan kepada tujuh (7) industri sejak 1 April 2025. Daripada 348 buah syarikat yang telah disenaraikan untuk pelaksanaan Perintah berkenaan dan mengecualikan 101 buah syarikat dengan rekod pengambilan yang tidak tersedia untuk perbandingan, analisa menunjukkan bahawa sebanyak 47 buah syarikat menunjukkan

peningkatan pengambilan pekerja tempatan dari tempoh sebelum pelaksanaan Perintah berkenaan (31 Disember 2022) kepada tempoh setelah pelaksanaan (31 Disember 2025); dan

- *Salary Guideline* Edisi 2023 bagi sektor swasta yang terus dijadikan rujukan skala gaji yang progresif bagi 22 *job families* yang merangkumi 100 jawatan. Ianya dihasratkan untuk membantu syarikat-syarikat swasta untuk menentukan gaji yang berpatutan bagi sesebuah jawatan yang dikenalpasti dan seterusnya membantu para pencari kerja tempatan dalam menentukan nilai pasaran kerja pada tahap awal kerjaya mereka. Jawatan-jawatan dalam *Salary Guideline* tersebut adalah berdasarkan *critical occupations* yang telah dikenal pasti melalui platform MISC;
- d. Pengukuhan usaha pepadanan pekerjaan melalui Pusat Pekerjaan Brunei (PPB). Bagi tahun 2026, sehingga penghujung bulan Jun 2026, seramai 1,501 orang anak tempatan telah berjaya memperolehi pekerjaan melalui usaha *direct hire* PPB.

No. Soalan: PT083

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan status terkini kajian semula Akta Pampasan Pekerja (Penggal 74), serta sama ada kadar dan had pampasan yang ditetapkan di bawah Akta tersebut akan dikemaskini susulan dialog bersama pihak-pihak berkepentingan mengenai tuntutan kecederaan di tempat kerja pada November 2025?

JAWAPAN:

Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan sedang membuat kajian terhadap Akta Pampasan Pekerja (Penggal 74) berdasarkan maklum balas daripada sesi dialog bersama pihak-pihak berkepentingan mengenai tuntutan kecederaan di tempat kerja yang diadakan pada November 2025. Proses penelitian ini akan mengambil kira ketersediaan pihak majikan, di samping memastikan keadilan dan kepentingan pekerja sentiasa terjamin.

Antara perkara utama yang sedang diteliti ialah kecukupan nilai pampasan berbanding kos sara hidup semasa; kecenderungan pekerja membuat tuntutan melalui *common law* bagi mendapatkan pampasan yang lebih tinggi serta implikasinya kepada majikan; dan skop pekerja yang layak menerima perlindungan di bawah Akta berkenaan, yang pada masa ini terhad kepada pekerja manual dan pekerja yang menerima gaji tidak melebihi BND750. Kajian ini turut meneliti kesesuaian untuk memperluas liputan kepada pekerja bergaji lebih tinggi serta pekerja dalam ekonomi gig.

Sehubungan itu, pengemaskinian kadar dan had pampasan merupakan antara perkara utama dalam skop kajian semula tersebut. Walau bagaimanapun, kadar baharu masih belum dimuktamadkan. Sebarang cadangan pindaan akan ditentukan berdasarkan hasil kajian yang menyeluruh, dengan mengambil kira keperluan untuk memberikan perlindungan yang mencukupi dan bersesuaian kepada pekerja, di samping menilai kemampuan serta tanggungan majikan dan memastikan pelaksanaannya kekal praktikal serta mampan.

No. Soalan: PT084

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan kategori pas kerja mengikut tahap kemahiran dan jenis pekerjaan bagi pekerja am, juruteknik mahir, profesional, usahawan dan pakar strategik, berdasarkan syarat kelayakan yang diselaraskan dengan sektor keutamaan dan keperluan pasaran tenaga kerja negara?

JAWAPAN:

Cadangan untuk memperkenalkan kategori Pas Kerja berdasarkan tahap kemahiran dan jenis pekerjaan masih berada pada peringkat penelitian dan perbincangan awal.

Pada masa ini, warga asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam diberikan Pas Kerja atau Pas Lawatan Profesional berdasarkan tujuan pekerjaan, tempoh kelulusan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, selaras dengan Akta Imigresen dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sebelum permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) dapat diproses, majikan perlu menyertakan dokumen sokongan termasuk Foreign Worker Clearance Letter daripada Pusat Pekerjaan Brunei sebagai salah satu prasyarat.

Setiap permohonan LPA dinilai berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan seperti sijil pembina, sijil kontraktor dan sijil guaman; serta pematuhan terhadap segala keperluan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Bagi pekerjaan atau profesion yang dikawal selia, sokongan daripada agensi pengawal selia (*regulator*) adalah diperlukan. Sebagai contoh, jawatan doktor dan pengamal perubatan memerlukan sokongan Kementerian Kesihatan, manakala guru dan profesion berkaitan pendidikan memerlukan sokongan Kementerian Pendidikan. Keperluan yang sama juga digunakan bagi sektor atau profesion lain yang mempunyai badan pengawal selia masing-masing.

Dari segi struktur tenaga kerja asing, jumlah pekerja asing secara keseluruhan adalah seramai 82,013 orang. Berdasarkan Banci Majikan dan Pekerja 2025 setakat April 2026, lima (5) kumpulan teratas pekerjaan adalah seperti berikut:

Pekerja bagi Pekerja Asas	Pekerja Perkhidmatan & Jualan	Pekerja Kemahiran Pertukangan Tangan & yang berkaitan	Pekerja Teknikal & Profesional Bersekutu	Operator Mesin, Loji & Pemasangan
33,575 (23%)	14,550 (10%)	12,191 (8%)	6,773 (5%)	5,343 (4%)

Ke hadapan, sebarang penambahbaikan terhadap struktur atau kategori Pas Kerja akan diteliti secara menyeluruh dengan mengambil kira keperluan sektor keutamaan, tahap kemahiran, permintaan pasaran tenaga kerja, keperluan industri serta ketersediaan tenaga kerja tempatan. Pendekatan ini penting bagi memastikan pengurusan tenaga kerja asing dilaksanakan secara lebih bersasar, pada masa yang sama terus memberikan keutamaan kepada pembangunan, peningkatan kemahiran dan penyertaan tenaga kerja tempatan.

No. Soalan: PT091

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat pelan pembangunan bakat nasional yang menyeluruh untuk memenuhi keperluan industri strategik negara?

JAWAPAN:

Pihak Kerajaan telah menyediakan *Manpower Blueprint* sebagai rangka kerja kebangsaan sebagai panduan bagi pembangunan tenaga manusia ke arah memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara. Blueprint ini menetapkan empat (4) aspirasi yang meliputi penyediaan tenaga kerja menyeluruh bermula dari peringkat sekolah hingga peringkat alam pekerjaan.

Di bawah *Manpower Blueprint*, sebanyak 24 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang mana pelaksanaan KPI-KPI ini diterajui secara bersepadu oleh pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan, sekaligus mencerminkan pendekatan kebangsaan dan *Whole-of-Government*. Bagi menyokong pelaksanaan *Blueprint* tersebut, Kerajaan kini sedang mengumpul dan menyelaraskan pelbagai inisiatif kebangsaan yang sedia ada dan baharu. Sehingga kini, sebanyak 163 inisiatif utama telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada pencapaian aspirasi dan sasaran *Manpower Blueprint*.

Sebagai langkah seterusnya, Kerajaan akan terus memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini secara berkala melalui petunjuk prestasi bagi memastikan setiap usaha yang dilaksanakan memberi impak yang nyata kepada pembangunan tenaga kerja negara.

No. Soalan: PT095

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah bersama pihak-pihak berkepentingan seperti GLCs dan swasta, untuk menangani isu *turnover* tenaga kerja tempatan. Ini memandangkan kajian mendapati 60% majikan menghadapi cabaran mendapatkan serta mengekalkan pekerja tempatan. Isu ini diperhatikan bukan sahaja berkait langsung dengan peluang pekerjaan, tetapi meliputi kesepadanan kemahiran, produktiviti, dan kesiapsiagaan tenaga kerja.

JAWAPAN:

Bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan, jumlah individu yang kembali memasuki pasaran kerja adalah dalam lingkungan 4,486 hingga 6,600 orang setahun. Angka ini adalah berdasarkan laporan *Business Reporting* bagi setiap bulan Disember yang merangkumi pekerja tempatan yang berhenti atau diberhentikan daripada pekerjaan. Ia tidak termasuk mereka yang berhenti kerana memperoleh pekerjaan baharu, menyambung pelajaran atau berpindah.

Berdasarkan hasil *Employer-Based Survey* bagi tahun 2024–2025 yang dikendalikan oleh Bahagian Tenaga Manusia dan Modal Insan, sebanyak 284 syarikat atau 52 peratus daripada 544 responden memaklumkan bahawa mereka telah atau sedang menghadapi isu *turnover* tenaga kerja tempatan. Antara sebab utama pekerja tempatan beralih pekerjaan ialah:

- i. memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik dalam sektor Kerajaan atau pasukan beruniform, seperti dilaporkan oleh 194 syarikat;
- ii. memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik di syarikat swasta lain atau memilih untuk bekerja sendiri, seperti dilaporkan oleh 191 syarikat; dan berhenti kerja tanpa memberikan notis, seperti dilaporkan oleh 121 syarikat.

[Nota: Syarikat responden dibolehkan untuk memilih lebih daripada satu (1) sebab.]

What are the reasons cited by your local employees on reasons they have exited?	No. of Companies Choosing	Percentage of 284 total respondents
Better opportunities elsewhere - joining the Government or uniformed personnel	194	68%
Better opportunities elsewhere - going to another private company or self-employed	183	64%
Leaving the company without any notice	121	43%
Further study	96	34%
Family commitment	95	33%
Unattractive compensation and benefits	58	20%
Lack of career progression opportunities	46	16%
Not aligned with company culture and leadership	36	13%
Limited appreciation of effort	23	8%
Needs more support in work environment	23	8%
Lack of learning and development (including training) opportunities	21	7%
Does not feel as included or heard	6	2%
Others (Open - ended)	22	8%

Dapatan tersebut turut selaras dengan kajian yang sedang dilaksanakan oleh *Centre for Strategic and Policy Studies*, yang menunjukkan bahawa pelbagai faktor mempunyai pengaruh signifikan terhadap keputusan pekerja tempatan sama ada untuk kekal dalam pekerjaan atau berpindah ke syarikat lain. Ini menunjukkan bahawa isu labour turnover bukan semata-mata berkaitan dengan kewujudan peluang pekerjaan, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor seperti ganjaran, prospek kerjaya, kesepadanan kemahiran, persekitaran tempat kerja dan kesiapsiagaan tenaga kerja.

Mengambil kira dapatan tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi memperkukuh pengekalan tenaga kerja tempatan (*job retention*). Antaranya ialah:

- Pelaksanaan Perintah Pekerjaan Upah Minimum 2025 secara berperingkat sebagai Langkah untuk mengelakkan para pekerja dalam sektor-sektor tertentu dibayar gaji yang terlalu rendah. Pelaksanaan dasar ini akan diteliti dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan fasa seterusnya mengambil kira pengajaran dan iktibar daripada Fasa 1 dan Fasa 2, serta diperkukuhkan agar pelaksanaannya lebih berkesan dan selaras dengan impak yang dihasratkan.

Alhamdulillah, daripada 348 buah syarikat yang telah disenaraikan untuk pelaksanaan Perintah berkenaan, Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan mendapati bahawa sebanyak 342 buah syarikat telah disahkan membayar kesemua pekerja mereka dengan sekurang-kurangnya pada kadar upah minimum yang ditetapkan. Manakala, selebihnya pula, lima (5) buah syarikat tidak lagi beroperasi dan sebuah syarikat memerlukan lebih masa untuk menyelaraskan kontrak pekerjaan kesemua pekerja syarikat tersebut ke arah pematuhan Perintah berkenaan.

Dari segi kesan terhadap pengambilan tenaga kerja tempatan, setelah mengecualikan 101 buah syarikat yang tidak mempunyai rekod pengambilan yang mencukupi untuk tujuan perbandingan, analisis menunjukkan bahawa 47 buah syarikat mencatatkan peningkatan pengambilan pekerja tempatan antara tempoh sebelum pelaksanaan Perintah, iaitu pada 31 Disember 2022, dan selepas pelaksanaannya pada 31 Disember 2025. Secara keseluruhan, pengambilan pekerja tempatan dalam kalangan 47 syarikat tersebut meningkat daripada 111 orang pada tahun 2022 kepada 320 orang pada tahun 2025. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Perintah berkenaan bukan sahaja menyokong perlindungan upah minimum, tetapi turut memperlihatkan peningkatan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sebahagian syarikat yang terlibat.

- memperluaskan peluang pekerja tempatan di syarikat swasta untuk menaiktaraf kemahiran dan pengetahuan melalui program-program yang dibiayai oleh pihak Kerajaan seperti SkillsPlus, SPIN dalam bidang Perakaunan dan *HSE Competency Apprenticeship Programme*. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2017 hingga 30 Jun 2026, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan telah memperkenalkan 17 program pembangunan tenaga manusia dalam bidang seperti HSE, perakaunan, sumber manusia dan *allied health*. Program-program ini telah disertai oleh lebih 16,158 anak tempatan yang terdiri daripada 15,230 pencari kerja dan 928 yang sudah bekerja.

Alhamdulillah, dari jumlah 15,230 orang pencari kerja tempatan tersebut, seramai 13,839 orang telah menamatkan program-program berkenaan, manakala 1,391 orang selebihnya masih aktif menjalani program-program berkenaan.

Dari jumlah 13,839 orang yang telah tamat program-program berkenaan:

- Seramai 8,290 orang (atau 60 peratus) telah memperoleh pekerjaan;
- 317 orang lagi (atau 2 peratus) sedang melanjutkan pengajian tinggi;
- 2,884 orang (atau 21 peratus) masih aktif mencari pekerjaan melalui portal Pusat Pekerjaan Brunei; dan

- Manakala, 2,348 orang (atau 17 peratus) selebihnya tidak mempunyai rekod pekerjaan terkini di Tabung Amanah Pekerja; rekod pencarian pekerjaan terkini di Pusat Pekerjaan Brunei; mahu pun kemasukan (*enrollment*) terkini di dalam institusi pengajian tinggi tempatan, pembiayaan biasiswa keluar negeri, atau Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

Dalam hubungan ini, merujuk kepada Kenyataan Jawab Lisan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada 6 Ogos 2026 yang lalu, prestasi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan atau GLC bukan sahaja dinilai dari segi prestasi kewangan dan operasi, tetapi turut mengambil kira pengambilan dan pertumbuhan tenaga kerja tempatan, pembangunan bakat dan peningkatan kompetensi pekerja serta kemampanan perniagaan dalam jangka panjang.

Justeru, usaha meningkatkan pengambilan tenaga kerja tempatan perlu bergerak seiring dengan usaha untuk mengekalkan dan membangunkan mereka dalam pekerjaan. Dalam hal ini, GLC dan syarikat swasta mempunyai peranan yang penting. Selain menyediakan peluang pekerjaan, majikan juga digalakkan menyediakan pakej pekerjaan yang kompetitif, laluan perkembangan kerjaya yang jelas, peluang latihan dan peningkatan kemahiran, pengiktirafan terhadap prestasi serta persekitaran kerja yang kondusif.

Majikan juga digalakkan untuk memahami dengan lebih mendalam faktor yang menyebabkan pekerja keluar masuk melalui penggunaan data tenaga kerja, pelaksanaan *exit interview* dan pengumpulan maklum balas pekerja. Pendekatan sedemikian akan membantu syarikat mengenal pasti punca sebenar *turnover* dan seterusnya merangka intervensi yang lebih tepat mengikut keperluan organisasi masing-masing.

Pada masa yang sama, penguatkuasaan Akta Pekerjaan (Penggag 278) melalui Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan terus diperkukuh bagi memastikan hak serta kebajikan pekerja sentiasa terpelihara, termasuk dari segi pematuhan terhadap kontrak pekerjaan, syarat perkhidmatan, pembayaran gaji dan mekanisme penyelesaian pertikaian. Ini penting kerana pengekalan pekerja bukan sahaja bergantung pada kadar gaji, tetapi juga terhadap keyakinan pekerja bahawa tempat kerja mereka menawarkan keadilan, keselamatan dan kestabilan.

Di bawah Akta Pekerjaan (Penggag 278), terdapat peruntukan yang mengawal penamatan kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja. Pada asasnya, mana-mana pihak boleh menamatkan kontrak perkhidmatan tertakluk kepada syarat dan tatacara yang ditetapkan di bawah Akta tersebut.

1. Penamatan dengan notis

Di bawah Bab 22, mana-mana pihak dalam kontrak perkhidmatan boleh memberikan notis untuk menamatkan kontrak. Tempoh notis adalah berdasarkan peruntukan dalam kontrak perkhidmatan atau, sekiranya tiada dinyatakan, tempoh minimum yang ditetapkan di bawah Akta. Notis tersebut hendaklah dibuat secara bertulis.

2. Penamatan tanpa notis dengan bayaran sebagai ganti notis

Di bawah Bab 23(1), mana-mana pihak boleh menamatkan kontrak perkhidmatan tanpa menunggu tempoh notis dengan membayar kepada pihak yang satu lagi sejumlah wang yang bersamaan dengan gaji pada kadar kasar yang sepatutnya diterima bagi tempoh notis tersebut (*salary in lieu of notice*).

3. Penamatan akibat pelanggaran kontrak

Di bawah Bab 19, majikan dianggap melanggar kontrak perkhidmatan sekiranya gagal membayar gaji mengikut kehendak Akta. Begitu juga, pekerja dianggap melanggar kontrak sekiranya tidak hadir bekerja secara berterusan melebihi dua hari tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu, tanpa alasan yang munasabah, atau tanpa memaklumkan atau berusaha untuk memaklumkan sebab ketidakhadiran kepada majikan.

Selanjutnya, Bab 20 memperuntukkan bahawa pihak yang melanggar kontrak bertanggungjawab membayar kepada pihak yang satu lagi sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah yang sepatutnya dibayar sekiranya kontrak tersebut ditamatkan tanpa notis atau dengan notis yang tidak mencukupi.

4. Penamatan atas alasan salah laku

Di bawah Bab 26, majikan boleh, selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya (*due inquiry*), memberhentikan pekerja tanpa notis atas alasan salah laku (*misconduct*) yang tidak selaras dengan pemenuhan syarat-syarat nyata atau tersirat dalam kontrak perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pekerja yang berpendapat bahawa beliau telah diberhentikan tanpa sebab atau alasan yang munasabah mempunyai saluran untuk membuat representasi bagi tujuan pemulihan jawatan atau mendapatkan pampasan, tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan.

5. Penamatan oleh Pesuruhjaya Buruh

Di bawah Bab 17, kontrak perkhidmatan boleh ditamatkan oleh Pesuruhjaya Buruh sekiranya pekerja telah dianiaya atau dilayan dengan buruk dari segi diri atau hartanya. Dalam keadaan sedemikian, Pesuruhjaya Buruh juga boleh mengarahkan majikan membayar pampasan yang munasabah kepada pekerja atas penganiayaan tersebut.

6. Penamatan oleh pekerja atas faktor ancaman bahaya

Di bawah Bab 18, pekerja berhak menamatkan kontrak perkhidmatannya tanpa notis sekiranya beliau atau tanggungannya menghadapi ancaman bahaya terhadap diri secara serta-merta akibat keganasan atau penyakit yang tidak dipersetujui untuk ditanggung oleh pekerja tersebut berdasarkan kontrak perkhidmatannya.

Oleh yang demikian, penamatan pekerjaan bukanlah sesuatu yang dilarang secara mutlak di bawah Akta Pekerjaan (Penggag 278). Walau bagaimanapun, sebarang penamatan kontrak hendaklah dilaksanakan selaras dengan terma kontrak perkhidmatan serta peruntukan undang-undang yang berkaitan, termasuk keperluan notis, bayaran sebagai ganti notis, pelanggaran kontrak, salah laku dan perlindungan terhadap pekerja dalam keadaan tertentu.

Secara keseluruhannya, isu *labour turnover* memerlukan pendekatan kolaboratif antara Kerajaan, GLC, sektor swasta serta institusi pendidikan dan latihan. Kerjasama melalui perkongsian data, pembangunan bakat, peningkatan kesepadanan kemahiran, penyediaan laluan kerjaya yang lebih jelas dan penambahbaikan persekitaran pekerjaan akan terus diperkukuh bagi meningkatkan produktiviti, kesiapsiagaan dan pengekalan tenaga kerja tempatan. Matlamat akhirnya bukan sahaja untuk memastikan lebih ramai anak tempatan mendapat pekerjaan, tetapi supaya mereka dapat kekal, berkembang dan membina kerjaya yang mampan, sekali gus membantu syarikat mewujudkan tenaga kerja yang lebih stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

No. Soalan: PT102

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengimbangi keperluan mengambil pekerja asing ke Negara ini bagi projek-projek pembangunan, dengan kawalan yang dikenakan agar kedatangan pekerja asing tidak akan menepikan peluang-peluang pekerjaan dan ekonomi penduduk tempatan di Negara ini. Dikhuatiri kedatangan banyak pekerja asing jika tidak dikawal akan menyebabkan kebergantungan yang berterusan.

JAWAPAN:

Sepertimana jua yang telah dikongsikan secara terperinci semasa Sesi Pertanyaan Jawab Lisan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kedua Puluh Dua Majlis Mesyuarat Negara pada 9 Ogos 2026 yang lalu, berdasarkan Banci Majikan dan Pekerja 2025, seramai 148,129 orang bekerja dalam sektor swasta, terdiri daripada 66,116 pekerja tempatan atau 45 peratus dan 82,013 orang pekerja asing atau 55 peratus. Lima (5) sektor yang mencatatkan kebergantungan tertinggi kepada pekerja asing ialah:

- Sektor Pembinaan sebanyak 82 peratus (21,611 orang) pekerja asing berbanding 18 peratus (4,714 orang) pekerja tempatan
- Ini diikuti dengan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 75 peratus iaitu 3,888 orang) pekerja asing berbanding dengan 25 peratus (1,263 orang) pekerja tempatan.
- Sektor Lain-Lain Aktiviti Perkhidmatan sebanyak 69 peratus (2,877 orang) pekerja asing berbanding dengan 31 peratus (1,291 orang) pekerja tempatan.
- Sektor Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan sebanyak 67 peratus (13,938 orang) pekerja asing berbanding dengan 33 peratus (6,953 orang) pekerja tempatan.
- Sektor Pembuatan sebanyak 63 peratus (8,272 orang) pekerja asing berbanding dengan 37 peratus (4,962 orang) pekerja tempatan.

Analisis menunjukkan bahawa 22 peratus (4,224 orang) daripada jumlah 19,183 pekerja tempatan memegang jawatan di peringkat pengurusan, sebagai pengarah syarikat, *managing director* dan *general manager*, manakala 38 peratus (19,051 orang) daripada 50,586 pekerja asing tertumpu kepada pekerjaan di peringkat

perburuhan. Oleh itu, walaupun masih terdapat ruang untuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan, pendekatan yang diambil tidak boleh berasaskan penggantian pekerja asing secara langsung semata-mata. Sebaliknya, ia perlu mengambil kira kesediaan tenaga kerja tempatan, kesesuaian kemahiran serta usaha meningkatkan kualiti pekerjaan yang ditawarkan.

Ke arah itu, Kerajaan memberikan tumpuan kepada tiga strategi utama:

Pertama, strategi mengutamakan pengambilan anak tempatan melalui penelitian permohonan *Clearance Letter* dan perkhidmatan pepadanan pekerjaan oleh Pusat Pekerjaan Brunei.

Kedua, strategi membangunkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2017 hingga 30 Jun 2026, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan telah memperkenalkan 17 program pembangunan tenaga manusia dalam bidang seperti HSE, perakaunan, sumber manusia dan *allied health*. Program-program ini telah disertai oleh seramai 16,158 orang anak tempatan yang terdiri daripada 15,230 orang pencari kerja dan 928 adalah mereka yang sudah bekerja.

Alhamdulillah, dari jumlah 15,230 orang pencari kerja tempatan tersebut, seramai 13,839 orang telah menamatkan program-program berkenaan, manakala 1,391 orang selebihnya masih aktif menjalani program-program yang dijalankan.

Dari jumlah 13,839 orang yang telah tamat program-program berkenaan:

- Seramai 8,290 orang (atau 60 peratus) telah memperoleh pekerjaan;
- 317 orang lagi (atau 2 peratus) sedang melanjutkan pengajian tinggi;
- 2,884 orang (atau 21 peratus) masih aktif mencari pekerjaan melalui portal Pusat Pekerjaan Brunei; dan
- Manakala, 2,348 orang (atau 17 peratus) tidak mempunyai rekod pekerjaan terkini di Tabung Amanah Pekerja; rekod pencarian pekerjaan terkini di Pusat Pekerjaan Brunei; mahu pun kemasukan (*enrollment*) terkini di dalam institusi pengajian tinggi tempatan, pembiayaan biasiswa keluar negeri, atau Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

Ketiga, strategi menyediakan dasar gaji minimum di sektor swasta. Pihak Kerajaan telah melaksanakan Perintah Pekerjaan iaitu Upah Minimum) secara berperingkat sebagai langkah untuk mengelakkan para pekerja dalam sektor-sektor tertentu dibayar gaji yang terlalu rendah. Pelaksanaan dasar ini akan diteliti dari masa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan fasa seterusnya mengambil kira pengajaran dan iktibar daripada Fasa 1 dan Fasa 2, serta diperkukuhkan agar pelaksanaannya lebih berkesan dan selaras dengan impak yang dihasratkan.

Secara keseluruhannya, strategi Kerajaan adalah untuk memberikan keutamaan yang lebih strategik kepada tenaga kerja tempatan, sambil memastikan keperluan tenaga kerja industri terus dipenuhi dan produktiviti negara tidak terjejas. Kejayaan tidak hanya akan diukur berdasarkan peratus pekerja tempatan, tetapi juga melalui peningkatan kadar penempatan dan pengekalan pekerjaan, tahap kemahiran, produktiviti, pendapatan serta bilangan anak tempatan yang berjaya membina kerjaya mampan dalam sektor-sektor utama negara. Insha Allah, strategi-strategi berkenaan akan diteliti keberkesanannya dari masa ke semasa.

No. Soalan: PT105

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah implikasi perubahan struktur demografi negara terhadap bekalan tenaga kerja, kemampunan fiskal, sistem perlindungan sosial dan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh dua dekad akan datang, serta bagaimanakah unjuran tersebut diterapkan dalam perancangan pembangunan negara?

JAWAPAN:

Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah penduduk berumur 65 tahun dan ke atas berbanding dengan peningkatan *working age population* dari tahun 2023 kepada tahun 2025 seperti berikut:

- *Working age population* (berumur 15 ke 64 tahun) meningkat seramai 3,500 orang, daripada 328,000 orang pada tahun 2023 kepada 331,500 orang pada tahun 2025; manakala
- Golongan berumur 65 tahun dan ke atas meningkat seramai 5,000 orang, daripada 31,300 orang pada tahun 2023 kepada 36,300 orang pada tahun 2025.

Tambahan lagi, Negara Brunei Darussalam menunjukkan fertility rate yang menurun, dari 1.8 pada tahun 2023 ke 1.5 pada tahun 2025. Kadar ini adalah di bawah *ideal fertility rate* bagi mengekalkan saiz penduduk yang stabil (2.1). Jika tren ini berterusan, negara akan menghalakan kepada aging population pada kadar yang lebih pantas berbanding negara-negara maju di rantau Asia-Pasifik [Kajian dari IMF (Jun 2026)].

Perubahan struktur disebabkan oleh penuaan penduduk bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan ekonomi jangka panjang, malah membawa cabaran kepada bekalan tenaga kerja seperti pengurangan saiz tenaga kerja; pendedahan sebahagian pekerjaan kepada *displacement risk* akibat perkembangan teknologi dan *automation*; dan peningkatan kos penjagaan kesihatan dan sistem persaraan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peluang yang boleh diterapkan dalam perancangan pembangunan negara, seperti:

- i. Sektor penjagaan termasuk bidang kesihatan dan perkhidmatan sosial yang boleh membawa peluang pekerjaan tambahan dalam penjagaan warga emas (*geriatric care*), perkhidmatan sokongan komuniti, serta pengurusan kesihatan awam; dan

- ii. Penyediaan dasar tenaga kerja, termasuk pekerja asing, yang lebih strategik dan berfokus untuk mengisi kekosongan kritikal dalam sektor-sektor utama bagi menyokong pembangunan ekonomi serta memastikan tenaga kerja tempatan dibekalkan dengan kemahiran tinggi, kemahiran digital dan teknologi.

Dari sudut kemampanan fiskal, kerajaan perlu bersedia menghadapi tekanan perbelanjaan awam yang meningkat, di mana analisa IMF menunjukkan bahawa kos pencen dan kesihatan warga emas boleh meningkat sebanyak 4 hingga 5 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2050.

Brunei Statistical book. Table for Ageing Population

Tahun	2023		2025		Perbezaan (2023 vs 2025)		
Kumpulan Umur	Penduduk Lelaki	Penduduk Perempuan	Penduduk Lelaki	Penduduk Perempuan	Δ Penduduk Lelaki	Δ Penduduk Perempuan	Δ Jumlah Penduduk
0–4	15,400	14,600	15,500	14,700	+100	+100	+200
5–9	15,500	14,300	15,100	14,300	-400	0	-400
10–14	16,400	15,000	16,200	15,000	-200	0	-200
15–19	16,300	15,200	15,300	14,500	-1,000	-700	-1,700
20–24	19,500	17,400	21,300	17,000	+1,800	-400	+1,400
25–29	22,800	18,100	24,500	18,100	+1,700	0	+1,700
30–34	23,300	18,200	24,000	18,400	+700	+200	+900
35–39	22,500	17,700	23,600	17,900	+1,100	+200	+1,300
40–44	20,500	16,800	21,300	16,500	+800	-300	+500
45–49	16,800	15,500	18,100	15,400	+1,300	-100	+1,200
50–54	14,600	13,300	14,500	13,100	-100	-200	-300
55–59	11,000	11,000	10,400	10,800	-600	-200	-800
60–64	8,600	8,900	8,000	8,800	-600	-100	-700
65–69	6,500	7,200	7,100	7,300	+600	+100	+700
70–74	4,100	4,600	4,700	5,500	+600	+900	+1,500
75–79	2,000	2,500	2,700	3,300	+700	+800	+1,500
80–84	1,200	1,700	1,400	1,900	+200	+200	+400
85 and ke atas	700	800	1,100	1,300	+400	+500	+900

No. Soalan: PT107

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan 18 projek FDI baharu mewajibkan *succession planning*, pemindahan teknologi dan pembangunan bakat tempatan, termasuk KPI sasaran peratusan anak tempatan mengisi jawatan pakar dan kepimpinan dalam tempoh lima tahun, serta tindakan terhadap pelabur yang gagal mematuhi?

JAWAPAN:

Data setakat 01 April 2026 menunjukkan bahawa daripada 26 projek yang dikendalikan oleh 26 syarikat sedang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, jumlah keseluruhan tenaga kerja adalah seramai 3,846 orang. Dari jumlah berkenaan, seramai 1,881 (atau 49 peratus) adalah pekerja tempatan manakala 1,965 (atau 51 peratus) adalah pekerja asing.

Lima (5) jawatan tertinggi yang diisikan oleh anak tempatan adalah *Still operator (petroleum and natural gas)* seramai 304 orang; *Refinery Process Operator* seramai 144 orang; *Petroleum and Natural Gas Refining Plant Operator* seramai 117 orang; *Mechanical Engineering Technician* seramai 104 orang; dan *Fire fighter* seramai 85 orang.

Manakala, lima (5) jawatan tertinggi yang diisikan oleh pekerja asing adalah *Refinery Process Operator* seramai 337 orang; *Other metal processing plant operators* seramai 211 orang; *Other petroleum and natural gas refining plant operators* seramai 194 orang; *Other manufacturing labourers n.e.c.* seramai 126 orang; dan *electric power operator* seramai 93 orang.

Bagi menggalakkan *succession planning* anak tempatan, pemindahan teknologi dan pembangunan bakat tempatan bagi projek-projek FDI yang akan datang, beberapa inisiatif telah dilaksanakan melalui:

- i. Penyesuaian Kurikulum dan Program Khusus bagi projek-projek FDI, seperti memperkenalkan program dan kurikulum khas termasuk *joint scholarship dan training programmes* di antara institusi pengajian tinggi tempatan bersama institusi pengajian tinggi luar negara, seperti Zhejiang University dan Lanzhou Petrochemical Polytechnic, bagi melahirkan jurutera, juruteknik, dan *operator* tempatan di sektor hiliran; dan

- ii. Pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran, seperti Program Perantisan i-Ready, bagi memberikan anak tempatan pendedahan kepada kemahiran dan pengalaman kerja yang relevan. Sejak pelaksanaan program ini sehingga 30 Jun 2026, seramai 335 daripada 10,602 orang perantis telah dan sedang menjalani perantisan di syarikat-syarikat FDI yang beroperasi. Daripada jumlah berkenaan, seramai 85 orang (atau 25 peratus) berjaya diserapkan menjadi pekerja tetap di syarikat-syarikat FDI.

Bagi memastikan anak tempatan diberikan peluang pekerjaan yang bersesuaian dalam projek-projek FDI, syarikat adalah dikehendaki untuk menunjukkan usaha localisation melalui proses *Foreign Workers Clearance Letter*, di samping memenuhi kriteria pengawal selia mengikut sektor (*sectoral regulators*) masing-masing:

- i. Bagi projek di bawah sektor-sektor Tenaga (Minyak dan Gas), ICT dan Pembangunan, penguatkuasaannya ditadbir di bawah *Local Business Development (LBD) Framework*. Rangka kerja tersebut menetapkan sasaran peratusan anak tempatan mengikut peringkat jawatan, termasuk kepimpinan, penyeliaan, *skilled* dan *semi-skilled*. Mana-mana syarikat yang gagal mematuhi sasaran anak tempatan yang ditetapkan akan diambil tindakan yang bersesuaian [contoh: *penggantungan lesen operasi yang digariskan dalam Implementation Agreement* bersama Syarikat Hengyi];
- ii. Bagi sektor-sektor lain seperti pertanian dan perikanan, syarat-syarat pembangunan keupayaan dan penggantian tenaga kerja tempatan dipantau oleh pengawal selia sektor masing-masing.

Dari itu, pihak Kerajaan sedang giat memperkukuhkan proses serta inisiatif dalam menggalakkan *succession planning*, pemindahan teknologi dan pembangunan bakat tempatan. Pada masa yang sama memperkukuhkan jua tindakan terhadap *non compliance* mengikut kesesuaian.

No. Soalan: PT074

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** menyatakan persetujuan Brunei-Malaysia menyelesaikan isu sempadan secara berperingkat semasa *26th Annual Leaders' Consultation* dan penjelasan Kementerian berkenaan kawasan yang telah dimuktamadkan, serta perancangan *cross-border joint economic development zone* beserta garis masa pelaksanaannya?

JAWAPAN:

Semasa Perundingan Tahunan Ketua-Ketua Kerajaan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia kali ke-26 pada Ogos tahun lepas, para pemimpin telah, antarlain bersetuju bagi kedua-dua negara terus mengekalkan momentum dalam mencapai kemajuan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Kedua-dua pemimpin turut menekankan kepentingan untuk mempercepatkan dan menyelesaikan kerja-kerja tersebut secepat mungkin.

Dalam hubungan ini, para pemimpin telah menegaskan semula komitmen terhadap *Exchange of Letters* (EOL) yang ditandatangani pada tahun 2009; *Memorandum of Understanding on the Process for the Joint Demarcation and Survey of the Land Boundary* (MOU) yang ditandatangani pada Mac 2012; dan *Terms of Reference* yang dilampirkan bersama MOU berkenaan.

Berdasarkan instrumen-instrumen tersebut, kawasan sempadan yang mempunyai perjanjian akan diselesaikan berdasarkan lima Perjanjian Sempadan Darat yang sedia ada. Manakala, bagi kawasan yang belum mempunyai perjanjian, penentuan sempadan akan dirundingkan berdasarkan prinsip legeh atau *watershed principle*. Ini termasuk bagi Sektor F-G yang disasarkan untuk diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2027, selaras dengan *Exchange of Notes* (EON) yang ditandatangani pada tahun 2024 di antara Menteri-Menteri Hal Ehwal Luar Negeri kedua buah negara.

Pada Ogos 2025, sebanyak 41% atau 214.638 km daripada keseluruhan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah siap diukur dan ditanda sejak kerja-kerja penandaan dan pengukuran dimulakan pada 2012. Setakat Disember 2025, jumlah tersebut telah meningkat kepada 49.2%.

Untuk makluman, kawasan-kawasan yang telah siap kerja-kerja penandaan dan pengukuran adalah seperti berikut:

- Sektor D – E (Mulu - Ulu Tutong);
- Seksyen-seksyen tertentu di Sektor C – D (Teraja - Mulu);
- Seksyen-seksyen tertentu di Sektor E – F (Ulu Tutong - Bebuloh);
- Sektor K – L (Ulu Sungai Pandaruan - Bukit Sagan); dan
- Sebahagian kawasan sekitar Jambatan Persahabatan dan Blok B di Teluk Brunei di Sektor J – K.

Kawasan-kawasan ini telah termasuk di dalam Memorandum Persefahaman (MOU) Fasa Pertama bagi Penandaan dan Pengukuran Bersama Sempadan Darat yang telah selesai dibuat dan telah ditandatangani pada 26 Ogos 2024.

Untuk makluman, MOU ini adalah terikat (*“binding”*) dari segi undang-undang. Walaubagaimanapun, hanya Perjanjian Terakhir (*“Final Agreement”*) yang akan menentukan keseluruhan sempadan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, serta menggantikan (*“supersede”*) MOU ini dan MOU-MOU berkaitan fasa penandaan dan pengukuran yang telah dipersetujui sebelumnya.

Bagi mengekalkan momentum, kedua-dua pihak telah bersetuju pada dasarnya supaya pertimbangan diberikan untuk mengadakan satu Memorandum Persefahaman Fasa Kedua bagi Kerja-Kerja Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat setelah sasaran mencecah 66% dari keseluruhan sempadan darat yang dijangka akan dicapai pada tahun 2028.

Untuk makluman, kedua-dua negara berhasrat untuk menyelesaikan dan memuktamadkan keseluruhan proses pengukuran dan penandaan sempadan selewat-lewatnya pada tahun 2034. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan terus bersama dengan rapat dengan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan serta agensi-agensi berkenaan kearah ini.

Kementerian ini juga akan terus memastikan bahawa semua rundingan dan kerja pengukuran serta penandaan sempadan dilaksanakan secara berhati-hati, berlandaskan instrumen yang dipersetujui, dan sentiasa mengambil kira kepentingan, keselamatan serta kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Cross-Border Joint Economic Development Zone

Kementerian ini mengambil maklum artikel *BorneoPostOnline* bahawa cadangan ini dikemukakan oleh seorang ahli Parlimen Malaysia (MP Miri) kepada rombongan ahli Parlimen Negara Brunei Darussalam semasa perjumpaan yang diadakan pada Januari 2025, di Brunei Darussalam.

Pada masa ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri masih belum menerima cadangan bagi pembentukan *Cross-Border Joint Economic Development Zone* secara rasmi dari pihak Sarawak. Pembentukannya memerlukan pertimbangan serta penelitian lanjut yang menyeluruh serta penglibatan agensi-agensi berkenaan di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam dan Sarawak sudah pun mempunyai kerjasama ekonomi strategik yang aktif, terutamanya dalam sektor Tenaga. Salah satunya adalah *Power Interconnection Project*, iaitu Kerjasama penjualan dan pembekalan tenaga elektrik rentas sempadan yang menghubungkan rangkaian grid Negara Brunei Darussalam dan Sarawak. Projek ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan tenaga (*energy security*) kedua-dua belah pihak, malah menjadi pemangkin kepada integrasi grid tenaga ASEAN (*ASEAN Power Grid*).

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terus komited untuk memperkukuhkan hubungan strategik dua hala dengan Sarawak. Kedua-dua belah pihak akan sentiasa meneroka peluang kerjasama baharu yang berteraskan prinsip saling melengkapi (*complementary*) dan bukannya persaingan (*competition*) dengan memanfaatkan kelebihan-kelebihan masing-masing bagi menghasilkan manfaat yang mampan dan berterusan.

No. Soalan: PT061**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan memandangkan bekalan daging mentah negara bergantung kepada import dan melibatkan pelbagai agensi, sejauh manakah Kementerian menilai proses pengimportan sedia ada bagi memastikan kos efektif tanpa menjejaskan piawaian halal, veterinar dan keselamatan makanan, serta apakah langkah pembaharuan yang dirancang?

JAWAPAN:

Pihak Kementerian pada masa ini melihat situasi serta kaedah pelaksanaan sedia ada masih relevan, praktikal, dan berkesan dalam menjamin kelangsungan serta kehalalan produk yang dipantau secara berterusan. Sehubungan dengan itu, sebarang penilaian terhadap kecekapan kos hendaklah dilaksanakan secara komprehensif dengan merangkumi keseluruhan rantai bekalan tanpa menjejaskan integriti halal dan keselamatan produk halal. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan terus menilai dari semasa ke semasa dan menambah baik proses pengimportan sedia ada bersama agensi-agensi berkepentingan seperti Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

1. Inisiatif Kementerian dalam melaksanakan proses pengimportan secara kos efektif melalui penghantaran Pegawai Pemerhati dalam jumlah yang minimum. Walau bagaimanapun jumlah kos keseluruhan adalah tertakluk juga kepada lokasi, musim penghantaran dan jumlah hari bertugas. Pihak Kementerian telah melaksanakan kajian bagi anggaran kos pembiayaan Pegawai Pemerhati pasca covid-19.
2. Senarai kos bagi penghantaran Pegawai Pemerhati :
 - i. Tiket Penerbangan pergi balik
 - ii. Kos penginapan
 - iii. Elaun sara hidup
 - iv. Kos pengangkutan
 - v. Insuran
3. Usaha-usaha kementerian dalam melaksanakan pembaharuan dengan mengambil kira perubahan-perubahan yang telah dilaksanakan khususnya pasca COVID-19.

Cabaran Kenaikan Kos Luaran Yang Tidak Dapat Dielakkan

Pihak Kementerian turut mengambil maklum dan berhadapan dengan cabaran kenaikan kos pengimportan daging secara keseluruhan. Kenaikan harga ini bukanlah tergantung 100% berpunca daripada proses kawalan halal tempatan, sebaliknya sebahagian besar disebabkan oleh faktor peningkatan kos yang tidak dapat dielakkan di peringkat global atau negara pembekal. Ini termasuklah faktor seperti peningkatan kos makanan ternakan, kenaikan kos pengangkutan kargo antarabangsa dan juga ketidaktentuan geopolitik global.

No. Soalan: PT062**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan merujuk penubuhan Jawatankuasa Khas Bebas untuk menilai Sistem Integrasi Uagama dan Akademik, sejauh manakah dapatan Jawatankuasa dijadikan asas keputusan dasar dan hala tuju sistem ini bagi memastikan matlamat integrasi tercapai tanpa menjejaskan kualiti pendidikan uagama dan keyakinan ibu bapa?

JAWAPAN:

Kementerian Hal Ehwal Uagama sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan Sistem Pengintegrasian Mata Pelajaran Uagama ke dalam Sistem Pendidikan Umum mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas Bebas, perkara tersebut telah dibincangkan semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara 2024. Berkaitan itu, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Uagama telah mengambil pendekatan untuk memperkukuhkan mekanisme sedia ada melalui Jawatankuasa Pengintegrasian Mata Pelajaran Uagama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum, yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Uagama, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perdana Menteri.

Jawatankuasa tersebut disokong oleh empat Jawatankuasa Kerja, iaitu:

1. Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan;
2. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Penilaian;
3. Jawatankuasa Prasarana dan Kemudahan; dan
4. Jawatankuasa Perhubungan dan Komunikasi.

Struktur tadbir urus ini diwujudkan bagi memastikan setiap aspek pelaksanaan Sistem Pengintegrasian dapat dirancang, dipantau, dinilai dan ditambah baik secara berterusan berdasarkan keperluan sebenar di peringkat pelaksanaan.

Melalui mekanisme tersebut, beberapa inisiatif utama telah dan sedang dilaksanakan.

Pertama, pengemaskinian Kurikulum Pendidikan Islam Baharu dan pembangunan buku teks dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Tahun 2 pada tahun 2025 dan akan diteruskan sehingga Tahun 5 pada tahun 2028. Pendekatan berfasa ini membolehkan setiap peringkat pelaksanaan dipantau, dinilai dan ditambah baik sebelum diperluaskan ke tahun berikutnya.

Kedua, memperkuat kompetensi guru melalui latihan profesional secara berterusan, termasuk Bengkel Kaedah Pengajaran Iqra' dan Al-Quran, Kursus Pendidikan Khas Ugama, latihan pedagogi Sistem Pengintegrasian serta Bengkel Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* – AI) bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Ketiga, memperkuat penghayatan Pendidikan Islam melalui pelaksanaan program sokongan seperti Program Bimbingan Solat Pelajar Tahun 2 dan Program Bilal dan Imam Cilik, yang memberi penekanan kepada penguasaan amali ibadah, pembentukan sahsiah dan penghayatan nilai-nilai Islam.

Keempat, melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap pelaksanaan Sistem Pengintegrasian di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, meliputi aspek kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, perkembangan murid, kompetensi guru serta maklum balas daripada pihak sekolah dan ibu bapa.

Kelima, memastikan pelajar Brunei Darussalam yang berada di luar negara terus mengikuti Pendidikan Islam melalui penyediaan bahan pembelajaran digital serta kemudahan menduduki ujian dan peperiksaan mengikut kurikulum kebangsaan.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus memperkuat pelaksanaan Sistem Pengintegrasian melalui pemantauan yang sistematik, penilaian berterusan serta penambahbaikan berasaskan bukti dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan. Pendekatan ini diyakini akan memastikan matlamat pengintegrasian tercapai, di samping terus memelihara kualiti Pendidikan Islam, memperkuat pembentukan sahsiah murid serta mengekalkan keyakinan ibu bapa terhadap sistem pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PT066**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan sejauh manakah MoU antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Vietnam, Singapura dan Pakistan dalam industri halal dimanfaatkan untuk memperkukuh ekosistem halal negara, meningkatkan nilai tambah PMKS tempatan, serta menyokong kepelbagaian ekonomi selaras Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Menyentuh mengenai soalan yang dibangkitkan berhubung Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan negara Vietnam, Singapura, dan Pakistan dalam industri halal, ingin dikongsikan bahawa MoU-MoU berkenaan pada masa ini masih dalam peringkat penelitian dan sedang dalam usaha untuk dimeterai oleh pihak Kementerian / MUIB.

In sha Allah, apabila MoU ini direalisasikan kelak, ia disasarkan menjadi instrumen penting untuk memperkukuh ekosistem halal negara kerana ia menggalakkan kerjasama, inovasi, pembangunan modal insan, perkongsian piawaian, serta memperluas pasaran dan pelaburan. Melalui pelaksanaan MoU yang berkesan, industri halal negara dapat berkembang secara mampan dan meningkatkan daya saing di peringkat global.

Antara fokus utama dalam MoU-MoU berkenaan adalah menjalinkan kerjasama dalam pertukaran maklumat, kepakaran, penemuan penyelidikan, serta jemputan ke program latihan dan persidangan berkaitan hal ehwal halal. Ini termasuk penganjuran aktiviti bersama serta mana-mana bidang kerjasama lain yang dipersetujui oleh kedua-dua negara. Melalui MoU tersebut boleh mewujudkan mekanisme perkongsian maklumat dan amalan terbaik piawaian halal negara masing-masing. Langkah ini dapat meningkatkan integriti dan kredibiliti ekosistem halal negara.

Selain itu, kerjasama strategik yang terjalin melalui MoU ini turut berpotensi menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor-sektor halal yang bernilai tinggi, termasuk industri makanan, logistik, pelancongan dan perkhidmatan berkaitan. Perkembangan ini bukan sahaja akan memperkukuh ekosistem halal negara, malah membuka ruang yang lebih luas untuk meningkatkan nilai tambah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan melalui pengembangan kapasiti, inovasi dan akses kepada pasaran baharu.

Pada masa yang sama, ia dijangka mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan serta menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara, selaras dengan aspirasi Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT067

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan sejauh manakah Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) berjaya memperkukuh pembangunan modal insan dan kapasiti industri? Apakah strategi untuk menjadikan ini sebagai salah satu laluan pembangunan profesional bagi memenuhi keperluan sektor haji dan umrah serta memperluas penyertaan anak tempatan?

JAWAPAN:**I. Latar Belakang Program**

Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) telah berjaya memperkukuh pembangunan modal insan dan kapasiti industri melalui pembangunan kompetensi pembimbing yang bersifat holistik merangkumi aspek ilmu syariah, kemahiran profesional, pengurusan jemaah dan keupayaan menangani cabaran semasa dalam pelaksanaan ibadah haji serta umrah.

Modul yang ditawarkan dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar industri dan perkembangan semasa pengurusan haji dan umrah. Antara kandungannya ialah manasik haji dan umrah, fatwa serta isu-isu semasa berkaitan ibadah, komunikasi berkesan, pengurusan psikologi jemaah, pertolongan cemas dan kesihatan jemaah. Penguasaan bidang-bidang ini penting dalam memastikan pembimbing tempatan mempunyai kompetensi yang seimbang dari aspek keilmuan, kemahiran interpersonal dan pengurusan krisis.

Pemegang tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang turut mengikuti program ini berpeluang untuk berkhidmat sebagai pembimbing serta petugas haji dan umrah yang bertauliah. Ini menjadi nilai tambah yang signifikan sekaligus menyumbang kepada peningkatan tahap profesional dan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam sektor haji dan umrah di negara ini. Di samping itu, program ini turut menjadi salah satu laluan pembangunan profesional bagi meningkatkan penyertaan anak tempatan dalam industri haji dan umrah.

II. Penglibatan Pelbagai Agensi Kerajaan dan Pihak Industri

Program ini turut diperkukuh melalui kerjasama strategik pelbagai agensi iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji, Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan, Kementerian Kesihatan dan KUPU SB melalui Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan Pusat Bahasa.

Sinergi antara institusi-institusi berkenaan membolehkan peserta memperoleh ilmu yang berautoriti, latihan berasaskan amalan terbaik (*best practices*), dan kefahaman yang menyeluruh mengenai aspek syariah, operasi, kesihatan serta komunikasi.

Di samping itu, penglibatan syarikat pengendali umrah yang berpengalaman dan diiktiraf seperti Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Balurih Travel dalam kalangan peserta pembimbing memberikan nilai tambah kepada program melalui pendedahan kepada situasi sebenar di lapangan termasuk aspek pengurusan logistik, penyelarasan perjalanan, pengendalian jemaah pelbagai latar belakang, penyelesaian isu operasi dan perkongsian pengalaman sebenar daripada pengamal industri. Pendekatan ini merapatkan jurang antara teori dan amalan.

III. Penyelarasan Dasar Kerajaan Arab Saudi

Program ini juga mengambil kira dasar dan keperluan semasa Kerajaan Arab Saudi yang sentiasa berkembang termasuk syarat kelayakan pembimbing, piawaian keselamatan, prosedur pengurusan jemaah dan garis panduan operasi ibadah haji serta umrah. Penyesuaian kandungan program dengan dasar antarabangsa ini memastikan pembimbing tempatan sentiasa relevan, memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi dan mampu memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada jemaah.

IV. Penggunaan Platform Digital

Seiring dengan transformasi digital dalam pengurusan haji dan umrah, SP-PHU turut mengintegrasikan latihan penggunaan platform digital rasmi seperti aplikasi Nusuk, sistem e-Visa dan aplikasi berkaitan kesihatan serta pengurusan permit. Pembimbing dilatih untuk membantu jemaah mengurus permit ibadah, jadual perjalanan, navigasi lokasi suci dan keperluan digital lain. Penguasaan teknologi ini meningkatkan kecekapan operasi dan membolehkan pembimbing memberi bimbingan yang lebih efektif dalam persekitaran pengurusan haji dan umrah yang semakin berasaskan teknologi.

V. Pembangunan Kompetensi Lanjutan

Bagi memastikan pembangunan profesional pembimbing berlaku secara berterusan dan tidak terhenti selepas tamat program, beberapa perancangan peningkatan kompetensi telah dikenal pasti, antaranya memperkenalkan Sijil Khas Pembimbing Haji dan Umrah (SK-PHU) Tahap 2 sebagai laluan pembangunan profesional lanjutan. Antara program lanjutan yang dicadangkan:

- Kursus Pertolongan Cemas (*First Aid*) yang diiktiraf secara rasmi bagi meningkatkan keupayaan pembimbing mengendalikan situasi kecemasan dan menjaga keselamatan jemaah.
- Kursus Pengukuhan Tazkiyatun Nafs (Pendidikan Jiwa) yang memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah, pengurusan emosi, kesabaran,

daya tahan serta bimbingan kerohanian yang amat diperlukan oleh para pembimbing ketika mengurus jemaah di Tanah Suci.

Pelaksanaan laluan pembangunan kompetensi secara berperingkat ini membolehkan pembimbing sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengikut keperluan industri, seterusnya mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pembimbing haji dan umrah.

VI. Pandangan Jabatan Urusan Haji

Jabatan Urusan Haji, sebagai salah satu pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) melihat bahawa program ini telah berjaya memperkukuhkan pembangunan modal insan dengan melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam pengurusan serta ilmu manasik haji dan umrah.

Kehadapan, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi dan pihak berkepentingan bagi memperkukuhkan pembangunan kapasiti sumber manusia, memperluaskan peluang latihan serta meningkatkan profesionalisme pengamal industri haji dan umrah agar memenuhi keperluan semasa dan standard perkhidmatan yang ditetapkan.

No. Soalan: PT079

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagi merealisasikan aspirasi Negara Zikir dan Melayu Islam Beraja (MIB) serta memperkukuh penghayatan Maqasid Syariah, apakah inisiatif dan strategi memperkasakan program Tadabbur Al-Quran dari aspek kefahaman, penerapan dan penghayatan isi kandungan tersirat dalam Al-Quran yang mencakupi peringkat pendidikan bermula dari pendidikan rendah sehinggalah melangkaui seluruh lapisan masyarakat?

JAWAPAN:

Kementerian Hal Ehwal Ugama secara berterusan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam di negara ini. Pelaksanaan program dan inisiatif tersebut turut disesuaikan dengan pendekatan baharu yang meliputi penggunaan platform digital dan media massa yang menyasarkan kepada setiap peringkat masyarakat. Bagi peringkat kanak-kanak dan remaja pelaksanaan pembelajaran ugama secara formal di sekolah-sekolah ugama dan Arab termasuk sekolah-sekolah umum melalui mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pengetahuan Ugama Islam. Manakala bagi peringkat dewasa pula, pelaksanaan pembelajaran ugama dilaksanakan melalui Institusi Masjid-Masjid dan Surau-Surau termasuk pengajian kelas-kelas dewasa di setiap daerah.

Salah satu program atau inisiatif bagi mengukuhkan kefahaman kandungan Al-Quran ialah Program Tadabbur Al-Quran. Program ini dilaksanakan secara menyeluruh bermula peringkat kanak-kanak hingga peringkat dewasa. Ia dihasratkan sebagai inisiatif berkesinambungan dengan kemahiran membaca Al-Quran. Melalui program ini, kefahaman dan penghayatan berkaitan kandungan Al-Quran secara mendalam dan dihasratkan untuk dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pelaksanaan program dan inisiatif tadabbur Al-Quran mencapai matlamat yang ditetapkan, pelbagai strategi dan pendekatan telah dilaksanakan melalui jabatan dan institusi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang turut disesuaikan dengan peranan utama institusi dan jabatan berkenaan.

Melalui Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), antara strategi yang dilaksanakan bagi memperkasa Program Tadabbur Al-Qur'an adalah seperti berikut:

1. Penawaran kursus Al-Qur'an Al-Karim sebagai kursus wajib universiti dan kursus-kursus bidang tafsir serta Ulum Al-Qur'an.

Sebagai sebuah institusi perguruan ugama yang bermatlamat dalam melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan negara, pemerkasaan program Tadabbur al-Quran dari aspek kefahaman, penerapan dan penghayatan isi kandungan al-Qur'an dalam kalangan pelajar KUPU SB adalah sangat signifikan.

Dalam konteks ini, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengambil pendekatan yang komprehensif melalui kurikulum program pengajian yang ditawarkan di KUPU SB, dengan mengintegrasikan elemen tadabbur al-Quran secara berperingkat, berterusan dan bersepadu bermula dari peringkat Diploma Tertinggi Perguruan Ugama hingga Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama.

Keseluruhan program tersebut menawarkan kursus Al-Quran al-Karim yang berlangsung sepanjang tahun pengajian dengan pendekatan holistik yang menggabungkan bacaan al-Quran secara murattal dan bertajwid, hafazan ayat-ayat terpilih, tarannum dan tadabbur ayat-ayat al-Quran sebagai hasil pembelajaran utama.

Matlamat setiap kursus secara jelas menetapkan bahawa pelajar bukan sahaja menguasai bacaan dan hafazan, malah mampu menghayati dan mentadabbur ayat-ayat al-Quran sebagai asas pembentukan sahsiah pendidik Islam.

Kefahaman terhadap makna tersurat dan tersirat al-Quran diperkukuhkan melalui kursus-kursus bidang Tafsir dan Ulum al-Quran, yang melengkapkan pelajar dengan 2 metodologi pentafsiran, ilmu Ulum al-Quran, prinsip memahami konteks penurunan ayat dan kaedah mengeluarkan pengajaran dan hikmah daripada al-Quran.

Gabungan kursus Al-Quran Al-Karim dan kursus-kursus tersebut menjadikan proses tadabbur lebih sahih, ilmiah dan berpandukan disiplin tafsir muktabar.

2. Penganjuran program dan aktiviti berkaitan Tadabbur Al-Qur'an

Sebagai salah satu strategi memperkasakan program Tadabbur Al-Quran melangkaui seluruh lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam, KUPU SB juga berinisiatif mengambil langkah proaktif menganjurkan beberapa siri program dan Tadabbur al-Qur'an kepada seluruh tenaga kerja KUPU SB dan masyarakat awam.

Khusus bagi seluruh tenaga kerja KUPU SB, Program Pembudayaan Memahami Al-Qur'an bagi Staf – sebelumnya dikenali dengan Program Pembudayaan Membaca Al-Qur'an bagi Staf (PMQS) kendalian Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, KUPU SB, dilaksanakan pada setiap pagi Sabtu sepanjang minggu perkuliahan bertujuan memberikan kefahaman dan meningkatkan penghayatan terhadap makna dan intisari ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca. Sehingga awal Mei 2026, program ini telah memasuki siri yang ke-307.

Sementara program dan aktiviti Tadabbur Al-Quran di luar kampus KUPU SB bagi pelbagai lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan melalui kendalian fakulti dan pusat kecemerlangan akademik KUPU SB iaitu Fakulti Usuluddin, Pusat Bahasa dan Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Dakwah Melalui Tadabbur Al-Qur'an dan Al-Hadith, dengan kekerapan sekali pada setiap semester pengajian dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman keugamaan dalam kalangan masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam. Program ini juga berperanan dalam memperluaskan sasaran dakwah ke seluruh daerah melalui pengimarahannya masjid-masjid dan penyebaran Tadabbur Al-Qur'an dan Al-Hadith. Alhamdulillah, program ini telah berjaya diperluaskan pelaksanaannya ke jabatan-jabatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, program ini turut mendedahkan masyarakat kepada kepentingan Tadabbur Al-Qur'an dan Al-Hadith sebagai panduan utama dalam kehidupan seharian.

Pihak KUPU SB juga turut bekerjasama dengan organisasi dan institusi lain seperti Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan pihak Jawatankuasa Takmir Masjid serta Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk menganjurkan program dan aktiviti tadabbur.

3. Penubuhan Jawatankuasa Tadabbur Al-Quran KUPU SB

Penubuhan Jawatankuasa Tadabbur Al-Quran KUPU SB merupakan satu inisiatif strategik yang selaras dengan aspirasi Negara Zikir, falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan penghayatan Maqasid Syariah. Penubuhan jawatankuasa ini bukan sekadar bertujuan menyelaraskan aktiviti tadabbur di KUPU SB, bahkan berfungsi sebagai platform pembangunan ekosistem tadabbur al-Quran yang menyeluruh, sistematik dan lestari, meliputi pendidikan formal dan penglibatan masyarakat. Penubuhannya juga berasaskan tuntutan al-Quran agar umat Islam mentadabbur ayat-ayat Allah dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang menekankan kepentingan mahasiswa dalam bidang Ugama dan guru ugama memahami al-Quran.

Pendekatan yang sama juga dilaksanakan oleh Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) melalui penyediaan kurikulum mata pelajaran tadabbur bagi penuntut di peringkat pengajian diploma dan menengah. Kurikulum tersebut antara lain melingkungi beberapa aspek iaitu Kenegaraan, Aqidah, Ibadah, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Brunei.

Di samping itu, usaha-usaha berkaitan tadabbur Al-Quran turut dilaksanakan melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS (PPPQM) melalui penyediaan pelbagai program dan kursus bagi sektor awam, pasukan-pasukan beruniform, sektor swasta, NGOs, belia-belia dan masyarakat. Di antara program-program yang dijalankan di antaranya sebagaimana berikut:

1. Kursus skim Kefahaman Al-Quran.
2. Kursus Tadabbur Al-Quran.

Pusat pengajian ini juga mengambil inisiatif dan strategik memperkasa program Tadabbur Al-Quran dari aspek kefahaman, penerapan dan penghayatan isi kandungan Al-Quran melalui penerbitan Program Televisyen baharu yang akan dilaksanakan pada tahun 2027. Ia merupakan terbitan tahunan dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah dan Radio Televisyen Brunei sebanyak 15 episod setiap tahun.

Manakala melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, pelbagai aktiviti dan program sedang dan akan dilaksanakan, antaranya:

1. Program Tadabbur Al-Quran Bersepadu yang disusun mengikut kelompok umur bermula daripada kanak-kanak, belia, dewasa sehingga warga emas.
2. Pelaksanaan kelas dan halaqah tadabbur di masjid-masjid secara mingguan.

3. Memperkasakan kompetensi pegawai masjid melalui latihan bersesuaian berkaitan metodologi tadabbur bagi penyampaian yang lebih berkesan serta berpanduan disiplin tafsir yang muktabar.

Selain itu, pihak JHEM juga mulai tahun 2026 ini telah memperkenalkan Program Tadabbur Surah Al-Fatihah bagi pelajar-pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat. Program ini khusus di rekabentuk bagi peringkat umur rendah dengan objektif mengaplikasikan kefahaman isi surah dalam kehidupan mereka secara sepenuhnya dan anjuran agar kanak-kanak membiasakan diri mengamalkan Surah Al-Fatihah setiap kali hendak memulakan sesuatu majlis. Setakat ini, Program ini telah dilaksanakan di tujuh (7) buah masjid terpilih dan akan seterusnya akan dilaratkan ke masjid-masjid terpilih lain di seluruh negara.

Program Tadabbur Al-Quran juga telah dijadikan sebagai salah satu pembelajaran dalam Kelas Bimbingan Muslimah di 37 masjid-masjid seluruh negara.

JHEM melalui Bahagian Bimbingan dan Latihan juga telah menganjurkan Program Tadabbur Al-Quran (Surah Al-Fatihah dan Surah As-Sajadah) kepada Pegawai-Pegawai Masjid terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam dan Bilal sejak tiga tahun kebelakangan secara bersiri dan berkelompok. Demikian itu juga, JHEM melalui Bahagian Hal Ehwal Belia akan mengadakan Bengkel kefahaman dan penghayatan Surah Al-Fatihah dengan betul mengikut kaedah tajwid serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingannya sebagai rukun dalam solat.

Kesemua pendekatan ini dilaksanakan adalah bagi membantu melahirkan masyarakat yang bukan sahaja celik Al-Quran, bahkan benar-benar menjadikan Al-Quran sebagai panduan selaras dengan hasrat Negara Zikir dan Maqasid Syariah.

Seterusnya Jabatan Pengajian Islam pula telah dan sedang melaksanakan beberapa strategi utama seperti berikut:

1. Membina kurikulum yang sesuai dan selaras dengan peringkat umur, tahap kognitif serta memenuhi keperluan pelajar agar menjadi individu yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak mulia.
2. Memperkasakan Program Tadabbur Al-Quran melalui pengintegrasian elemen kefahaman, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai Al-Quran dalam kurikulum pendidikan Islam dari peringkat rendah hingga menengah.
3. Menyediakan modul, bahan pengajaran dan latihan guru berasaskan pendekatan tadabbur yang sistematik, interaktif dan relevan dengan cabaran semasa.

4. Menggalakkan pengamalan nilai-nilai Al-Quran dalam kehidupan seharian bagi memperkukuh jati diri, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ummah selaras dengan aspirasi Negara Zikir dan MIB.

Kesimpulannya, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus memperkukuhkan pelaksanaan Program Tadabbur Al-Quran melalui pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, merangkumi aspek kurikulum, pedagogi, pembangunan guru serta penghayatan dalam kehidupan. Matlamat akhirnya ialah melahirkan generasi yang bukan sahaja mampu membaca Al-Quran dengan baik, tetapi juga memahami, menghayati dan mengamalkan ajarannya sebagai panduan hidup, sekali gus menyokong usaha merealisasikan aspirasi Negara Zikir, memperkukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja serta menghayati Maqasid Syariah dalam membina masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia, bersatu padu dan sejahtera.

No. Soalan: PT087

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan pengagihan tanah keluarga bagi mereka yang beragama Islam yang mengikut sistem Mahkamah Sivil dengan bahagian sama rata antara lelaki dan perempuan dan jika Kementerian mempertimbangkan menetapkan pembahagian tanah keluarga Islam mengikut sistem Mahkamah Syariah melalui perkiraan Faraid, selaras identiti Negara Zikir dan Melayu Islam Beraja?

JAWAPAN:

Apabila seorang Islam meninggal dunia, ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu iaitu:

1. Pembayaran perbelanjaan pengebumian si mati;
2. Pembayaran bagi semua hutang si mati sama ada hutang kepada Allah atau hutang kepada mana-mana orang;
3. Penyelesaian tuntutan harta sepencarian oleh pasangan yang masih hidup, jika ada, melalui Mahkamah;
4. Menjalankan wasiat yang dibuat oleh si mati semasa hidupnya, jika ada;
5. Pembahagian harta pusaka si mati kepada ahli waris.

Mengenai isu bagi penetapan pembahagian harta pusaka sama ada harta alih atau harta tak alih orang Islam seperti yang diperuntukkan di bawah bab 15(b)(viii) atau (ix) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 maka perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah melalui pengeluaran Perintah Faraid menurut hukum syara'.

Perintah Faraid tersebut dibawa ke Mahkamah Sivil untuk pengeluaran Surat Kuasa Pentadbir (*Letter of Administrator*) bagi lantikan pentadbir harta pusaka si mati yang meninggal dunia tanpa berwasiat, yang terdiri daripada ahli waris yang dinamakan dalam Perintah Faraid.

Manakala pembahagian harta pusaka sama ada secara mengikut perkiraan Faraid atau sama rata adalah tertakluk kepada perundingan dan persetujuan semua ahli waris.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Perundangan Islam telah berinisiatif dengan penyediaan draf awal undang-undang Faraidh. Draft undang-undang berkenaan tertakluk kepada proses penyediaan undang-undang sedia ada yang melibatkan pelbagai agensi yang berkepentingan sepertimana lazimnya.

No. Soalan: PT058

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan merujuk kebimbangan Menteri Kesihatan terhadap peningkatan *vape* mengandungi bahan terlarang, apakah gambaran terkini kes, rampasan dan implikasi kesihatan, dan sejauh manakah dapatan ini diguna pakai memperkukuh langkah pencegahan melalui pendekatan *whole-of-nation* melibatkan ibu bapa, sekolah dan komuniti?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan memandang serius peningkatan penggunaan *vape* dalam kalangan remaja dan belia, khususnya dalam kalangan murid dan penuntut sekolah. Trend ini semakin membimbangkan berikutan kemudahan mendapatkan produk *vape* melalui platform media sosial seperti WhatsApp, TikTok, Instagram dan Facebook, yang sering menyasarkan golongan muda melalui pelbagai pilihan perisa, reka bentuk yang menarik serta harga yang mampu dimiliki. Lebih membimbangkan lagi, terdapat beberapa kes melibatkan *vape* yang didapati mengandungi bahan-bahan terlarang, termasuk dadah sintetik. Kes-kes sedemikian telah diserahkan kepada Biro Kawalan Narkotik bagi tindakan lanjut mengikut bidang kuasa agensi berkenaan.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan terus memperkukuh usaha pencegahan dan penguatkuasaan, khususnya di institusi pendidikan. Sehingga bulan Julai tahun ini, sebanyak 18 sesi taklimat dan ceramah kesedaran telah dilaksanakan, melibatkan 4 buah sekolah rendah, 13 buah sekolah menengah dan sebuah institusi pendidikan teknikal. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 57 rampasan rokok dan *vape* turut direkodkan di sekolah-sekolah, terdiri daripada 3 rampasan di sekolah rendah dan 54 rampasan di sekolah menengah. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan perlu dilaksanakan seiring dengan penguatkuasaan bagi membendung penggunaan *vape* dalam kalangan pelajar sejak peringkat awal.

Di samping meningkatkan kesedaran, Kementerian turut menegaskan bahawa perbuatan merokok, menggunakan, memiliki, mengedar atau menjual produk tembakau dan *vape* yang melanggar peruntukan Perintah Tembakau merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan bukan sekadar isu disiplin di sekolah.

Apabila aduan diterima daripada pihak sekolah, Unit Penguatkuasaan Kesihatan akan mengadakan sesi pertemuan bersama pelajar yang terlibat untuk memberikan nasihat, menjalankan rampasan barang tegahan dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut peruntukan undang-undang.

Bagi pelajar yang melakukan kesalahan berulang, ibu bapa atau penjaga akan dipanggil bersama bagi membincangkan kes tersebut dan memastikan sokongan yang berterusan dapat diberikan di peringkat keluarga. Pelajar berkenaan juga akan dicadangkan untuk mengikuti Klinik Berhenti Merokok sebagai satu bentuk intervensi awal bagi membantu mereka menghentikan penggunaan produk nikotin. Pendekatan ini mencerminkan usaha *whole-of-nation*, di mana kerajaan, ibu bapa, sekolah dan komuniti memainkan peranan bersama dalam melindungi golongan remaja daripada pengaruh rokok, *vape* dan bahan-bahan terlarang.

Kementerian Kesihatan percaya bahawa usaha membendung penggunaan *vape* dalam kalangan remaja tidak dapat dicapai melalui penguatkuasaan semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan kerjasama berterusan daripada semua pihak melalui pendekatan yang menyeluruh, merangkumi pendidikan, intervensi awal, sokongan keluarga, penglibatan institusi pendidikan serta kerjasama antara agensi penguatkuasaan. Dengan pendekatan ini, Kementerian berharap dapat memperkukuh pencegahan, mengurangkan akses kepada produk-produk berbahaya serta melahirkan generasi yang lebih sihat dan bebas daripada ketagihan nikotin serta penyalahgunaan bahan terlarang.

No. Soalan: PT063

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan *vape* mudah diperoleh melalui media sosial dan penyeludupan rentas sempadan, termasuk yang mengandungi bahan terlarang, sejauh manakah kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Biro Kawalan Narkotik, PPDB dan Kastam diperkukuh? Apakah pembaharuan pemantauan digital, penguatkuasaan dan kerangka hukuman yang dirancang bagi meningkatkan kesan pencegahan?

JAWAPAN:

Bagi memperkukuh usaha penguatkuasaan terhadap penjualan dan pengedaran produk tembakau dan *vape* yang menyalahi undang-undang, Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Kerjasama strategik secara bersepadu turut diperkukuh bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Sekolah-Sekolah serta agensi-agensi berkaitan yang lain. Kerjasama ini merangkumi perkongsian risikan, penyelarasan operasi, pemantauan bersama serta pemeriksaan di pintu-pintu masuk sempadan negara bagi membendung penyeludupan produk-produk tegahan.

Di samping itu, melalui kerjasama erat khususnya dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Unit Penguatkuasaan Kesihatan sentiasa melaksanakan operasi bersepadu dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap aktiviti pengedaran dan penjualan rokok serta *vape* yang diseludup masuk ke Negara Brunei Darussalam. Operasi-operasi ini meliputi tindakan terhadap penjualan secara fizikal mahupun melalui platform dalam talian, selaras dengan usaha membanteras rangkaian bekalan produk-produk yang menyalahi undang-undang.

Mengenai pemantauan digital, Kementerian Kesihatan juga sedang mempertingkatkan keupayaan pemantauan terhadap platform media sosial dan medium dalam talian bagi mengenal pasti aktiviti pengiklanan, promosi dan penjualan produk rokok serta *vape* yang melanggar peruntukan undang-undang. Maklumat dan risikan yang diperoleh melalui pemantauan ini membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berfokus dan berkesan terhadap individu atau rangkaian yang terlibat, sekali gus memperkukuhkan usaha pencegahan dan melindungi masyarakat daripada akses kepada produk-produk berbahaya tersebut.

No. Soalan: PT056

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan memandangkan pembangunan perumahan bertingkat (*apartment*) menjadi hala tuju Kementerian Pembangunan untuk menangani kemampuan memiliki rumah dan mengoptimumkan penggunaan tanah, apakah langkah Kementerian bagi mendapatkan penerimaan masyarakat serta memastikan pembangunan tersebut mampan dan memenuhi aspirasi perumahan rakyat Brunei?

JAWAPAN:

Pembangunan perumahan bertingkat (*apartment*) merupakan antara strategi jangka panjang Kementerian Pembangunan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah, di samping memenuhi permintaan perumahan yang semakin meningkat, khususnya di kawasan bandar yang ramai penduduk.

Bagi memastikan pembangunan ini mendapat penerimaan masyarakat dan memenuhi aspirasi rakyat Brunei, Kementerian memberi penekanan kepada beberapa aspek utama iaitu;

- Pertama, pemilihan lokasi yang strategik, khususnya di kawasan bandar dan pusat pertumbuhan yang mempunyai jaringan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap. Ini termasuk akses mudah kepada pusat pekerjaan, institusi pendidikan, kemudahan kesihatan, kawasan komersial serta rangkaian jalan raya. Pendekatan ini memastikan pembangunan perumahan bertingkat diintegrasikan secara harmoni dengan persekitaran bandar sedia ada melalui perancangan ketinggian bangunan yang bersesuaian dengan konteks pembangunan Negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan secara berperingkat ini bertujuan mengekalkan identiti dan landskap bandar, di samping meningkatkan kemudahan, kualiti hidup serta penerimaan masyarakat terhadap pembangunan perumahan bertingkat.
- Kedua, ialah dengan memastikan reka bentuk *apartment* yang inklusif dengan mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat terutamanya warga tua dan warga kurang upaya seperti lif yang mudah diakses, pintu dan koridor yang mencukupi untuk penggunaan kerusi roda, tempat letak kereta khas dan sebagainya. Pendekatan ini bertujuan memastikan semua penghuni dapat bergerak dengan selamat, selesa dan berdikari.

Seterusnya, seperti pembangunan perumahan yang lain, perumahan bertingkat juga menitikberatkan penyediaan kemudahan asas dan komuniti yang lengkap seperti surau, taman permainan, kawasan rekreasi, ruang komuniti, tempat letak kereta, kemudahan sukan serta ruang komersial yang dapat menyokong kesejahteraan dan kehidupan seharian penghuni.

Selain itu, pengurusan dan penyelenggaraan bangunan yang sistematik juga merupakan elemen penting dalam memastikan pembangunan kekal selamat dan terjaga.

No. Soalan: PT075

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan memandangkan tapak pelupusan Sungai Paku dijangka mencapai kapasiti maksimum sebelum kemudahan *Waste-to-Energy* beroperasi pada 2029, sejauh manakah Kementerian merangka dasar pengurusan sisa menyeluruh, termasuk insentif kitar semula dan menggalakkan amalan pengasingan sisa secara meluas sementara menunggu?

JAWAPAN:

Soalan ini pernah sudah dijawab semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2025 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof.

Walaubagaimanapun, bagi menambah penjelasan mengenai perkara ini, sukacita ingin saya mengongsikan bahawa Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah pun menyusun program-program dan projek-projek pengurusan sisa yang strategik dan menyeluruh bagi tempoh lima (5) tahun sebagai persediaan sebelum mewujudkan loji *Waste to Energy* yang dijangka beroperasi pada 2029, antaranya ialah;

- Mengukuhkan dasar pengurusan sisa buangan melalui pematuhan rangka kerja pengurusan sisa buangan untuk memastikan aliran sisa atau *waste stream*, bermula daripada penjaan sehingga ke proses pelupusan ditangani, secara sistematik, telus dan berkesan. Kearah ini satu peraturan baharu akan diperkenalkan dalam masa terdekat yang antaranya menggariskan keperluan pelesenan wajib selama tiga (3) tahun bagi semua syarikat pengutip sisa dan syarikat pengendali kemudahan pelupusan sisa.
- Menyediakan Sistem Yuran Pelupusan (*Tipping Fee*) secara berfasa, dimana setiap penghantaran sampah ke Tapak Pelupusan Sungai Paku oleh syarikat pengutip sampah akan dikenakan bayaran yuran pelupusan. Pelaksanaan Sistem Yuran Pelupusan (*Tipping Fee*) ini merupakan antara amalan yang telah diguna pakai di kebanyakan negara ASEAN, termasuk Singapura.

Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian tanggungjawab bersama dalam pengurusan sisa di samping menambah pendapatan Kerajaan. Inisiatif ini juga dihasratkan dapat menyumbang kepada sistem pengurusan dan pelupusan sisa yang lebih teratur, berkesan dan bersepadu.

Melaksanakan program-program strategik yang mendukung konsep *circular economy* melalui usaha memperkukuhkan penglibatan setiap individu, masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan dalam membudayakan amalan 3R (*Reduce, reuse, Recycle*). Antaranya ialah Program kesedaran alam sekitar secara berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan penyertaan orang ramai dalam pengurusan sisa yang mampan; *Eco Food Waste Initiative* (EFWI) yang telah dilancarkan pada 27 Februari 2025 bagi memperkasa penglibatan masyarakat dalam mengurangkan pembaziran makanan, menggalakkan pengasingan sisa makanan dari sumber (*at source*) serta mengamalkan pengkomposan (*composting*) sebagai kaedah pengurusan sisa makanan yang mampan; dan Hari Kitar Semula (*Recycling Day*) yang mula dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun bermula pada tahun 2025 bagi menggalakkan amalan kitar semula dan meningkatkan kadar pengasingan sisa dalam kalangan masyarakat.

Melaksanakan Projek Konsesi Kutipan Sampah Rumah ke Rumah bagi kawasan Kampung RPN Rimba yang telah bermula pada 1 Jun 2026, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, *coverage* dan kualiti perkhidmatan kutipan sampah rumah ke rumah melalui pendekatan berasaskan konsesi.

Projek ini memperkenalkan kaedah baharu melalui pakej langganan yang merangkumi beberapa perkhidmatan utama, iaitu kutipan sampah sebanyak tiga (3) kali seminggu, kutipan bahan kitar semula sebanyak satu (1) kali sebulan, serta kutipan sisa elektronik (*e-waste*) dan sisa pukal sebanyak dua (2) kali setahun.

Pelaksanaan perkhidmatan ini dikendalikan oleh enam (6) buah syarikat yang telah dilantik bagi menguruskan enam (6) kawasan tadahan di RPN Rimba. Projek ini seterusnya dirancang untuk diperluaskan ke kawasan-kawasan lain secara berperingkat, tertakluk kepada keberkesanan pelaksanaan dan kesediaan infrastruktur yang sedia ada.

Penerapan budaya amalan 3R bagi mendukung konsep *circular economy* membolehkan sumber daripada sisa dimanfaatkan semula untuk tujuan pembangunan mampan (*sustainable development*), di samping mengurangkan kebergantungan kepada sumber import, mewujudkan peluang penjana ekonomi serta menyokong kelestarian alam sekitar.

Selain itu, usaha-usaha ke arah meningkatkan kesedaran, perubahan tingkah laku (*behavioural change*) dan penyertaan aktif orang ramai juga secara berterusan dilaksanakan, termasuk melalui kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Antaranya ialah usahasama pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dengan pihak Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), Kementerian Pendidikan iaitu melalui Program STEAM Outreach bertujuan untuk menerapkan dan menggalakkan amalan konsep 3R dan pengasingan sisa dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Selain daripada itu, Program Belia BRUNAS yang dilancarkan pada bulan Jun 2025 bertujuan untuk memperkasa belia-belia di negara ini untuk meneraju inisiatif-inisiatif dan projek-projek alam sekitar yang memberi impak yang lebih bermakna (*impactful*) dan berpanjangan, dan seterusnya menghasilkan belia-belia yang akan menjadi pembimbing kepada masyarakat mengenai kelestarian alam sekitar, termasuk amalan-amalan terbaik pengurusan sisa.

Merancang penyediaan infrastruktur dan fasiliti pusat kitar semula (*Recycling Centre*) yang setanding dengan kemudahan di negara-negara lain. Recycling Centre ini akan berfungsi sebagai "*One Stop Centre*" bagi menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk menghantar dan melupuskan sisa buangan yang boleh dikitar semula di tempat yang khas, strategik dan selamat.

Kemudahan ini akan direka bentuk dengan keluasan yang bersesuaian bagi menampung pelbagai jenis sisa yang boleh di kitar semula antaranya - plastik, kadbod, *e-waste*, serta sisa hijau (bekas terbang pokok).

Garis panduan Pengurusan Sisa bagi Industri Pembinaan di Negara Brunei Darussalam (*Waste Management Guideline For Construction Industry In Brunei Darussalam*) yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan sistem pengurusan sisa pembinaan yang lebih teratur, sistematik dan berkesan, bermula dari peringkat perancangan, pelaksanaan sehinggalah kepada penyiapan projek.

Garis panduan ini bertujuan untuk menggalakkan pengurangan sisa dari asal, meningkatkan amalan guna semula dan kitar semula bahan binaan yang berpotensi, serta memastikan sisa pembinaan diurus dan dilupuskan mengikut amalan terbaik dan keperluan yang ditetapkan.

No. Soalan: PT088**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan isu caj transaksi sebagai contoh seperti permohonan pinjaman bank yang berbeza diantara Pejabat Tanah Brunei Muara yang mencaj BND\$2 dibandingkan dengan Daerah lain iaitu BND\$1 sahaja dan sebab terdapat ada perbezaan ini serta kesannya kepada pendapatan jabatan?

JAWAPAN:

Caj Transaksi yang dikenakan bagi pembebasan gadaian tanah bagi tanah-tanah yang dicagarkan kepada institusi kewangan swasta, antaranya ialah bayaran sebanyak \$2.00 iaitu bayaran \$1.00 untuk duti setem bagi pembebasan cagaran dan bayaran \$1.00 untuk bayaran pendaftaran pembebasan cagaran. Caj \$2 tersebut termasuk dalam pecahan bayaran-bayaran lain yang perlu dibayar bagi permohonan pembebasan cagaran tersebut.

Kadar caj transaksi ini masih lagi sama tanpa sebarang perubahan sejak ianya mula dilaksanakan dan dikuatkuasakan secara seragam dan konsisten di semua Pejabat Tanah Daerah.

No. Soalan: PT089

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan caj yang dikenakan oleh pihak peguam bagi transaksi seperti *land search* yang jauh bezanya sampai ratusan dan ada yang capai ribu kepada orang ramai walhal caj di jabatan tanah hanya BND\$1? Apakah tindakan bagi membendung perkara ini demi menjaga kesejahteraan rakyat yang mungkin tidak tahu?

JAWAPAN:

Untuk makluman, pengenaan Caj oleh pihak syarikat guaman bukanlah di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan atau Jabatan Tanah.

Dari sudut Kementerian Pembangunan, Jabatan Tanah akan terus memastikan bahawa kadar bayaran rasmi bagi perkhidmatan yang disediakan adalah jelas dan telus kepada orang ramai. Ini penting supaya orang ramai mengetahui kadar sebenar yang dikenakan oleh Kerajaan dan dapat membezakannya daripada caj tambahan yang mungkin dikenakan oleh pihak lain. Bagi maklumat mengenai bayaran permohonan tanah di Jabatan Tanah, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah di www.land.gov.bn.

No. Soalan: PT106

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengintegrasikan prinsip daya tahan iklim dalam reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam bagi mengurangkan risiko kerosakan aset kerajaan serta memastikan pelaburan infrastruktur kekal mampan dalam jangka panjang?

JAWAPAN:**Dari aspek infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan**

Jabatan Jalan Raya membuat penilaian ke atas infrastruktur jalan raya dan jambatan yang berisiko tinggi akibat perubahan iklim (seperti banjir dan kejadian tanah susur). Dalam mengurangkan risiko, perancangan dan tindakan yang dibuat adalah seperti berikut:

- Menaik paras jalan yang terlibat (*road raising*)
- Membaikpulih cerun yang susur dengan menggunakan kaedah yang berdaya tahan.
- Jambatan-jambatan baharu direkabentuk dengan mengurangkan tiang di tengah sungai bagi mengelakkan kayu hanyut tersekat pada jambatan ketika hujan lebat
- Jambatan mega seperti Jambatan SHOAS dan Jambatan RIPAHS dipasang dengan sistem *Bridge Health Monitoring System* bagi memantau daripada kerosakan yang terjadi setiap masa (24/7) dan untuk membolehkan Jabatan Kerja Raya melaksanakan tindakan dengan segera.

Penggunaan piawaian antarabangsa (seperti *Eurocodes*) yang mengambil kira aspek iklim cuaca yang ekstrem seperti yang digunapakai dalam reka bentuk.

Meneroka dan menguji cuba kaedah penggunaan bahan teknologi baru yang *climate resilient* (lebih berdaya tahan di dalam perubahan iklim) di dalam kerja-kerja pembinaan dan pembaikan infrastruktur jalan raya seperti:

- Penggunaan *fibre reinforcement* di dalam bahan penurapan jalan yang bertujuan untuk memastikan turapan yang dilaksanakan lebih berdaya dan tahan lama
- Penggunaan *glass fibre grid* di dalam lapisan jalan raya yang bertujuan untuk mengurangkan keretakan permukaan permukaan jalan raya

Merebiu reka bentuk lapisan jalan raya yang lebih berdaya dengan menambah ketebalan setiap lapisan jalan raya

Memperbaiki sistem saliran di jalan raya dengan membina longkang tepi jalan raya yang lebih efisien seperti longkang konkrit yang bersaiz cukup.

Melaksanakan penyelenggaraan jalan raya secara proaktif dan berterusan seperti shoulder grading, pembersihan jalan.

Dari aspek infrastruktur perkhidmatan Air

Jabatan Perkhidmatan Air Melaksanakan penilaian risiko iklim pada peringkat perancangan dan reka bentuk bagi mengenal pasti ancaman seperti banjir, kemarau, hakisan, kenaikan suhu dan tanah runtuh. Sebagai contoh, reka bentuk loji rawatan air atau empangan dengan faktor keselamatan yang lebih tinggi supaya mampu beroperasi dalam keadaan cuaca ekstrem.

Pelaksanaan *Preventive Maintenance* pula akan mengurangkan risiko kerosakan aset Kerajaan serta memastikan pelaburan infrastruktur kekal mampan dalam jangka panjang. Pelaksanaan ini akan menyokong pembangunan infrastruktur awam yang lebih mampan, berdaya tahan dan selaras dengan matlamat adaptasi perubahan iklim serta pembangunan kemampanan Negara.

Dari aspek Saliran dan Pembetulan

Jabatan Saliran dan Pembetulan, mengemas kini Pelan Induk Saliran dengan mengambil kira data hidrologi terkini, perubahan corak hujan, perkembangan guna tanah dan peningkatan aliran permukaan akibat pembangunan. Piawaian reka bentuk bagi kawasan strategik dan projek baharu yang bersesuaian turut dinaik taraf kepada *1-in-100-Year Storm Return Period* supaya sistem saliran mempunyai kapasiti yang lebih tinggi untuk menghadapi hujan berintensiti tinggi.

Pada masa yang sama, Kementerian melaksanakan projek pencegahan dan kawalan banjir seperti menaik taraf saliran dan culvert, melebarkan serta mendalamkan sungai, menyediakan kolam takungan dan meningkatkan keupayaan stesen pam. Penggunaan sistem pemantauan dan ramalan banjir secara masa nyata melalui alat pengukur hujan, pemantauan paras dan aliran air, IoT serta telemetri turut diperluaskan bagi menyokong pengesanan awal risiko banjir dan mempercepat tindakan operasi.

Memperkukuh daya tahan loji rawatan, stesen pam dan rangkaian pembetulan melalui pengurusan aset, penyelenggaraan berasaskan risiko serta transformasi digital bagi menjamin kesinambungan operasi ketika cuaca ekstrem.

Menyediakan *Shoreline Management Plan* berdasarkan hasil Kajian Perlindungan Pantai bagi mengenal pasti kawasan pesisiran yang terdedah kepada hakisan, kenaikan aras laut, limpahan ombak dan kejadian cuaca ekstrem. Pelan ini akan menjadi panduan dalam menentukan kawasan keutamaan serta tindakan perlindungan yang bersesuaian.

No. Soalan: PT110

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mendigitalkan rekod hardcopy pemohon perumahan bagi memastikan keselamatan data pemohon? Ini bagi melindungi data peribadi pemohon perumahan dan memastikan ianya disimpan di kawasan selamat dan tidak boleh diakses orang ramai.

JAWAPAN:

Pihak Jabatan dalam proses untuk melaksanakan pendigitalan semua fail pemohon perumahan secara berfasa. Inisiatif pendigitalan fail ini adalah sebahagian daripada pelan tindakan pengurusan permohonan SPN, yang dirangka untuk diintegrasikan secara langsung dengan Sistem Perumahan Negara dalam talian. Usaha ini adalah komitmen berterusan Jabatan dalam memperkukuh keselamatan maklumat dan memodenkan pengurusan rekod pengurusan.

No. Soalan: PT111

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berkenaan kes rekod permohonan RPN yang hilang sebagai contoh rumah terbakar dan bila dirujuk ke perumahan, jabatan tidak simpan rekod dan pemohon disuruh memohon semula walaupun permohonan asal dibuat sejak 2018, apakah tindakan Jabatan Perumahan bagi mengatasi isu integriti data dan simpanan rekod ini?

JAWAPAN:

Setakat ini, Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai pangkalan data yang centralized yang mana setiap permohonan perumahan yang diterima direkodkan secara sistematik ke dalam satu sistem dalaman berpusat (*in-house system*) yang dinamakan Sistem Perumahan Negara (SPeN). Melalui sistem ini, semua bahagian di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan dapat berkongsi, memantau, dan mengemaskini profil pemohon secara seragam dalam satu platform digital yang selamat.

Oleh itu, pada masa ini setiap maklumat permohonan mempunyai rekod digital dan ini mengurangkan risiko kehilangan maklumat akibat faktor luar seperti kerosakan fizikal dokumen. Sistem ini juga dilengkapi dengan fungsi jejak audit bagi memantau sebarang kemas kini atau akses kepada data pemohon, sekali gus menjamin ketelusan dan integriti rekod jabatan.

Di samping itu, JKP melalui Projek GOV.BN 2.0 sedang dalam perancangan membangunkan Sistem Permohonan Perumahan Dalam Talian (*Online Housing Application*) serta Sistem Bil Kewangan (*Finance Billing System*). Transformasi digital ini mencerminkan komitmen inovatif Jabatan dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam melalui penyediaan maklumat *in real-time*. *Inisiatif* strategik ini membolehkan pemohon menyemak status permohonan secara langsung, menerima notifikasi automatik bagi pengemaskinian profil, serta menyalurkan sebarang pertanyaan berhubung Skim Perumahan Negara (SPN) melalui saluran yang betul.

No. Soalan: PT116

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sasaran, keutamaan dan pelan tindakan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam menangani impak perubahan iklim, serta bagaimanakah keberkesanan langkah-langkah tersebut akan diukur menjelang Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Dalam menangani impak perubahan iklim, pendekatan Kementerian Pembangunan adalah memberi tumpuan kepada usaha adaptasi dan daya tahan infrastruktur, selaras dengan peranan kementerian dalam perancangan guna tanah, pembangunan infrastruktur dan pengurusan alam sekitar.

Antara keutamaan yang telah ditetapkan ialah memperkukuhkan sistem saliran dan tebatan banjir, meningkatkan daya tahan infrastruktur awam terhadap kejadian cuaca ekstrem, kecekapan penggunaan dan perlindungan sumber, menggalakkan pembangunan yang lebih mampan, penggunaan teknologi moden, memperluaskan ruang hijau serta memperkukuhkan pengurusan sisa pepejal melalui pelaksanaan program 3R dan pembangunan kemudahan *Waste-to-Energy* (WtE).

Keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah ini akan diukur melalui petunjuk prestasi yang ditetapkan dalam pelan strategik kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

No. Soalan: PT117

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD.
SALLEH BIN HAJI OTHMAN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bagaimanakah kerajaan mengukur keberkesanan program-program kitar semula yang telah dilaksanakan setakat ini? Apakah sasaran kadar kitar semula negara yang telah ditetapkan menjelang tahun 2035 dan strategi serta inisiatif yang akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran tersebut?

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) terus komited dalam menangani isu sisa buangan di negara ini sebagai sebahagian daripada usaha mencapai sebuah negara yang lestari dan berdaya tahan.

Bagi memastikan keberkesanan program-program kitar semula yang dilaksanakan, JASTRe sentiasa memantau beberapa petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators*), antaranya kadar kitar semula negara, jumlah sisa yang berjaya dialihkan daripada tapak pelupusan (*waste diversion rate*), jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan, serta tahap penyertaan orang ramai dan pelbagai pihak berkepentingan dalam program-program yang dianjurkan.

Dalam usaha memperkukuhkan pengurusan sisa yang lebih efisien dan mampan, JASTRe telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar penajaan sisa kepada 1.0 kilogram seorang sehari serta meningkatkan kadar kitar semula negara kepada 30 peratus menjelang tahun 2035. Alhamdulillah, berdasarkan pemantauan yang dijalankan, pencapaian semasa adalah mengikut landasan (*on track*) ke arah mencapai sasaran tersebut.

Bagi mencapai sasaran ini, pelbagai strategi dan inisiatif sedang dan akan terus dilaksanakan, termasuk memperkukuhkan dasar dan perundangan pengurusan sisa, melaksanakan Projek Konsesi Kutipan Sampah Rumah ke Rumah yang turut menyediakan kutipan bahan kitar semula, memperluaskan program-program kesedaran seperti Eco Food Waste Initiative (EFWI) dan Hari Kitar Semula (*Recycling Day*), membangunkan Pusat Kitar Semula (*Recycling Centre*), serta menyediakan Garis Panduan Pengurusan Sisa bagi Industri Pembinaan. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan meningkatkan amalan pengasingan sisa di punca, menggalakkan budaya 3R dan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

Dengan komitmen berterusan daripada Kerajaan serta kerjasama semua pihak, termasuk sektor swasta, masyarakat dan orang ramai, insya-Allah sasaran pengurangan penjanaan sisa dan kadar kitar semula negara menjelang tahun 2035 dapat dicapai.

No. Soalan: PT092

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**SOALAN:**

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan bagaimanakah prestasi GLC dalam pembangunan modal insan diukur dan dilaporkan kepada kerajaan?

JAWAPAN:

Pihak Kerajaan mengiktiraf bahawa pembangunan modal insan merupakan antara strategi dalam memperkukuh prestasi dan kemampanan GLC. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Darussalam Assets (DA) Sendirian Berhad, telah memastikan setiap GLC bukan sahaja dinilai berdasarkan prestasi kewangan dan operasi, malah turut mengambil kira keberkesanan pembangunan modal insan sebagai salah satu elemen penting dalam meningkatkan daya saing dan kemampuan syarikat.

Prestasi pembangunan modal insan Kumpulan Syarikat DA diukur melalui beberapa KPI, antaranya pertumbuhan tenaga kerja, komposisi tenaga kerja tempatan dan ekspatriat, pembangunan bakat dan kepimpinan, penyertaan dalam program pembangunan kapasiti, peningkatan kompetensi serta pelaksanaan inisiatif pembangunan tenaga kerja seperti Program i-Ready.

Prestasi tersebut dipantau dan dilaporkan secara berkala kepada Ahli Lembaga Pengarah DA selaku wakil pemegang saham Kerajaan melalui laporan prestasi korporat dan laporan tahunan syarikat. Maklumat tersebut digunakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan strategi pembangunan modal insan, mengenal pasti jurang kompetensi serta menyokong penambahbaikan berterusan terhadap dasar, program pembangunan bakat dan perancangan tenaga kerja secara berterusan. Langkah ini membolehkan Kerajaan memastikan GLC terus membangunkan modal insan yang kompeten, berdaya saing dan responsif terhadap keperluan pembangunan negara.

Di samping itu, Kumpulan Syarikat DA menyokong agenda pembangunan modal insan negara melalui pelbagai inisiatif pembangunan bakat. Sejak Oktober 2023, seramai 226 orang perantis Program i-Ready telah ditempatkan di syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Syarikat DA sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kebolehpasaran (*marketability*) belia serta menyediakan bakat tempatan yang bersedia memenuhi keperluan industri.

Antara inisiatif utama pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh Kumpulan Syarikat DA ialah:

- Program pembangunan kepimpinan dan profesional bagi Ahli Lembaga Pengarah, serta pegawai dan kakitangan;
- Pembelajaran berterusan melalui platform *DArjah Learning Management System*;
- Latihan berstruktur, bimbingan penyelia, pembelajaran di tempat kerja (*on-the-job training*) dan penilaian prestasi berkala bagi peserta Program i-Ready;
- Pembangunan kompetensi profesional dalam bidang teknologi maklumat telah meningkatkan keupayaan dalaman Kumpulan DA serta mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan luar yang mana penjimatan sebanyak BND10 juta dalam kos pelaksanaan projek-projek kumpulan syarikat DA;
- Penambahbaikan fungsi pengurusan sumber tenaga manusia secara berterusan melalui pelaksanaan *HR Audit dan Group Engagement survey* secara tahunan bagi Kumpulan Syarikat DA; dan
- Pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan bakat (*talent development*) di syarikat-syarikat di bawah Kumpulan DA, termasuk Program Biasiswa Cadet DPS, Biasiswa Kejururawatan JPMC dan UNN *Training Academy*.

Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan GLC bukan sahaja mencapai prestasi komersial yang mampan. Malah turut berperanan sebagai pemangkin pembangunan modal insan negara melalui pewujudan peluang pekerjaan berkualiti, pembangunan kepimpinan, pemindahan pengetahuan serta peningkatan kompetensi tenaga kerja tempatan.

Dalam pada itu, Kerajaan melalui Darussalam Assets akan terus memperkukuh tadbir urus pembangunan modal insan di GLC dengan menambah baik mekanisme pemantauan prestasi, memperluaskan pembangunan bakat serta menggalakkan budaya pembelajaran berterusan bagi memastikan GLC terus berdaya saing dan mampu menyokong pembangunan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT097

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan adakah perancangan untuk mengkaji kemungkinan melabur sebahagian dari simpanan SPK di dalam negara, kepada projek-projek yang *viable*, berisiko rendah, dan menghasilkan pulangan yang berpatutan? Ini mengambilkira sebahagian caruman SPK dilabur di luar negara dan mungkin terkesan oleh fakta geopolitik dan ketidaktentuan *investment climate* yang sukar diramal dan *volatile*.

JAWAPAN:

Sepertimana yang telah dikongsikan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-22 Majlis Mesyuarat Negara pada awal tahun 2026, bagi menjawab Pertanyaan Bertulis yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, akan sentiasa memastikan bahawa pelaburan dana persaraan seperti Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) diurus secara berhemat bagi menjana pulangan yang stabil dan konsisten, demi memastikan kepentingan para pencarum Ahli-Ahli TAP sentiasa terpelihara.

Bagi memelihara kepentingan ahli-ahli SPK dengan sebaik mungkin, matlamat utama dana TAP sememangnya adalah pertumbuhan aset yang bukan sahaja mantap, malah stabil dan menjamin keboleh ramalan di dalam jangka masa panjang. Secara lazimnya, adalah difahami bahawa volatiliti berfungsi dua hala.

Ketika pasaran berprestasi kukuh dan menggalakkan, portfolio yang lebih terdedah kepada aset-aset volatil memang mampu memberikan pulangan yang tinggi. Namun, apabila pasaran merosot, sensitiviti yang sama akan menghakis baki simpanan ahli, pada waktu mereka paling memerlukan kepastian.

Memandangkan ahli-ahli SPK bergantung kepada dana TAP bagi jaminan persaraan jangka panjang, dan bukannya keuntungan oportunistik, pihak pengurusan TAP berpendapat bahawa tidaklah berhemat untuk membentuk portfolio yang mengejar pulangan tinggi sekiranya ia turut membawa risiko kerugian yang setara.

Kestabilan yang sebenar hanya dapat dicapai menerusi asas pelaburan yang cukup terpelbagai (*Diversified*). Portfolio yang tertumpu di dalam satu pasaran domestik semata-mata, setulus mana pun niatnya, mempunyai batas pada keupayaannya untuk menstabilkan kesan turun naik kitaran pasaran, kerana ia tidak mempunyai pendedahan kepada kepelbagaian kelas aset, geografi dan kitaran pasaran yang ditawarkan oleh strategi pelaburan global umpamanya.

Sehingga kini, TAP tidak ada membuat pelaburan ke dalam projek individu, kerana profil risiko pelaburan sedemikian melebihi tahap yang dianggap sesuai oleh dana TAP. Pelaburan projek seperti ini biasanya memerlukan tempoh pegangan yang lebih lama sebelum modal dapat dikembalikan dan pulangan direalisasikan. Sepanjang tempoh tersebut, dana akan kekal terdedah kepada keadaan pasaran dan ekonomi yang berubah-ubah dan akan menimbulkan pulangan yang kurang stabil bagi pelaburan ahli dan seterusnya, memperkenalkan ketidakpastian yang boleh dielakkan kepada prestasi dana keseluruhan.

Mengenai cadangan untuk menyalurkan sebahagian daripada simpanan SPK kepada projek-projek dalam negara, TAP berpendapat bahawa hasrat penyertaan domestik ini lebih wajar dicapai menerusi instrumen yang dapat menyalurkan pendapatan tetap yang berstruktur, khususnya bon atau sukuk, yang menawarkan pulangan yang tetap sepanjang tempoh pelaburan tersebut.

Walaubagaimanapun, jika ada peluang dimasa hadapan, dimana pelaburan domestik mempunyai struktur pendapatan tetap, memenuhi piawaian risiko, kos dan kecairan sebagaimana yang dituntut oleh tanggungjawab fidusiari TAP terhadap ahli-ahli SPK, pihak pengurusan TAP boleh saja menghadapkannya sebagai salah satu pelaburan untuk dipertimbangkan.

Melalui pendekatan ini, dana persaraan berupaya menjana pulangan yang stabil dan konsisten, sekali gus membolehkan para pesara merancang persaraan mereka dengan lebih teratur.

No. Soalan: PT057

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memanfaatkan pendidikan sebagai "*invisible export*" untuk meletakkan Brunei sebagai hab pendidikan serantau, menarik pelajar antarabangsa, menjana nilai ekonomi serta melengkapkan pelajar Brunei dengan pendedahan global dan kompetensi rentas budaya?

JAWAPAN:

Kerajaan memanfaatkan pendidikan sebagai *invisible export* dengan memberi tumpuan kepada empat pendekatan utama:

Pertama, memperkukuh daya tarikan dan keunikan pendidikan Negara Brunei Darussalam. Kita mempunyai kelebihan daripada segi persekitaran yang aman dan stabil, penggunaan bahasa Inggeris dalam pelbagai program, penghayatan nilai Melayu Islam Beraja, pengajian Islam dan bahasa Arab, teknologi dan kejuruteraan, TVET berorientasikan industri, industri halal serta biodiversiti tropika. Kualiti dan pengiktirafan program juga terus diberi perhatian bagi meningkatkan keyakinan pelajar antarabangsa.

Institusi pengajian tinggi mempunyai kekuatan masing-masing. UBD antaranya memanfaatkan kekuatan penyelidikan biodiversiti dan jaringan antarabangsa; UNISSA menawarkan bidang khusus seperti Usuluddin, Syariah, Bahasa Arab, Tahfiz dan Qira'at, Sains Halal serta Pertanian; UTB dalam bidang teknologi dan kejuruteraan; manakala Politeknik Brunei dan IBTE mempunyai kekuatan dalam pendidikan dan latihan teknikal serta program berorientasikan industri.

Kedua, memperluaskan program mobiliti dan pelancongan pendidikan atau *education tourism*. Ini termasuk program pertukaran, kursus jangka pendek, latihan industri, penyelidikan, khidmat masyarakat dan lawatan akademik. Sebagai contoh, UBD mempunyai *Global Discovery Programme*, UTB melaksanakan AIMS dan Brunei Odyssey, UNISSA melaksanakan pertukaran pelajar dan program *dual degree*, manakala PB dan IBTE turut melaksanakan kerjasama serta program mobiliti bersama institusi luar negara. Di Peringkat Pendidikan Teras, Kementerian Pendidikan giat melaksanakan pertukaran pelajar antarabangsa melalui program pertukaran pelajar, *immersion program* dan *schools twinning program* bersama sekolah-sekolah serantau.

Sepanjang tahun 2025, Kementerian Pendidikan menerima lawatan dari 693 pelajar antarabangsa melalui program jangka pendek dan setakat hari ini seramai 700 pelajar antarabangsa telah menyertai program-program tersebut.

Penyertaan antarabangsa di peringkat pengajian tinggi juga menunjukkan perkembangan yang positif. Sebagai contoh, UNISSA menerima 409 peserta antarabangsa melalui program mobiliti bagi tahun 2023 hingga 2025, dan 166 peserta lagi bagi Januari hingga Julai 2026. UTB pula melaporkan penerimaan 19 peserta antarabangsa sehingga Julai 2026.

Ketiga, melengkapkan pelajar Brunei dengan kompetensi global. Pelajar diberikan peluang berinteraksi dengan pelajar antarabangsa di dalam negara serta mengikuti program pertukaran, latihan industri dan mobiliti di luar negara. Antaranya melalui program pertukaran pelajar, *immersion program* dan *schools twinning program* bagi Pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah, *Discovery Year* UBD, *ExperiencePLUS* UTB, program pertukaran dan *dual degree* UNISSA, PB INTERN.X serta program pertukaran dan latihan IBTE. Pendekatan ini membantu meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan bekerjasama merentas budaya, membina jaringan antarabangsa serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Keempat, meningkatkan sumbangan pendidikan kepada ekonomi negara. Kehadiran pelajar dan peserta antarabangsa mewujudkan aktiviti ekonomi melalui yuran pengajian dan perbelanjaan bagi penginapan, makanan, pengangkutan, kesihatan serta aktiviti pelancongan dan kebudayaan. Program jangka pendek yang menggabungkan pembelajaran dengan pengalaman di Negara Brunei Darussalam juga berpotensi memberikan manfaat kepada perusahaan tempatan dan sektor perkhidmatan.

Pengalaman pelajar antarabangsa juga akan terus dipertingkatkan melalui proses kemasukan yang cekap, kemudahan penginapan dan pengangkutan, keselamatan, kesihatan serta infrastruktur digital yang berkualiti. Kerajaan juga terus menyediakan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada pelajar antarabangsa yang berkecayaan.

Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh penyelarasan inisiatif ini melalui agenda Pelancongan Pendidikan Negara (*Education Tourism*) dengan mengetengahkan kekuatan institusi, memperluaskan pasaran antarabangsa dan memperkemas pengukuran impak ekonomi serta pendidikan. Melalui pendekatan ini, pendidikan berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan perkhidmatan, di samping dapat memperkukuh kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai hab pendidikan serantau.

No. Soalan: PT060

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memperkukuh kerjasama antara institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan industri, supaya hasil penyelidikan dapat dikomersialkan dan menghasilkan inovasi bernilai tambah bagi menyokong pertumbuhan industri, termasuk industri halal dan keterjaminan makanan? Ini berdasarkan pemerhatian lawatan ke Kampus Sinaut UNISSA.

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan melalui Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah melaksanakan pelbagai kaedah strategik bagi memperkukuh kerjasama antara akademik, agensi kerajaan, dan industri. Langkah ini bertujuan untuk memastikan hasil penyelidikan dapat diterjemahkan kepada inovasi yang mempunyai nilai komersial, terutamanya dalam menyokong sektor pertumbuhan utama seperti industri halal dan keterjaminan makanan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Berikut adalah kaedah-kaedah utama yang dilaksanakan:

1. Penginstitusian Pejabat Kerjasama Industri dan Perusahaan

Setiap IPTA telah menubuhkan unit khusus untuk menjadi jambatan antara universiti dan pihak luar:

UTB Enterprise Office: Berperanan mengurus harta intelek (IP) universiti dan mewujudkan hubungan rapat dengan badan keusahawanan serta industri di Brunei.

Office of Career Advancement and Industrial Training (OCeAN), UNISSA: Ditubuhkan untuk memastikan kesesuaian program akademik dengan kehendak pasaran kerja serta menguruskan penempatan latihan industri.

UBD Innovation Hub: Projek di bawah RKN-12 ini dibina khusus sebagai pusat pengkomersialan hasil R&D dan memupuk budaya *technopreneurship*.

2. Penjajaran Kurikulum Berasaskan Industri (*Triple Helix*)

Bagi merapatkan jurang kemahiran, pihak industri dilibatkan secara langsung dalam pembangunan akademik:

- Faculty Advisory Boards (FAB): Setiap fakulti di IPTA mempunyai lembaga penasihat yang terdiri daripada pakar industri untuk memberikan input mengenai tren semasa dan keperluan kemahiran sebenar.
- External Review Committee (ERC): Politeknik Brunei dan UTB menggunakan mekanisme ini untuk menilai semula modul pengajian agar kekal relevan dengan jangkaan majikan.

3. Kerjasama Strategik melalui Memorandum Persefahaman (MoU)

Kerjasama ini membolehkan perkongsian sumber, dana penyelidikan, dan pemindahan teknologi:

Sektor Halal dan Pertanian: Kerjasama antara UNISSA (Kampus Sinaut) dengan agensi kerajaan seperti Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh) dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi memperkukuh integriti halal dan teknologi agroteknologi.

Sektor Sains dan Tenaga: UBD memeterai MoU dengan syarikat seperti Brunei Methanol Company (BMC) untuk penyelidikan sains bahan berasaskan AI dan Northern Trust bagi pembangunan bakat Fintech.

4. Pemeraksanaan Ekosistem Inkubasi dan Start-up

Mekanisme ini membantu pelajar dan penyelidik menterjemah idea kepada perniagaan yang mampan:

Program InQBiz 2.0: Program inkubasi perniagaan yang dijalankan oleh UNISSA dengan kerjasama EIC dan BKMh (KHEU) khusus untuk graduan dan usahawan baru dalam sektor makanan dan minuman (F&B).

Startup Growth Phase: UTB menawarkan sokongan pelaburan dan penskalaan (scaling support) untuk syarikat pemula (*startup*) yang memenangi pertandingan inovasi seperti CIPTA, dengan pembiayaan daripada rakan industri seperti Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Shell.

5. Fokus Khas kepada Industri Halal dan Keterjaminan Makanan (Kampus Sinaut)

Berdasarkan pemerhatian di Kampus Sinaut UNISSA, inisiatif khusus termasuk:

Pembangunan Mampan Industri AgriHalal: Tema utama dalam festival Mahrajan Hafl al-Takharruj ke-15 yang menekankan aplikasi ajaran Islam dalam teknologi pertanian.

Program Autentikasi dan Integriti Halal: Melalui program seperti *Osaka University International Certificate Programme* (OUICP), pelajar didedahkan kepada amalan terbaik dalam rantai bekalan halal serta teknik penyelidikan sains guna untuk kehalalan makanan.

Program Ijazah Khusus: Penawaran program seperti *Bachelor of Science in Agrotechnology* (UTB) dan ijazah sarjana berkaitan akuakultur dan agribisnis (UNISSA) untuk melahirkan pakar yang menyokong keterjaminan makanan negara.

6. Pendanaan dan Geran Penyelidikan Industri

Pihak universiti kini aktif memperoleh dana daripada sektor swasta untuk membiayai penyelidikan berimpak tinggi. Sebagai contoh, UBD mencatatkan perolehan geran penyelidikan daripada pihak industri dan sektor swasta yang signifikan, mencecah lebih \$960,000.00 pada tahun 2025.

Secara ringkasnya, Kementerian Pendidikan memperkukuh kerjasama ini melalui penggabungan infrastruktur moden, penjajaran kurikulum dengan pakar industri, serta penyediaan platform inkubasi bagi memastikan setiap penyelidikan yang dijalankan mempunyai nilai ekonomi dan menyokong keterjaminan makanan serta industri halal negara.

No. Soalan: PT070**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dapatan utama penilaian keberkesanan pelaburan Kerajaan dalam kemudahan pembelajaran khusus di sekolah kerajaan sepanjang dua RKN lalu, termasuk hubung kait penggunaannya dengan pencapaian akademik dan prestasi sekolah, serta bidang yang masih memerlukan penambahbaikan?

JAWAPAN:

Sepanjang Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 dan RKN Ke-11, Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelaburan secara berterusan dalam pembangunan dan penaiktarafan kemudahan pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan selaras dengan SPN21 dan Wawasan Brunei 2035.

Secara keseluruhannya, dalam penilaian Kementerian pelaburan tersebut telah memberi impak positif dalam tiga aspek utama, iaitu memperluaskan akses kepada pendidikan, memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran serta menyokong peningkatan pencapaian akademik dan prestasi sekolah.

Pertama, dari aspek akses dan persekitaran pembelajaran, beberapa sekolah baharu telah dibina dan bangunan sekolah ditambah atau dinaik taraf bagi meningkatkan jumlah kemasukan dan pendaftaran serta menyediakan persekitaran yang lebih selesa, selamat dan kondusif. Antaranya ialah Sekolah Rendah Mulaut, penambahan blok di Sekolah Rendah Pintu Malim dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan serta pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar. Pelaburan ini telah membantu memperluaskan akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Kedua, dari aspek kemudahan pembelajaran khusus, Kementerian menyediakan dan menaik taraf makmal sains, makmal komputer, pusat sumber, bengkel TVET, kemudahan Pendidikan Khas, peralatan ICT dan rangkaian internet sekolah. Kemudahan ini menyokong pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan murid, termasuk pembelajaran berasaskan teknologi, inkuiri dan projek.

Kemudahan tersebut turut digunakan bagi aktiviti STEAM, Program Sahsiah Pelajar, pertandingan inovasi dan aktiviti kokurikulum yang membantu membangunkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi. Ketiga, dari aspek pencapaian akademik, terdapat tren peningkatan dalam beberapa pencapaian utama sepanjang tempoh berkenaan. Bagi sekolah kerajaan:

- pencapaian PSR Gred A hingga C meningkat daripada 33.82% pada tahun 2012 kepada 61.25% pada tahun 2023;
- calon memperoleh sekurang-kurangnya lima GCE 'O' Level/IGCSE meningkat daripada 34.19% pada tahun 2015 kepada 40.27% pada tahun 2023; dan
- calon memperoleh sekurang-kurangnya dua Gred A dalam GCE A Level meningkat daripada 82.15% pada tahun 2014 kepada 84.71% pada tahun 2023.

Di peringkat antarabangsa, PISA 2022 turut menunjukkan peningkatan prestasi Negara Brunei Darussalam dalam Sains, Matematik dan Literasi Membaca, termasuk peningkatan skor Literasi Membaca antara tahun 2018 hingga 2022.

Walau bagaimanapun, perlu difahami pencapaian akademik dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh itu, kemudahan pembelajaran tidak dilihat sebagai faktor tunggal, tetapi sebagai pemudah cara penting yang membolehkan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Keempat, keberkesanan kemudahan turut bergantung kepada kompetensi guru dan kepimpinan sekolah. Penilaian Kementerian menunjukkan bahawa penyediaan infrastruktur dan peralatan semata-mata belum mencukupi. Penggunaannya perlu disokong dengan latihan pedagogi, bimbingan, sokongan teknikal, pemantauan dan penilaian impak.

Sehubungan itu, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) terus melaksanakan pembangunan profesional secara khusus dan berstruktur bagi meningkatkan keupayaan guru memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Pembangunan kapasiti pemimpin sekolah juga diberikan perhatian supaya pelaburan dalam infrastruktur dapat diterjemahkan kepada peningkatan kualiti pengajaran, pembelajaran dan prestasi sekolah.

Kelima, dari aspek prestasi sekolah, dapatan *Brunei Teacher Standards – Teacher Performance Appraisal* (BTS-TPA) menunjukkan peningkatan kompetensi guru daripada 81.3% pada tahun 2018 kepada 99.0% pada tahun 2025. Dalam masa yang sama, dapatan *Whole School Evaluation* (WSE) menunjukkan bahawa daripada 39 buah sekolah yang dinilai semula antara tahun 2021 hingga 2025, sebanyak 35 buah sekolah atau 89.7% menunjukkan peningkatan prestasi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa kemudahan pembelajaran yang dimanfaatkan dengan baik, apabila disertai pengajaran berkualiti dan kepimpinan sekolah yang berkesan, dapat menyokong peningkatan prestasi sekolah secara keseluruhan.

Bidang tumpuan penambahbaikan berterusan

Bagi memastikan pelaburan Kerajaan terus memberikan impak yang optimum dan mampan, Kementerian mengenal pasti empat bidang yang akan terus diberikan perhatian:

1. Pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan sekolah termasuk penyelenggaraan dan penaiktarafan secara berfasa bagi memastikan kemudahan sentiasa dalam keadaan baik dan dapat digunakan secara berterusan;
2. Pembangunan profesional dan kompetensi guru bagi memastikan kemudahan pembelajaran dapat dimanfaatkan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran;
3. Pemantauan dan penilaian keberkesanan kemudahan bagi menilai tahap penggunaan, keberkesanan dan impak pelaburan secara lebih sistematik; dan
4. Perancangan kemudahan pendidikan masa hadapan bagi memastikan penyediaan kemudahan sentiasa selaras dengan perkembangan dan keperluan pendidikan, termasuk STEM, robotik, kecerdasan buatan (AI) dan TVET.

Kesimpulannya, penilaian Kementerian menunjukkan bahawa pelaburan Kerajaan dalam kemudahan pembelajaran sepanjang RKN Ke-10 dan RKN Ke-11 telah membantu memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, memperkukuh pengajaran dan pembelajaran serta menyokong peningkatan pencapaian akademik dan prestasi sekolah.

No. Soalan: PT071

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelancaran *Brunei's First Seed Payload* ke *International Space Station* (ISS) oleh UBD dan penjelasan Kementerian berkenaan jumlah pelaburan diperuntukkan serta bagaimana ia memperkukuh keselamatan makanan, kemampunan pertanian dan keupayaan penyelidikan berimpak tinggi selaras kepelbagaian ekonomi bagi Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Brunei's First Seed Payload ke Stesen Angkasa Antarabangsa (*International Space Station* – ISS) merupakan satu inisiatif penyelidikan yang diterajui oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi meneroka potensi aplikasi sains angkasa dalam penyelidikan pertanian di Negara Brunei Darussalam.

Projek ini dilaksanakan secara berfasa, bermula dengan penghantaran benih ke ISS bagi tujuan pendedahan kepada persekitaran angkasa sebelum melalui analisis dan penilaian saintifik setelah benih dikembalikan ke Bumi. Pelaksanaan bagi fasa pertama projek ini dibiayai melalui Geran Penyelidikan UBD (rujukan: UBD/RSCH/1.13/FICBF/2025/006) dengan peruntukan berjumlah BND160,000.00. Manakala peruntukan bagi fasa kedua masih belum ditetapkan dan akan dipertimbangkan berdasarkan skop analisis serta saringan yang diperlukan selepas benih tersebut kembali ke Bumi.

Fasa pertama tersebut meliputi penghantaran benih ke ISS, tempoh pendedahan di orbit serta pengendalian sehingga benih dikembalikan ke Bumi. Pelaksanaannya diterangkan seperti berikut:

- Muatan benih pertama dari Brunei Darussalam telah dilancarkan pada 16 Mei 2026 menggunakan kapal angkasa kargo *Cargo Dragon 2*, menerusi misi *NASA SpaceX CRS-34* yang dilancarkan menggunakan roket *Falcon 9* dari *Cape Canaveral Space Force Station*, Florida, Amerika Syarikat.
- Muatan tersebut berjaya bercantum dengan ISS pada 17 Mei 2026. Projek ini diterajui oleh Institut Kepekabagaian Biologi dan Penyelidikan Alam Sekitar, UBD, dengan kerjasama *Space Faculty* yang berpangkalan di Singapura.

- UBD merancang tempoh pendedahan benih di orbit selama kira-kira enam bulan. Setelah benih dikembalikan ke Bumi, fasa kedua akan melibatkan analisis genetik, pemerhatian fenotip dan saringan agronomi bagi mengenal pasti perubahan yang berpotensi untuk penyelidikan pembiakbakaan tanaman seterusnya.

Pada masa ini, nilai strategik projek ini terletak pada pembangunan kapasiti penyelidikan, pengukuhan modal insan serta jalinan kerjasama saintifik antarabangsa. Potensi sumbangannya kepada keterjaminan makanan dan kemampanan pertanian, keupayaan penyelidikan serta pembangunan modal insan dan kepelbagaian ekonomi akan terus dinilai berdasarkan hasil analisis dan penyelidikan yang dilaksanakan dalam fasa-fasa seterusnya, seperti yang dihuraikan di bawah:

- Keterjaminan makanan dan kemampanan pertanian

Projek ini lebih bersifat kepada jangka sederhana dan panjang kerana hanya dapat dinilai selepas benih dikembalikan ke Bumi, analisis dan saringan saintifik diselesaikan, serta sebarang dapatan yang berpotensi disahkan melalui ujian dan penilaian selanjutnya.

Projek ini menggunakan pendekatan mutagenesis angkasa, iaitu satu kaedah penyelidikan yang mengkaji sama ada pendedahan benih kepada radiasi kosmik dan persekitaran mikrograviti dapat menghasilkan variasi genetik baharu. Variasi genetik yang terhasil tidak semestinya menghasilkan ciri-ciri yang dikehendaki dan masih perlu melalui analisis serta saringan saintifik. Hanya ciri yang stabil dan berpotensi memberi manfaat, seperti peningkatan hasil atau ketahanan terhadap haba, kemarau dan keadaan tanah yang kurang subur, akan dipertimbangkan untuk kajian pembiakbakaan serta penilaian lapangan selanjutnya.

- Sekiranya saringan saintifik berjaya mengenal pasti ciri-ciri yang dikehendaki dan dapatan tersebut dapat disahkan melalui ujian berulang, projek ini berpotensi menyokong pembangunan varieti padi yang lebih berdaya tahan serta membantu usaha meningkatkan produktiviti pertanian tempatan.
- Keupayaan penyelidikan

Dalam jangka pendek, pelancaran serta kejayaan pencantuman muatan dengan ISS membuktikan keupayaan UBD mengurus dan melaksanakan projek penyelidikan saintifik yang kompleks melalui kerjasama antarabangsa. Projek ini turut menyediakan peluang kepada pelajar dan penyelidik untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang sains tumbuhan, biodiversiti, analisis mutasi, genetik, saringan agronomi dan pengurusan penyelidikan rentas disiplin.

Dalam jangka sederhana, analisis dan saringan yang akan dilaksanakan selepas benih dikembalikan ke Bumi dijangka dapat memperkukuh kapasiti makmal serta meningkatkan pengalaman tempatan dalam penyelidikan biosains angkasa.

Dalam jangka panjang, sekiranya hasil penyelidikan ini dapat diterjemahkan kepada pembangunan varieti tanaman atau kaedah penyelidikan yang boleh diguna pakai, keupayaan tersebut berpotensi menyokong inovasi dalam sektor agromakanan serta memperkukuh penyelidikan bernilai tinggi.

- Pembangunan modal insan dan kepelbagaian ekonomi

Projek ini menyumbang kepada peringkat awal kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui pembangunan modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, di samping menyokong kepelbagaian ekonomi menerusi pengukuhan kapasiti penyelidikan serta penerokaan aplikasi sains dan teknologi dalam sektor agromakanan.

No. Soalan: PT096**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan untuk menyediakan tenaga kerja yang menggunakan teknologi baru dan meningkatkan produktiviti merentas sektor utama dalam kluster-kluster seperti industri digital, kewangan, pertanian pintar, pengeluaran makanan, pelancongan dan logistik? Ini penting untuk ditangani secara bersepadu dan sejajar, sebagai langkah menyediakan tenaga kerja yang responsif dan industry-driven, mengambilkira keperluan future industry.

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan sedang memperkukuh penyediaan tenaga kerja masa hadapan supaya lebih responsif terhadap perubahan teknologi dan keperluan industri. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan Manpower Blueprint dan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023–2027, dengan memberi tumpuan kepada empat perkara utama.

Pertama: Penjajaran program pendidikan dengan permintaan industri dan keperluan tenaga kerja.

Institusi pengajian tinggi dan TVET melibatkan industri melalui lembaga penasihat industri, semakan kurikulum, penanda aras, analisis keperluan tenaga kerja dan pemantauan hasil graduan. Ini membolehkan program baharu atau sedia ada disesuaikan dengan perkembangan teknologi dan keperluan sebenar sektor ekonomi.

Sebagai contoh, UNISSA menggunakan *Industrial Advisory Board* dalam pembangunan dan semakan program; Politeknik Brunei melaksanakan semakan program bersama panel industri; manakala IBTE menggunakan Jawatankuasa Teknikal Perantisan dan *Programme Development Evaluation Committee*, serta merancang *Future-Oriented Curriculum Audit* dan *Skills Mapping for Future Curriculum* bagi mengenal pasti perubahan pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan.

Kedua: Memperkukuh penguasaan teknologi baharu dan kemahiran masa hadapan.

Kementerian memberi penekanan kepada kemahiran digital, analitik data, kecerdasan buatan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kebolehsuaian supaya graduan bukan sahaja mampu menggunakan teknologi, tetapi juga menggunakannya dalam menyelesaikan masalah dan meningkatkan kecekapan kerja.

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah pengenalan kursus wajib Artificial Intelligence and Emerging Technologies di UNISSA mulai Tahun Akademik 2024/2025; modul Green and Digital Literacy for Sustainability di Politeknik Brunei mulai pengambilan Julai 2026; serta penstrukturan program IBTE dengan memasukkan elemen digital, AI, teknologi hijau, AR, VR dan Industri 4.0. UBD pula akan melaksanakan pembaharuan kurikulum GenBESTARI mulai September 2026 dengan memberi penekanan kepada pembelajaran merentas disiplin dan penyelesaian masalah melalui penggunaan teknologi, data dan AI.

Ketiga: Membangunkan laluan kemahiran mengikut kluster ekonomi strategik.

Bagi industri digital dan kewangan, UBD menawarkan laluan dalam Perakaunan (FinTech) dan Kewangan (Analitik Data), manakala Politeknik Brunei menawarkan program dalam Analitik Data, Keselamatan Siber, Rangkaian Awan dan Penyelesaian Digital.

Bagi pertanian pintar dan pengeluaran makanan, UTB menawarkan program Agroteknologi dan program berkaitan Sains dan Teknologi Makanan. UNISSA pula menawarkan program Sains Pertanian serta inisiatif dalam bidang AgriHalal, pertanian, perikanan dan agrimakanan. Program-program ini memberi pendedahan kepada aplikasi teknologi dalam sektor agromakanan dan menyokong peningkatan produktiviti sektor tersebut.

Bagi pelancongan dan logistik, Politeknik Brunei memperkenalkan Diploma Tahap 5 dalam Pengurusan Perniagaan dan Pelancongan mulai Julai 2026. Pendedahan industri turut dilaksanakan melalui kerjasama dan penempatan pelajar dengan organisasi dalam sektor pelabuhan, perkhidmatan, hospitaliti dan rantai bekalan. Pendekatan mengikut kluster ini bertujuan memastikan penawaran program dan kemahiran lebih rapat dengan keperluan sektor ekonomi yang sedang berkembang dan keperluan industri masa hadapan.

Keempat: Memperluaskan pembelajaran bersama industri serta peluang peningkatan kemahiran.

Latihan industri, *Project-Based Learning*, perantisan dan projek bersama industri terus diperkukuh supaya pelajar mendapat pengalaman menggunakan teknologi, memahami piawaian tempat kerja dan menyelesaikan cabaran sebenar industri sebelum memasuki alam pekerjaan. Pendekatan ini dilaksanakan di UBD, UNISSA, Politeknik Brunei dan IBTE melalui pelbagai bentuk penempatan dan kerjasama industri.

Pada masa yang sama, peluang upskilling dan reskilling turut diperluaskan melalui program modular, *micro-credentials*, pensijilan profesional dan *Recognition of Prior Learning*. Langkah ini penting bukan sahaja untuk pelajar dan graduan baharu, tetapi juga bagi membolehkan tenaga kerja sedia ada meningkatkan kemahiran apabila teknologi dan keperluan pekerjaan berubah.

Secara keseluruhannya, rancangan Kementerian adalah untuk menghubungkan dengan lebih rapat permintaan tenaga kerja industri, pembangunan kurikulum, penguasaan teknologi baharu, pengalaman bekerja dalam industri dan pembelajaran sepanjang hayat. Sebahagian langkah ini telah dilaksanakan, manakala yang lain sedang diperluaskan dan diperkukuh.

Penyelarasan antara data permintaan tenaga kerja, pembangunan program dan hasil graduan akan terus diperkemas supaya pembangunan bakat dapat disesuaikan dengan lebih pantas kepada perubahan teknologi dan keperluan industri. Dengan pendekatan ini, tenaga kerja yang dihasilkan diharap mampu menggunakan teknologi baharu dan seterusnya menyesuaikan diri dengan perubahan dan menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta daya saing ekonomi negara.

No. Soalan: PT099**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian Pendidikan untuk melahirkan lebih ramai guru Physics, Additional Maths, ICT, Design & Technology untuk menyokong STEAM dan usaha Kementerian ke arah memperkasa pendidikan TVET.

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan terus memberi perhatian kepada keperluan guru dalam bidang Physics, Additional Mathematics, ICT dan Design & Technology bagi menyokong pengukuhan pendidikan STEAM. Usaha ini dilaksanakan melalui perancangan keperluan tenaga pengajar, pengambilan guru baharu serta peningkatan kompetensi guru yang sedia ada.

Pertama, bagi menambah bekalan guru dalam bidang yang diperlukan, Jabatan Pengurusan Pendidik melaksanakan pengambilan secara terancang berdasarkan kekosongan jawatan, persaraan dan keperluan mata pelajaran di sekolah. Antara saluran pengambilan ialah Program Immersi dan Program Perantis, termasuk pengambilan Kohort 6 pada tahun 2026. Bagi bidang-bidang tertentu seperti Computer Science dan Design & Technology, kekosongan telah dikenal pasti untuk diisi melalui program berkenaan.

Kementerian turut menggunakan Skim Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri yang diikat janji sebagai pendidik sebagai salah satu saluran menyediakan tenaga pengajar mengikut keperluan. Penawaran biasiswa diselaraskan dengan keperluan sebenar tenaga pengajar bagi mengelakkan lebihan bekalan atau ketidaksepadanan bidang pengajian dengan peluang pekerjaan.

Dalam hubungan ini, perancangan pengambilan dan latihan akan terus diselaraskan berdasarkan keperluan bagi mata pelajaran Physics, Additional Mathematics, ICT dan Design & Technology, termasuk mengambil kira penggantian guru yang bersara dan perubahan keperluan sekolah.

Di samping menambah bekalan guru, kompetensi guru yang sedia ada turut diperkukuh. Berdasarkan Analisis Keperluan Guru STEAM yang melibatkan 1,330 orang guru, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) melaksanakan latihan yang lebih tersasar dalam bidang seperti pengaturcaraan, *Computational Thinking*, integrasi kecerdasan buatan dalam pengajaran serta pembelajaran Physics berasaskan teknologi. Kerjasama dengan Seria Energy Lab dan rakan serantau serta antarabangsa turut dilaksanakan bagi memperluaskan pembangunan kompetensi STEAM.

Pendekatan ini bertujuan memastikan bukan sahaja bilangan guru mencukupi, tetapi guru juga mempunyai kemahiran dan keyakinan untuk mengendalikan pembelajaran STEAM secara berkesan.

Memperkasa pendidikan TVET

Bagi TVET, Kementerian Pendidikan terus memperkukuh peranan Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dengan memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi. Antara usaha yang dilaksanakan ialah menyemak program dan kurikulum bersama industri; memperluas latihan industri, *work-based learning* dan perantisan; memperkukuh penglibatan industri dalam latihan dan penilaian kompetensi; serta memperluas program dalam bidang seperti teknologi digital, automasi, ICT, kejuruteraan, tenaga dan teknologi hijau.

Peluang upskilling, reskilling, pembelajaran sepanjang hayat dan mikro-kredensial turut diperluaskan supaya pelajar, graduan dan tenaga kerja sedia ada dapat meningkatkan kemahiran mengikut perubahan teknologi dan keperluan pekerjaan. Kerjasama antara institusi TVET, institusi pengajian tinggi, industri dan agensi berkaitan juga terus diperkukuh bagi mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran. Secara keseluruhannya, usaha Kementerian memberi tumpuan kepada penyediaan guru STEAM yang mencukupi dan kompeten serta pengukuhan TVET yang lebih rapat dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi. Kedua-dua usaha ini akan terus diselaraskan bagi memastikan pelajar mempunyai asas STEAM yang kukuh dan laluan pendidikan teknikal yang relevan dengan keperluan tenaga kerja negara.

No. Soalan: PT104

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah institusi pengajian tinggi telah menginstitusikan mekanisme bagi mempercepatkan pengkomersialan hasil penyelidikan melalui kerjasama strategik dengan industri, supaya penyelidikan yang dibiayai mampu diterjemahkan kepada inovasi, perusahaan dan pertumbuhan ekonomi negara?

JAWAPAN:

Institusi pengajian tinggi awam telah mewujudkan dan sedang memperkukuh mekanisme untuk membawa hasil penyelidikan ke arah pengkomersialan. Walaupun tahap kematangannya berbeza antara institusi, usaha ini dilaksanakan melalui pengukuhan tadbir urus dan harta intelek, pembangunan teknologi, kerjasama dengan industri serta sokongan pembiayaan dan keusahawanan.

Pertama, dari aspek tadbir urus dan laluan pengkomersialan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) sedang memperkukuh *UBD Commercialisation Pathway* dan *Innovation Hub* bagi menyelaraskan perlindungan harta intelek, pembangunan dan pemindahan teknologi serta penubuhan syarikat terbitan (*spin-off*). Universiti Teknologi Brunei (UTB) pula mempunyai mekanisme daripada pembangunan bukti konsep dan prototaip kepada validasi bersama industri, demonstrasi teknologi dan seterusnya pelesenan atau pembangunan perusahaan. Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), asas pengkomersialan sedang diperkukuh melalui Dasar Harta Intelek Universiti, Jawatankuasa Harta Intelek dan pengurusan aset intelek.

Kedua, dari aspek pembangunan teknologi dan harta intelek, UBD telah memfailkan lebih daripada 70 paten, dengan sebahagian teknologi mencapai *Technology Readiness Level* (TRL) 4. Setakat ini, satu teknologi telah berjaya dilesenkan kepada industri, manakala beberapa teknologi lain sedang dinilai untuk pembangunan lanjut. UTB mempunyai sembilan harta intelek berdaftar, meliputi paten, reka bentuk perindustrian, rahsia perdagangan dan hak cipta, manakala UNISSA telah mengenal pasti beberapa hasil penyelidikan untuk perlindungan harta intelek sebagai persediaan ke arah pengkomersialan.

Ketiga, kerjasama strategik dengan industri terus diperluaskan bagi memastikan penyelidikan mempunyai kegunaan dan potensi pasaran. Antara contoh di UBD ialah pembangunan teknologi *Smart Coating*, Brunei Aquaculture Innovation Centre serta kerjasama dengan Brunei Shell Petroleum dan Shell LiveWIRE Brunei.

UTB turut melaksanakan penyelidikan bersama industri dan agensi Kerajaan bagi menguji dan mengesahkan teknologi dalam persekitaran sebenar, manakala UNISSA memperluaskan kerjasama penyelidikan bagi menghasilkan penyelesaian yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi.

Keempat, sokongan pembiayaan dan pembangunan perusahaan disediakan melalui geran penyelidikan dalaman dan strategik serta sumber pembiayaan seperti CREATES, ASEAN-IVO dan *matching grants*. Sokongan turut merangkumi bimbingan keusahawanan, penilaian pasaran, pelesenan dan pembangunan syarikat terbitan atau syarikat pemula niaga mengikut kesesuaian teknologi.

Secara keseluruhannya, mekanisme pengkomersialan di institusi pengajian tinggi awam telah dibangunkan pada pelbagai peringkat, daripada perlindungan harta intelek dan pembangunan teknologi sehingga kepada kerjasama industri, pelesenan dan pembangunan perusahaan. Namun, sebahagian inisiatif masih dalam peringkat pembangunan dan keberkesanan mekanisme tersebut akan terus dinilai berdasarkan hasil pengkomersialan yang dicapai.

Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk memperkuat ekosistem ini supaya pelaburan dalam penyelidikan dapat diterjemahkan kepada teknologi dan inovasi yang boleh dimanfaatkan, peluang perusahaan dan pekerjaan berkemahiran tinggi serta sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT112

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**SOALAN:****YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan setiap tahun, faktor penyebab yang dikenal pasti dan apakah intervensi yang telah menunjukkan hasil?

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan memandang serius isu keciciran dan ketidakhadiran pelajar ke sekolah. Pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi mengenal pasti pelajar yang berisiko lebih awal dan membantu mereka terus berada dalam sistem pendidikan.

Bagi peringkat rendah, menengah dan tingkatan enam di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sekolah swasta, jumlah pelajar yang tercicir ialah 205 orang pada tahun 2021, 212 orang pada tahun 2022, 188 orang pada tahun 2023 dan 135 orang pada tahun 2024. Secara keseluruhan, jumlah tersebut menunjukkan penurunan daripada 205 orang pada tahun 2021 kepada 135 orang pada tahun 2024.

Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah ketidakhadiran yang berterusan, kurang minat dan motivasi untuk bersekolah, masalah keluarga dan kewangan, masalah kesihatan, disiplin dan isu sosial serta pengaruh rakan sebaya. Terdapat juga kes yang melibatkan perkahwinan dan masalah pas penuntut.

Bagi menangani perkara ini, beberapa intervensi dilaksanakan, antaranya:

1. Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, bagi memastikan kanak-kanak berumur lima tahun hingga sebelum mencapai 15 tahun mengikuti persekolahan, disertai dengan pemberitaan mengenai kepentingan kehadiran ke sekolah kepada ibu bapa, pelajar dan masyarakat;
2. Intervensi awal melalui pemantauan kehadiran, di mana ketidakhadiran selama tiga hari secara berkala atau berturut-turut dikenal pasti sebagai tanda awal yang memerlukan tindakan pihak sekolah;
3. Kerjasama dengan ibu bapa, PIBG, pemimpin masyarakat dan agensi berkaitan, termasuk lawatan ke rumah bagi mengesan pelajar yang tidak bersekolah serta membantu mereka kembali ke sekolah;

4. Program Ri'ayah Wa Mahabbah, yang membantu pelajar yang mempunyai masalah kehadiran dan kurang berkemampuan melalui kemudahan asrama dan sokongan persekolahan. Sejak tahun 2014 hingga 2026, seramai 651 pelajar telah mengikuti program ini; dan
5. Pemberian bantuan mengikut keperluan, termasuk kemudahan asrama dan pengangkutan, peralatan persekolahan serta perkhidmatan kaunseling.

Antara hasil yang dapat dilihat ialah usaha mengesan dan membuat lawatan ke rumah telah membolehkan pelajar yang lama tidak bersekolah didaftarkan semula, iaitu seramai 7 orang pada tahun 2023, 8 orang pada tahun 2024, 11 orang pada tahun 2025 dan 7 orang pada tahun 2026. Selain itu, kanak-kanak yang sebelum ini tidak pernah bersekolah turut berjaya dikenal pasti dan didaftarkan, iaitu 6 orang pada tahun 2023 serta masing-masing 4 orang pada tahun 2024 dan 2025.

Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan sekolah, ibu bapa, masyarakat dan agensi berkaitan bagi mengenal pasti pelajar berisiko lebih awal dan memberikan bantuan yang bersesuaian, supaya mereka dapat terus mengikuti dan menamatkan persekolahan.

No. Soalan: PT054**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan memandangkan penggunaan AI semakin meluas dalam penghasilan iklan dan kandungan media sosial perniagaan, bagaimanakah Kerajaan memastikan tahap profesional pemasaran dan industri dalam kreatif kekal berdaya saing serta menggalakkan penggunaan AI secara bertanggungjawab yang mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, bukan menggantikan bakat mahir?

JAWAPAN:

Kementerian melihat perkembangan Kecerdasan Buatan atau AI, khususnya dalam penghasilan iklan dan kandungan media sosial, sebagai satu perubahan dalam cara industri kreatif beroperasi. Perubahan ini sememangnya membawa cabaran, tetapi pada masa yang sama membuka ruang baharu untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan daya saing industri tempatan.

Namun demikian, bukanlah satu bentuk persoalan untuk ditimbulkan sama ada kita menerima atau menolak AI, kerana perkembangan teknologi ini akan terus berlaku. Persoalannya ialah bagaimana kita memastikan rakyat dan industri tempatan mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri, memanfaatkan teknologi ini secara bertanggungjawab dan mencipta nilai daripadanya.

Pendirian Kementerian adalah jelas, selaras dengan pandangan yang turut dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, bahawa AI hendaklah dimanfaatkan sebagai alat untuk memperkasa bakat dan keupayaan manusia, dengan mengambil kira peranan serta nilai tambah yang terus diberikan oleh manusia.

Sehubungan itu, pendekatan Kerajaan bukan sekadar menggalakkan penggunaan AI, tetapi memastikan penggunaannya dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan daya saing industri, memperkukuh kemahiran tenaga kerja serta mewujudkan ruang kepada pekerjaan yang lebih berkemahiran dan bernilai tinggi. Dalam perkara ini, Kementerian memberi tumpuan kepada empat keutamaan utama.

Pertama, memastikan penggunaan AI secara bertanggungjawab dan mengekalkan tahap profesionalisme industri.

Menerusi *Guide on AI Governance and Ethics for Brunei Darussalam*, Kementerian melalui Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) telah menyediakan panduan kepada organisasi yang membangunkan, menggunakan dan memanfaatkan teknologi AI.

Panduan ini menggariskan prinsip seperti ketelusan dan keboleh jelaskan, tadbir urus data, keselamatan dan kebolehpercayaan, keadilan dan kesaksamaan, pendekatan berteraskan manusia, serta akauntabiliti dan integriti.

Dalam konteks pengiklanan dan kandungan media sosial, perkara ini amat penting bagi memastikan penggunaan AI mengambil kira ketulenan kandungan, hak harta intelek, perlindungan data, ketelusan serta tanggungjawab profesional. Kandungan yang dijana atau dibantu oleh AI juga perlu digunakan dengan sewajarnya dan masih tertakluk kepada pertimbangan serta pengawasan manusia.

Dengan demikian, penggunaan AI bukan sahaja meningkatkan kecekapan, tetapi turut membantu mengekalkan kepercayaan dan standard profesional industri.

Kedua, memastikan tenaga kerja tempatan mempunyai kemahiran yang relevan dengan perubahan teknologi.

Kementerian tidak melihat kejayaan AI semata-mata daripada berapa banyak tugas manusia yang dapat di automasi. Sebaliknya, kita perlu memastikan AI membantu tenaga kerja meningkatkan keupayaan dan beralih kepada tugas serta peranan yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi.

Bagi industri pemasaran dan kreatif, ini termasuk kemahiran dalam literasi AI, penghasilan dan pengurusan kandungan digital, reka bentuk kreatif, analisis data, strategi pemasaran, pengurusan jenama serta aspek etika dan tadbir urus AI. Melalui peningkatan kemahiran dan pembelajaran semula atau *upskilling* dan *reskilling*, tenaga kerja kita bukan sekadar menjadi pengguna AI, tetapi mampu mengarah, menilai dan menggunakan AI sebagai alat untuk menghasilkan kerja yang lebih kreatif, berkualiti dan bernilai tinggi.

Ketiga, memastikan perusahaan tempatan turut mendapat manfaat dan kekal berdaya saing.

Pembangunan bakat sahaja tidak mencukupi. Perusahaan tempatan juga perlu mempunyai keupayaan untuk mengadaptasi teknologi baharu bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

Dalam perkara ini, AITI telah melaksanakan inisiatif pembangunan industri seperti Pitch and Produce, yang menyokong pembangunan syarikat pengeluaran tempatan dan penghasilan kandungan media yang berkualiti, serta Brunei Content Festival, yang menyediakan platform untuk mengiktiraf dan mengetengahkan karya serta bakat tempatan.

Inisiatif seperti ini boleh terus diperkasakan dengan mengambil kira perkembangan AI, supaya syarikat tempatan bukan sahaja dapat menghasilkan kandungan dengan lebih cekap, tetapi juga meningkatkan kualiti, kreativiti dan potensi kandungan tempatan untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Keempat, memperkuat kerjasama merentasi Kerajaan, industri dan institusi pendidikan.

Perubahan yang dibawa oleh AI bukan hanya berkaitan dengan teknologi. Ia turut menyentuh pembangunan bakat, pendidikan, industri kreatif, pekerjaan, hak harta intelek dan pembangunan ekonomi.

Oleh itu, pendekatan ini perlu dilaksanakan secara bersepadu. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui AITI akan terus memainkan peranan dalam aspek dasar digital, tadbir urus AI, pembangunan ekosistem dan kemahiran digital, dengan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan.

Pada masa yang sama, kerjasama dengan pihak industri adalah penting untuk memastikan latihan dan pembangunan kemahiran benar-benar selaras dengan keperluan pasaran, manakala institusi pendidikan perlu terus menyediakan asas kemahiran yang membolehkan tenaga kerja kita menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi.

Apa yang penting untuk dititikberatkan ialah Kementerian mahu memastikan transformasi AI membawa kepada peningkatan nilai, dan dalam konteks industri kreatif, kita mahu AI membantu seorang pencipta kandungan menghasilkan kandungan yang lebih baik, membantu sebuah syarikat tempatan meningkatkan produktiviti, dan membantu tenaga kerja kita bergerak kepada tugas yang memerlukan lebih banyak kreativiti, pertimbangan dan kemahiran. Dengan pendekatan ini, kita bukan cuba menghalang perubahan yang dibawa oleh AI. Tetapi, kita mahu memastikan rakyat dan industri tempatan bersedia untuk memimpin perubahan tersebut.

Akhirnya, kita bukan sekadar untuk menjadi pengguna AI, tetapi memastikan rakyat dan industri tempatan mempunyai keupayaan untuk mencipta nilai melalui AI dengan teknologi memperkasa bakat manusia, meningkatkan daya saing industri dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih berkemahiran dan bernilai tinggi.

No. Soalan: PT055 & PT080

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMINYANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian bersedia bagi *Brunei Tourism 2027* dan memastikan sistem pengangkutan awam dan smart mobility solutions seperti *digital payments*, *real-time information* dan *destination connectivity* akan bersedia untuk menyokong keperluan pelancong agar, pengalaman mereka menjadi lancar, cekap dan bertaraf antarabangsa?

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan setakat manakah status perkembangan dan pelaksanaan penambahbaikan sistem pengangkutan awam yang lebih efektif, cekap dan bersistematik mengikut standard antarabangsa, bagi mengatasi sungutan pelancong dan orang ramai serta menjadi alternatif kos rendah bagi golongan kurang berkemampuan?

JAWAPAN:

Pertama, dari perspektif Tahun Melawat Brunei 2027, Kementerian melihat pengangkutan awam sebagai sebahagian daripada infrastruktur sokongan kepada sektor pelancongan. Pengalaman pelancong tidak hanya bergantung kepada destinasi yang dikunjungi, tetapi juga kepada sejauh mana mereka dapat bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain dengan mudah, selamat, cekap dan berpatutan.

Sehubungan itu, persediaan Kementerian tidak hanya tertumpu kepada menambah bilangan bas atau laluan, tetapi kepada pembangunan ekosistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu dan disokong oleh teknologi.

Antara pendekatan utama yang sedang dilaksanakan ialah:

- penyediaan rangkaian bas bagi laluan-laluan utama yang mempunyai permintaan penumpang yang lebih tinggi, dengan jadual dan perkhidmatan yang lebih teratur;
- pengenalan *Demand Responsive Transit* atau *DRT*, iaitu perkhidmatan yang lebih fleksibel berdasarkan permintaan penumpang, khususnya bagi kawasan yang tidak sesuai diliputi oleh laluan bas tetap;
- penambahbaikan kemudahan perhentian bas dan infrastruktur berkaitan bagi meningkatkan keselesaan, keselamatan dan kebolehcapaian; dan
- penerapan *Smart Transportation System* atau *STS*, termasuk penggunaan teknologi bagi menyokong pengurusan perkhidmatan dan pengalaman pengguna.

Dari segi pengalaman pengguna pula, antara perkara yang sedang dibangunkan ialah keupayaan untuk mendapatkan maklumat perjalanan secara masa nyata, termasuk kedudukan bas dan jangkaan waktu ketibaan, di samping kemudahan tempahan bagi perkhidmatan secara *on-demand*. Dalam konteks ini, aspek seperti *digital payments*, *real-time information* dan *destination connectivity* juga merupakan antara elemen yang akan menyokong pengalaman perjalanan yang lebih lancar dan mesra pengguna, khususnya bagi pelancong. Dengan adanya sistem sedemikian, matlamatnya ialah supaya perjalanan daripada satu destinasi ke destinasi yang lain menjadi lebih mudah dirancang, lebih telus dan lebih mesra pengguna.

Kedua, dari segi penambahbaikan sistem pengangkutan awam secara keseluruhan, Kementerian telah mengambil beberapa langkah ke arah mewujudkan perkhidmatan yang lebih efektif, cekap dan sistematik. Proses ini sebenarnya telah bermula lebih awal. Pada 6 Disember 2023, *Request for Information* (RFI) bagi *Core Bus Network Services* dan *Smart Transportation System* telah dikeluarkan dan ditutup pada 1 Februari 2024. Seterusnya, *Request for Proposal* (RFP) bagi penyediaan, pengendalian, pengurusan dan penyelenggaraan perkhidmatan pengangkutan awam telah dikeluarkan pada 2 Oktober 2024 dan ditutup pada 11 Mac 2025.

Hasil daripada proses penilaian tersebut, sebuah syarikat telah dikenal pasti berpotensi untuk menawarkan perkhidmatan *DRT*. Sehubungan itu, Jabatan Pengangkutan Darat telah mengeluarkan *License to Operate* kepada syarikat berkenaan pada 30 April 2026.

Walau bagaimanapun, pemberian lesen tersebut bukan bermakna perkhidmatan boleh terus beroperasi tanpa persediaan lanjut. Aspek seperti kesiapsiagaan pengendali, perancangan operasi, infrastruktur, teknologi, keselamatan dan pengalaman pengguna perlu dipastikan terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, Kementerian bercadang untuk melaksanakan DRT secara berperingkat, dengan dua zon sebagai permulaan sebelum dipertimbangkan untuk diperluaskan ke zon-zon lain berdasarkan permintaan dan keberkesanan perkhidmatan.

Dalam melaksanakan penambahbaikan ini, Kementerian turut mengambil kira amalan terbaik dan standard antarabangsa dalam perancangan, pengurusan dan penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam. Ini merangkumi aspek keselamatan, kebolehcapaian, kebolehpercayaan, kecekapan operasi, penyampaian maklumat kepada pengguna serta penggunaan teknologi secara bersepadu.

Pada masa yang sama, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, Jabatan Pengangkutan Darat turut melaksanakan penambahbaikan terhadap infrastruktur pengangkutan awam, termasuk menaik taraf dan memasang tiang serta pondok perhentian bas di seluruh negara. Ini merupakan aspek asas tetapi penting kerana kualiti perkhidmatan awam bukan hanya diukur melalui kekerapan bas, tetapi juga melalui keselesaan, keselamatan dan kebolehcapaian keseluruhan perjalanan.

Ketiga, Kementerian memberi perhatian khusus kepada aspek kemampuan dan keterangkuman.

Pengangkutan awam mempunyai dimensi sosial yang penting. Bagi sebahagian masyarakat, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan persendirian, pengangkutan awam merupakan satu keperluan untuk ke tempat kerja, institusi pendidikan, kemudahan kesihatan dan perkhidmatan asas. Atas sebab itu, matlamat Kementerian bukan sekadar menyediakan perkhidmatan yang lebih moden, tetapi memastikan perkhidmatan tersebut mampu digunakan oleh masyarakat yang memerlukannya.

Dalam hubungan ini, Kementerian turut meneliti kaedah pengoperasian, kadar tambang yang bersesuaian serta bentuk sokongan yang diperlukan bagi memastikan perkhidmatan dapat dikekalkan secara berterusan. Ini mengambil kira hakikat bahawa di banyak negara, pengangkutan awam memerlukan sokongan Kerajaan, khususnya pada peringkat awal apabila jumlah penumpang belum mencapai tahap yang dapat menampung kos operasi sepenuhnya.

Perkara ini juga telah dibincangkan bersama Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, termasuk kemungkinan melaksanakan perkhidmatan percubaan atau projek rintis bagi menilai keberkesanan model pengangkutan yang dicadangkan, termasuk DRT, dari sudut sosial, kos, akses dan kemampuan.

Keempat, dari sudut dasar, Kementerian tidak melihat Tahun Melawat Brunei 2027 sebagai titik akhir kepada usaha ini.

Persediaan untuk tahun tersebut merupakan satu pemangkin, tetapi penambahbaikan pengangkutan awam yang sedang dirancang adalah pelaburan jangka panjang untuk negara dan rakyat.

Apa yang ingin dibangunkan ialah satu sistem yang bukan sahaja dapat membantu pelancong bergerak dengan lebih mudah, tetapi pada masa yang sama memberikan pilihan mobiliti yang lebih baik kepada rakyat, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan menyokong aktiviti ekonomi di seluruh negara.

Dengan kata lain, pelancongan merupakan salah satu pengguna sistem tersebut, tetapi rakyat adalah penerima manfaat jangka panjangnya.

Justeru, hala tuju Kementerian adalah untuk menggabungkan rangkaian bas yang lebih teratur, perkhidmatan DRT, infrastruktur yang lebih baik, penggunaan teknologi dan mekanisme sokongan yang bersesuaian dalam membentuk satu ekosistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu.

Pelaksanaannya pula memerlukan kerjasama merentas Kerajaan, pihak berkuasa, pengendali perkhidmatan dan pihak berkepentingan melalui pendekatan *Whole-of-Nation*, kerana pengangkutan awam bukan tanggungjawab satu agensi sahaja, tetapi merupakan sebahagian daripada ekosistem pembangunan negara.

Matlamat Kementerian bukan sekadar menyediakan lebih banyak bas, tetapi membina satu sistem pengangkutan awam yang boleh dipercayai, mudah diakses, berpatutan dan bersedia untuk masa hadapan, untuk rakyat Brunei dan juga para tetamu yang datang ke negara ini.

No. Soalan: PT072

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan tindakan usulan titah KDYMM semasa *Special BIMP-EAGA Summit* dan pengumuman kajian *Trans-Borneo Railway* oleh negara jiran dan jika terdapat langkah konkrit Kementerian memastikan Brunei tidak ketinggalan dalam projek ini serta memanfaatkan *Muara Port* sebagai *transshipment hub* dan pemangkin integrasi ekonomi BIMP-EAGA?

JAWAPAN:

Berhubung dengan tindakan susulan terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa *Special BIMP-EAGA Summit* yang dimaksudkan serta perkembangan *Trans-Borneo Railway*, Kementerian melihat perkara ini dalam konteks yang lebih luas, iaitu bagaimana Negara Brunei Darussalam dapat bersedia dan mengambil kedudukan yang strategik dalam peningkatan kesalinghubungan Borneo dan integrasi ekonomi BIMP-EAGA. Dalam hubungan ini, tindakan Kementerian adalah berasaskan empat langkah utama.

Pertama dengan menilai perkembangan *Trans-Borneo Railway* dan menentukan bentuk penglibatan Brunei yang bersesuaian.

Negara Brunei Darussalam telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak Malaysia. Pada November 2024, telah diadakan perbincangan dua hala di Kuala Lumpur. Seterusnya, pada 8 Oktober 2025, *1st Brunei Darussalam-Malaysia Joint Committee for Cooperation in the Field of Transport* telah membincangkan, antara lain, cadangan penglibatan Brunei dalam Fasa Kedua, iaitu kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) bagi meneroka kesalinghubungan kereta api antara Brunei, Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, pihak Malaysia telah diminta untuk membentangkan hasil kajian Fasa Pertama serta skop kajian Fasa Kedua kepada kementerian dan agensi berkepentingan di Negara Brunei Darussalam. Hasil kajian tersebut akan dinilai dari segi kesesuaian laluan, keperluan tanah dan infrastruktur, hubungan sempadan, kos dan manfaat serta potensi kesan kepada perdagangan, industri dan pembangunan ekonomi negara. Ini akan menjadi asas kepada Kerajaan dalam menentukan bentuk penglibatan yang paling bersesuaian dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Kedua dengan penyediaan keupayaan negara supaya tidak ketinggalan apabila kesalinghubungan Borneo dipertingkatkan.

Kementerian berpandangan bahawa persediaan tidak boleh tertumpu kepada persoalan sama ada Brunei menyertai projek kereta api tersebut atau sebaliknya. Yang lebih penting ialah memastikan rangkaian pengangkutan dan logistik negara mempunyai kapasiti untuk dihubungkan dengan rangkaian serantau yang sedang berkembang.

Dalam hubungan ini, Kementerian sedang menyediakan *National Multimodal Logistics Master Plan* melalui *Brunei Darussalam Logistics and Transshipment Task Force* (BLTTF), yang melibatkan MTIC, Kementerian Perdagangan dan Industri serta Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam dan dijangka siap pada hujung tahun 2026. Pelan ini akan menyediakan satu kerangka strategik bagi menghubungkan jalan raya, potensi rangkaian kereta api, Pelabuhan Muara, pengangkutan udara, kawasan industri, pusat logistik dan pintu-pintu sempadan sebagai satu ekosistem pengangkutan dan logistik yang lebih bersepadu.

Ketiga memperkukuhkan Pelabuhan Muara sebagai transshipment hub dan pintu masuk kepada rangkaian ekonomi serantau. Dalam konteks perkembangan *Trans-Borneo Railway*, Pelabuhan Muara perlu dilihat bukan hanya untuk memenuhi keperluan domestik, tetapi sebagai salah satu aset strategik negara yang berpotensi menghubungkan Brunei dengan aliran perdagangan dan kargo serantau. Sehubungan itu, perancangan akan memberi perhatian kepada:

- potensi cargo catchment dari dalam negara dan rantau BIMP-EAGA; • hubungan *first-mile* dan *last-mile* antara Pelabuhan Muara, kawasan industri, pusat logistik dan pintu sempadan;
- keupayaan multimodal yang menghubungkan pengangkutan darat, laut dan udara;
- peningkatan aktiviti *transshipment* dan penarikan kargo transit; dan
- pengukuhan Pelabuhan Muara sebagai regional maritime and logistics gateway yang dapat menyokong perdagangan dan integrasi ekonomi BIMP-EAGA.

Dengan adanya hubungan darat yang lebih baik di Borneo, Brunei perlu memastikan Pelabuhan Muara mempunyai kapasiti, hubungan dan perkhidmatan yang bersesuaian untuk menerima, mengendalikan dan menyalurkan peningkatan aliran kargo tersebut.

Keempat menyelaraskan tindakan Kerajaan bagi memastikan perkembangan ini memberi manfaat kepada negara. Kementerian akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan dalam bidang pengangkutan, perdagangan, pembangunan, kewangan, sempadan, pelabuhan dan hubungan serantau.

Penyelarasan ini penting supaya *Trans-Borneo Railway*, Pelabuhan Muara, kawasan industri, rangkaian jalan raya dan sistem logistik negara dapat dirancang sebagai satu agenda kesalinghubungan yang saling berkait, dan seterusnya menyokong kedudukan Brunei dalam rangkaian ekonomi BIMP-EAGA.

Dengan pendekatan ini, tindakan susulan Kementerian adalah jelas: kita menilai perkembangan projek, menyediakan keupayaan negara, memperkukuhkan Pelabuhan Muara dan menyelaraskan tindakan Kerajaan. Hala tuju kementerian bukan semata mata untuk memastikan Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam *Trans Borneo Railway*, tetapi untuk memastikan apabila kesalinghubungan Borneo berkembang, Brunei berada pada kedudukan yang bersedia untuk menerima manfaatnya khususnya melalui Pelabuhan Muara sebagai *transshipment* hub, penghubung logistik dan salah satu pemangkin kepada integrasi ekonomi BIMP-EAGA.

No. Soalan: PT098**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jumlah yang telah mengikuti program *upskilling* seperti *AI-Ready ASEAN Programme 2025*, adakah sasaran melatih kemahiran asas AI, literasi digital dan kesedaran etika tercapai, khususnya bagi pekerja-pekerja yang terjejas oleh penggunaan AI? Adakah sudah dikenal pasti pekerja yang terkesan dan pihak manakah dipertanggungjawabkan menilai keberkesanan program ini?

JAWAPAN:

Dari sudut pandangan kementerian ini, soalan ini menyentuh bukan sahaja mengenai pencapaian program latihan AI yang telah dilaksanakan, tetapi juga bagaimana Kerajaan memastikan tenaga kerja tempatan bersedia menghadapi perubahan dalam dunia pekerjaan yang dibawa oleh perkembangan AI. Dalam hubungan ini, terdapat empat perkara yang ingin dikongsikan.

Pertama, dari segi pencapaian program pembangunan kemahiran AI, antara usaha yang telah dilaksanakan ialah *AI-Ready ASEAN Programme 2025* yang dilaksanakan oleh ASEAN Foundation dengan sokongan Google.org, dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei dan Projek Big BWN. Program ini memberi tumpuan kepada kemahiran asas AI, literasi digital dan penggunaan AI secara bertanggungjawab.

Bagi Negara Brunei Darussalam, program ini menyasarkan 20,000 orang, dan berdasarkan laporan pencapaian yang diterima, seramai 8,436 orang telah menyertainya setakat ini, iaitu kira-kira 42 peratus daripada sasaran. Ini menunjukkan penyertaan yang menggalakkan, namun sasaran keseluruhan masih belum tercapai. Oleh itu, usaha untuk memperluaskan penyertaan dan memastikan lebih ramai rakyat mempunyai asas pengetahuan dan kemahiran AI perlu diteruskan.

Kedua, berhubung dengan pekerja yang terkesan oleh penggunaan AI, setakat ini belum ada kajian rasmi dijalankan di Negara Brunei Darussalam untuk mengenal pasti secara khusus kumpulan pekerja yang mengalami kehilangan pekerjaan secara langsung dan ketara akibat penggunaan AI.

Walau bagaimanapun, dapatan dan laporan antarabangsa memberikan gambaran bahawa kesan AI terhadap pasaran pekerjaan lebih banyak berlaku melalui perubahan sifat pekerjaan dan peningkatan keupayaan pekerja (augmentation), berbanding penggantian pekerjaan secara menyeluruh. Sebagai contoh, dapatan ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) serta kajian kerjasama Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), “Labour Market Exposure to AI: From GenAI to Future AGI” yang diterbitkan pada November 2025, menunjukkan bahawa tahap pendedahan kepada AI adalah berbeza mengikut sektor dan jenis pekerjaan. Dalam konteks ini, sektor seperti pentadbiran, pekerjaan perkeranian, kewangan dan perkhidmatan antara yang mempunyai pendedahan lebih tinggi kepada risiko automasi.

Pada masa yang sama, laporan Bank Dunia mengenai rantau Asia Timur dan Pasifik menunjukkan bahawa AI berpotensi meningkatkan produktiviti serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu, di samping mengubah keperluan kemahiran dalam pekerjaan sedia ada. Justeru, cabaran utama bukan semata-mata mengenai penggantian pekerjaan, tetapi memastikan tenaga kerja mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

Atas dasar itu, pendekatan Kerajaan adalah untuk tidak menunggu sehingga berlaku kehilangan pekerjaan secara ketara sebelum bertindak. Sebaliknya, kita perlu mengenal pasti lebih awal sektor dan jenis pekerjaan yang mempunyai tahap pendedahan lebih tinggi kepada AI, memahami jurang kemahiran yang mungkin timbul, dan menyediakan peluang *upskilling* dan *reskilling* yang bersesuaian.

Ketiga, dari segi respons dan hala tuju dasar Kerajaan, kita sedang bergerak daripada pendekatan literasi AI secara umum kepada pembangunan keupayaan tenaga kerja yang lebih tersasar. Melalui Strategi Data dan Kecerdasan Buatan (*Data and Artificial Intelligence Strategy*) di bawah Digital Brunei 2030, pembangunan bakat dan keupayaan AI akan terus diperkukuhkan, termasuk melalui program seperti Bru.N.A.I serta usaha *upskilling* dan *reskilling* dalam penggunaan data dan teknologi AI.

Tumpuan bukan sahaja kepada pengetahuan asas AI, tetapi kepada kemahiran yang mempunyai nilai sebenar kepada pekerjaan, termasuk penyediaan latihan dan pensijilan yang dapat meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja serta membantu pencari pekerjaan dan pekerja menyesuaikan diri dengan keperluan industri yang berubah.

Dalam masa yang sama, pembangunan kemahiran AI perlu berjalan seiring dengan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab. Sehubungan itu, usaha pembangunan keupayaan ini turut disokong melalui *Guide on AI Governance and Ethics for Brunei Darussalam*, *GenAI School Handbook* yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, serta pelaksanaan *Personal Data Protection Order (PDPO)* bagi memperkukuh aspek etika, ketelusan, akauntabiliti dan perlindungan data.

Keempat, dari segi pemantauan dan penilaian keberkesanan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui AITI akan memainkan peranan sebagai peneraju dasar dan penyelaras dalam agenda pembangunan keupayaan AI, dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan, pihak industri dan institusi akademik.

Penilaian keberkesanan juga tidak seharusnya hanya berdasarkan jumlah peserta yang mengikuti latihan. Sebaliknya, kita perlu melihat sejauh mana kemahiran yang diperoleh benar-benar digunakan dalam pekerjaan, peningkatan kebolehpasaran pekerja, keberkesanan program upskilling dan reskilling, serta kesesuaian latihan dengan keperluan sebenar industri.

Sehubungan itu, Kementerian akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk memperkukuh pemahaman berasaskan data mengenai sektor dan jenis pekerjaan yang terdedah kepada perubahan akibat AI, jurang kemahiran yang perlu ditangani serta keperluan tenaga kerja pada masa hadapan. Ini akan membantu memastikan pendekatan pembangunan kemahiran negara dapat disesuaikan dengan perubahan sebenar dalam pasaran pekerjaan.

Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja mengukur berapa ramai yang telah dilatih, tetapi yang lebih penting, sejauh mana latihan tersebut benar-benar meningkatkan keupayaan, kebolehpasaran dan daya tahan tenaga kerja tempatan.

Oleh itu, AI bukan sekadar agenda teknologi, tetapi juga merupakan sebahagian daripada agenda pembangunan tenaga kerja dan ekonomi negara. Matlamat kita adalah untuk memastikan tenaga kerja tempatan bukan sahaja bersedia menghadapi perubahan yang dibawa oleh AI, tetapi mempunyai kemahiran untuk bekerja bersama teknologi, menyesuaikan diri dengan perubahan dan merebut peluang baharu yang diwujudkan oleh ekonomi digital.

No. Soalan: PT101**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika ada dapatan tentang sejauh mana penggunaan IT di kalangan penjawat awam sudah menjadi budaya kerja dan bagaimana pihak Kementerian Pendidikan menyokong sama budaya kerja digital ini?

JAWAPAN:

Pada sudut pandang Kementerian ini, sejauh mana penggunaan IT telah menjadi budaya kerja dalam Perkhidmatan Awam perlu dilihat bukan semata-mata dari segi pemilikan peralatan atau penggunaan sistem digital, tetapi melalui sejauh mana teknologi telah diintegrasikan ke dalam cara kita bekerja, berkomunikasi, membuat keputusan dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Dalam hubungan ini, Kementerian melihat pembentukan budaya kerja digital dalam Perkhidmatan Awam melalui lima komponen utama, iaitu:

Pertama, Akses dan Infrastruktur Digital. Asas kepada budaya kerja digital ialah memastikan penjawat awam mempunyai akses kepada peralatan dan infrastruktur yang bersesuaian dengan keperluan tugas. Pada masa ini, 66 peratus pegawai dan kakitangan Kerajaan telah dibekalkan dengan peranti komputer secara 1-to-1, manakala baki 34 peratus diberikan akses kepada komputer secara perkongsian atau shared desktop, mengikut keperluan dan sifat tugas masing-masing.

Kedua, Pengintegrasian Teknologi dalam Proses Kerja. Budaya digital dapat dilihat apabila teknologi bukan lagi digunakan sebagai kemudahan tambahan, tetapi telah menjadi sebahagian daripada proses kerja harian. Pada masa ini, pelbagai platform digital Kerajaan telah menyokong perkara ini, antaranya e-mel Kerajaan sebagai medium komunikasi rasmi, Portal Intranet Kerajaan bagi penyampaian maklumat dan dasar, FormBN bagi pendigitalan borang dan proses permohonan, serta Digital Attendance bagi pengurusan kehadiran secara digital. Platform seperti go.gov.bn pula memudahkan perkongsian pautan dan dokumen secara lebih teratur dan selamat.

Di peringkat operasi, sistem seperti SSM menyokong pengurusan sumber manusia, manakala TAFIS menyokong pengurusan kewangan Kerajaan secara bersepadu, termasuk urusan bajet, perakaunan, pembayaran dan pelaporan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital dalam Perkhidmatan Awam sudah bergerak daripada penggunaan aplikasi secara berasingan kepada pengintegrasian teknologi dalam pelbagai fungsi dan proses kerja Kerajaan.

Ketiga, Kompetensi dan Keupayaan Penjawat Awam. Akses kepada teknologi sahaja belum memadai untuk membentuk budaya kerja digital. Penjawat awam juga perlu mempunyai kemahiran, keyakinan dan keupayaan untuk menggunakan teknologi secara produktif, selamat dan bertanggungjawab.

Dalam hal ini, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) terus memainkan peranan dalam memperkukuhkan kompetensi digital penjawat awam melalui latihan dalam bidang seperti produktiviti digital, keselamatan siber, analitik data, kecerdasan buatan atau AI, pembangunan aplikasi, pengurusan projek, serta pengurusan perubahan dan transformasi digital.

Pendekatan ini penting kerana transformasi digital pada hakikatnya bukan sekadar transformasi teknologi, tetapi transformasi cara kerja. Oleh itu, ukuran kejayaan bukan hanya berapa banyak sistem yang diperkenalkan, tetapi sejauh mana penjawat awam mampu memanfaatkan teknologi tersebut untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Keempat, Kesenambungan Kompetensi daripada Pendidikan kepada Alam Pekerjaan. Budaya kerja digital tidak seharusnya hanya dibentuk apabila seseorang memasuki alam pekerjaan. Ia perlu dibina lebih awal melalui sistem pendidikan dan pembangunan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan masa hadapan.

Sehubungan itu, selaras dengan Digital Brunei 2030, Kerajaan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan terus memperkukuhkan kompetensi digital di semua peringkat pendidikan, termasuk pengintegrasian kemahiran asas digital di peringkat rendah dan menengah, pemerkasaan kemahiran digital lanjutan di peringkat pendidikan tinggi, serta penambahbaikan berterusan terhadap Brunei Darussalam Digital Literacy Standard dan kurikulum ICT.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan sendiri telah mengambil langkah melalui Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan 2023–2027, yang menggariskan hala tuju transformasi digital bagi Kluster Pendidikan melalui tiga bidang tumpuan utama, iaitu Teknologi Pendidikan (*Educational Technology*), Teknologi Pengurusan (*Management Technology*), serta Dasar dan Infrastruktur Pemungkin (*Enabling Policies and Infrastructure*). Ini memperlihatkan bahawa pembangunan budaya digital dilaksanakan secara menyeluruh, bukan sahaja dengan menyediakan kemahiran digital kepada generasi akan datang, tetapi juga melalui pendigitalan cara sistem pendidikan diurus dan disampaikan.

Kelima, Kesepadanan Kemahiran dengan Keperluan Pekerjaan dan Ekonomi Digital. Di peringkat tenaga kerja, Brunei ICT Competency Framework (BIICF) menyediakan satu rangka kerja bagi menyelaraskan peranan pekerjaan ICT dengan kompetensi yang diperlukan. Ini dapat menyokong usaha job-matching, pembangunan latihan serta peningkatan kemahiran yang lebih selaras dengan keperluan industri dan pasaran pekerjaan.

Pendekatan ini penting kerana matlamat kita bukan sekadar untuk meningkatkan bilangan pengguna teknologi, tetapi untuk membangunkan tenaga kerja yang mampu menggunakan teknologi untuk menghasilkan produktiviti, inovasi dan nilai ekonomi.

Secara keseluruhannya, kelima-lima komponen ini menunjukkan bahawa budaya kerja digital dalam Perkhidmatan Awam sedang dibangunkan sebagai satu ekosistem yang merangkumi akses kepada teknologi, pengintegrasian dalam proses kerja, pembangunan kompetensi, pendidikan dan pembangunan tenaga kerja.

Berdasarkan perkembangan semasa, Kementerian berpandangan bahawa asas kepada budaya kerja digital dalam Perkhidmatan Awam sudah terbentuk dan semakin kukuh. Fokus seterusnya adalah untuk bergerak daripada pendigitalan proses kepada transformasi cara kerja, supaya teknologi bukan sahaja digunakan, tetapi benar-benar dimanfaatkan untuk meningkatkan produktiviti, mempercepatkan penyampaian perkhidmatan dan memberikan manfaat yang lebih nyata kepada rakyat.

Dalam konteks ini, peranan Kementerian Pendidikan adalah penting bagi memastikan generasi yang memasuki alam pekerjaan pada masa hadapan telah mempunyai asas literasi, kemahiran dan keupayaan digital yang diperlukan. Inilah pendekatan yang akan terus diperkukuhkan bagi memastikan transformasi digital Negara bukan sahaja *technology-led*, tetapi *people-centred*, *skills-driven* dan berorientasikan hasil, selaras dengan aspirasi Digital Brunei 2030 dan Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT053

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan dengan populasi warga emas yang semakin meningkat, bagaimanakah Kementerian dan agensi lain bekerjasama untuk menjadikan penuaan (*ageing*) sebagai peluang dengan penuaan sihat (*healthy ageing*), penjagaan pencegahan dan pembangunan ekonomi warga emas yang mampan?

JAWAPAN:

Isu penuaan populasi merupakan satu petunjuk kejayaan negara dari segi peningkatan jangka hayat dan keberkesanan sistem kesihatan. Namun demikian, fenomena ini juga memerlukan pendekatan yang holistik dan merentas sektor bagi memastikan warga emas terus kekal sihat, aktif dan produktif. Berdasarkan perangkaan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), pada tahun 2025 terdapat seramai 53,100 orang warga emas, iaitu 11.6% daripada jumlah penduduk. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan *UNESCAP* pula menjangkakan Brunei Darussalam akan menjadi sebuah aged country menjelang tahun 2035 apabila peratusan warga emas melebihi 14% daripada jumlah penduduk.

Mengenai kerjasama Kementerian dan agensi-agensi lain, Kerajaan telah mewujudkan struktur tadbir urus yang jelas melalui Jawatankuasa Khas Orang Kelainan Upaya dan Warga Emas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Menteri Kesihatan.

Keahlian jawatankuasa ini merangkumi Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Di peringkat pelaksanaan pula, sebuah Jawatankuasa Kerja yang dianggotai oleh pegawai-pegawai teknikal telah ditubuhkan bagi menyelaras pelaksanaan dasar, program dan aktiviti merentas kementerian. Pendekatan ini mengamalkan konsep *whole-of-government* dan *whole-of-nation*, dengan penglibatan aktif komuniti, sukarelawan, institusi kekeluargaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta dalam menyokong kesejahteraan warga emas.

Pelan Tindakan Warga Emas 2025-2030: Ke Arah Penuaan Berjaya memberi penekanan khusus pada panduan strategik dalam memperkukuh kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas secara menyeluruh dan inklusif selaras dengan Social Blueprint Negara Brunei Darussalam dan Wawasan Brunei 2035. Pelan Tindakan ini turut diselaraskan dengan Pelan Tindakan Kebangsaan lain termasuk Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029. Pendekatan yang diambil adalah bersepadu, merangkumi aspek sosial, ekonomi dan kesihatan, selaras dengan keperluan penuaan aktif dan bermaruah.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Pelan Tindakan ini menggariskan Tujuh (7) bidang tumpuan utama iaitu rekreasi, perumahan, kesihatan, jaringan keselamatan sosial, penyertaan sosial, pendidikan dan pengangkutan yang dirangka secara bersepadu bagi meningkatkan kesejahteraan, mobiliti dan kualiti hidup warga emas melalui akses kepada kemudahan, perkhidmatan dan peluang yang inklusif serta mesra warga emas. Secara keseluruhannya, pelan ini disokong oleh 6 Objektif Utama dan 22 Skop Pelaksanaan yang memberi penekanan kepada pendekatan holistik, mampan dan Pelan Tindakan ini akan melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat.

Dalam menjadikan penuaan sebagai peluang melalui penuaan sihat (*healthy ageing*) dan penjagaan pencegahan (*preventive care*), pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas memberi penekanan khusus di dalam Fokus Strategik 4 iaitu Memperkukuh perkhidmatan menyeluruh melalui pendekatan bersepadu dan Fokus Strategik 6 iaitu Memperkukuh sistem penyelidikan, pemantauan dan pengawasan.

Melalui kerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan, termasuk program saringan kesihatan berkala, promosi gaya hidup sihat, intervensi awal penyakit tidak berjangkit seperti Obesiti, Dementia and *Frailty* di kalangan warga emas, sokongan kesihatan mental serta aktiviti riadah dan pemakanan sihat di Pusat Kegiatan Warga Emas. Di samping itu, aplikasi BruHealth terus dimanfaatkan bagi memudahkan warga emas mendapatkan akses kepada maklumat kesihatan, perkhidmatan kesihatan dan konsultasi.

Kerajaan juga menyokong usaha Kementerian Kesihatan bersama Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) dalam menjalankan kajian mengenai *successful ageing* iaitu *National Successful Ageing study* yang akan menjadi asas kepada pembangunan dasar dan strategi berasaskan bukti bagi menggalakkan penuaan berjaya di negara ini.

Dalam aspek penjagaan pencegahan, Kementerian Kesihatan turut memperkukuh program saringan kesihatan komuniti, kempen kesedaran awam serta pembangunan perkhidmatan *step-down care* bagi membantu pemulihan pesakit selepas keluar dari hospital, sekali gus mengurangkan risiko kemasukan semula ke hospital dan meningkatkan kualiti hidup warga emas.

Hasil kerjasama pelbagai pihak ini turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong diiktiraf oleh WHO sebagai sebuah komuniti mesra warga emas (*Age-Friendly Community*).

Dalam membangunkan ekonomi warga emas yang mampan, Kerajaan sedang melaksanakan pendekatan secara berfasa daripada memperkukuh *Care Economy* ke arah pembangunan *Silver Economy*, selaras dengan perubahan demografi negara.

Pada masa ini, Kerajaan terus memperkukuh ekonomi penjagaan melalui penyediaan perlindungan sosial dan sokongan kepada warga emas serta penjaga mereka. Sehingga Jun 2026, seramai 47,033 orang warga emas menerima Pencen Umur Tua, manakala 1,307 orang turut menerima Elaun Kurang Upaya di samping Pencen Umur Tua. Selain itu, seramai 709 orang warga emas telah dikenalpasti sebagai penjaga kepada penerima Elaun Kurang Upaya menerima Elaun Penyedia Penjagaan (EPP), seramai 89 orang warga emas merupakan penerima bantuan lampin dan susu, 176 orang warga emas menerima Bantuan Kebajikan Bulanan bagi mereka yang berpenghidupan susah. Pemberian-pemberian ini telah banyak dibantu oleh Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang memainkan peranan penting dalam mengagihkannya pembayaran Pencen Umur Tua, Elaun-elaun dan Bantuan Kebajikan Bulanan dan sekaligus memantau kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas di negara ini.

Pada masa yang sama, Pelan Tindakan Warga Emas turut memberi penekanan kepada pembangunan kapasiti warga emas melalui pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*), seperti yang digariskan dalam Fokus 3 pelan tindakan. Ini termasuk program literasi digital, keselamatan siber dan pencegahan penipuan dalam talian dengan kerjasama agensi seperti AITI, Kementerian Kewangan serta institusi pengajian tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga komited meneroka potensi *Silver Economy* melalui kerjasama ASEAN dengan memperkasa warga emas yang masih berupaya untuk terus menyumbang kepada ekonomi menerusi latihan kemahiran, keusahawanan, perusahaan mikro, penghasilan kraftangan dan warisan, serta penggunaan platform digital bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Di bawah Fokus 4 iaitu; di bawah tajuk menyediakan peluang komuniti bagi penyertaan sosial secara berterusan bagi warga emas, strategi ini telah diimplementasi melalui platform Hari Antarabangsa Warga Emas tahun 2024 dan 2025 yang memfokuskan kepada sinergi inter-generasi yang melibatkan warga emas dan belia melalui institusi kekeluargaan. Diantara program yang telah dilaksanakan ialah *Golden Milestone Virtual Walkathons* yang dianjurkan oleh persatuan pelajar *Medical Students Association* pada tahun 2024 dan aktiviti *Golden Amazing Race* anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat pada tahun 2025.

Seiring dengan perubahan demografi negara yang menyaksikan peningkatan bilangan warga emas dari tahun ke tahun, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan keperluan, kebajikan dan kesejahteraan mereka terus diberi perhatian yang sewajarnya. Kita semua mempunyai peranan dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja menghormati warga emas, malah menghargai sumbangan mereka serta menyediakan peluang untuk mereka terus menyumbang dan mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan bermasyarakat.

No. Soalan: PT059

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan berdasarkan Kajian Pembangunan Wanita yang mendapati 67% responden mengalami tekanan akibat tanggungjawab serentak dalam keluarga, pekerjaan dan masyarakat, bagaimanakah Kementerian mentafsir masyarakat berdaya tahan selaras *Social Blueprint*, serta memastikan kejayaan pembangunan sosial turut mengambil kira kesejahteraan mental dan daya tahan keluarga?

JAWAPAN:

Selaras dengan *Social Blueprint* Brunei Darussalam, masyarakat yang berdaya tahan ditafsirkan sebagai masyarakat yang mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran, menyesuaikan diri dengan perubahan serta merebut peluang ke arah kemajuan, berlandaskan nilai-nilai Islam bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran generasi masa kini dan akan datang.

Selain itu, bagi memastikan kesejahteraan mental serta keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan berkeluarga, khususnya dalam menangani isu tekanan yang dikenal pasti melalui Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam, *Social Blueprint* menggariskan beberapa langkah strategik berikut:

- a. Pemberitaan mengenai kepentingan keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan (*work-life harmony*) turut diberi penekanan sebagai salah satu inisiatif di bawah Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025–2029. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerjaya bagi menyokong kesejahteraan individu, memperkukuh institusi keluarga serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.
- b. Kesihatan yang Seimbang iaitu; sasaran masa hadapan (*Future State*) bagi domain kesihatan adalah untuk melahirkan warga sihat dengan kesejahteraan mental dan fizikal yang seimbang melalui penyediaan perkhidmatan berkualiti secara berterusan.
- c. Sistem Sokongan Inklusif dengan Pengukuhan ekosistem perlindungan dan kesejahteraan masyarakat bagi memastikan golongan yang memerlukan mendapat sokongan yang sewajarnya.

Sehubungan itu, Aspirasi Kedua: Memperkasa Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan dalam *Social Blueprint* ada menekankan kepentingan membina masyarakat yang berdaya tahan melalui pengukuhan institusi keluarga, penyertaan komuniti dan penyediaan persekitaran yang menyokong kesejahteraan individu serta keluarga. Usaha ini turut diperkukuhkan melalui Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029 yang memberi fokus kepada pembinaan keluarga yang lebih kukuh, penyayang dan berdaya tahan.

Justeru itu, bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan aktiviti ekonomi, sistem sokongan yang menyeluruh perlu terus diperkukuhkan agar wanita dapat mengimbangi tuntutan pekerjaan, keluarga dan tanggungjawab penjagaan. Ini termasuk mempertimbangkan dasar-dasar sokongan seperti kemudahan penjagaan anak serta pengaturan kerja yang fleksibel, mengikut kesesuaian dan keperluan organisasi. Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu wanita yang memikul pelbagai peranan sebagai pekerja, ibu dan penjaga kepada anak-anak serta ibu bapa yang lanjut usia, malah dapat menyokong kesejahteraan mental, meningkatkan produktiviti dan menggalakkan penyertaan ekonomi wanita.

Di samping itu, penyelidikan ini turut memperlihatkan perkembangan yang positif apabila majoriti wanita dan lelaki bersetuju bahawa tanggungjawab rumah tangga dan penjagaan anak perlu dipikul secara bersama. Malah, semakin ramai golongan bapa mengambil cuti selepas bersalin dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam penjagaan keluarga. Perkongsian tanggungjawab ini bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan mental ahli keluarga melalui pengurangan tekanan dan keseimbangan peranan, malah turut memperkukuh daya tahan keluarga. Seterusnya, ia membantu membina institusi keluarga yang lebih kukuh serta menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih sejahtera, inklusif dan berdaya tahan.

Berdasarkan dapatan kajian Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam tersebut, tiga (3) teras strategik telah dikenal pasti sebagai asas kepada perangkaan Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita, iaitu:

- a. Mengutamakan Keselamatan dan Kesejahteraan Wanita – Memastikan wanita dilindungi daripada sebarang bentuk kemudaratan serta mempunyai akses kepada sumber dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang selamat, sihat dan sejahtera.
- b. Mengoptimumkan Potensi Wanita dalam Pekerjaan dan Pembangunan Kerjaya – Memastikan wanita mempunyai akses kepada sumber, peluang dan sokongan yang membolehkan mereka mencapai potensi sepenuhnya dalam bidang pekerjaan dan pembangunan kerjaya.

-
- c. Memperkasa Wanita dalam Komuniti – Memperkukuh keupayaan wanita untuk membuat keputusan, meningkatkan kawalan terhadap kehidupan mereka serta menggalakkan penyertaan aktif dalam aspek sosial, ekonomi dan kemasyarakatan.

Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita (2026-2030) sedang dalam proses perangkaan dan satu bengkel bersama pihak-pihak berkepentingan akan diadakan bagi menilai kesesuaian, kebolehlaksanaan dan keutamaan strategi serta tindakan yang dicadangkan, sebelum pelan tindakan tersebut dimuktamadkan dengan pendekatan Senegara (*Whole-of-Nation*). Ini penting dalam memantapkan ekosistem pembangunan keupayaan komuniti yang kohesif dan progresif. Segala hasil ini dipantau melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memastikan dasar-dasar tersebut benar-benar memberi impak kepada kualiti kehidupan keluarga dan masyarakat.

No. Soalan: PT064

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan berdasarkan Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025–2029, sejauh manakah Kementerian memastikan setiap dasar pembangunan mengambil kira impaknya terhadap institusi keluarga? Apakah mekanisme penyelarasan, pemantauan dan akauntabiliti yang diwujudkan bagi menyokong pencapaian aspirasi Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Berdasarkan Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025–2029, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat berusaha memastikan perspektif keluarga diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan, khususnya dasar yang memberikan kesan langsung atau tidak langsung terhadap kesejahteraan keluarga.

Usaha ini diterjemahkan melalui tiga (3) matlamat strategik pelan tindakan, iaitu (1) mengutamakan kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga ke arah pembangunan dan perpaduan negara; (2) membina institusi kekeluargaan sebagai asas pembangunan masyarakat; dan (3) memperkukuh kedayatahan keluarga. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelan tindakan memberi tumpuan kepada tiga (3) fokus utama iaitu (1) Memberikan sokongan terhadap keluarga di setiap peringkat kehidupan berkeluarga; (2) Membina semangat keluarga dalam menghadapi cabaran; dan (3) Memupuk budaya kekeluargaan. Pelaksanaan ini diperkukuhkan dan disokong oleh lima belas (15) skop pelaksanaan yang memberi penekanan kepada pendekatan holistik, mampan dan berimpak tinggi dalam memperkukuh institusi keluarga melalui penerapan Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei, iaitu Sayang-Menyayangi, Tanggungjawab, Hormat-Menghormati dan Pemedulian (SaTu HaraPan).

Pendekatan ini juga selaras dengan *Social Blueprint* yang berpandukan ekosistem yang lengkap meliputi Wawasan Brunei 2035, Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan komitmen-komitmen antarabangsa. *Social Blueprint* mengenal pasti 4 strategik domain sebagai bidang keutamaan penting dalam mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, iaitu (1) Pendekatan Senegara / institusi, (2) Komuniti / masyarakat, (3) Keluarga, dan (4) Diri sendiri / individu.

Dalam konteks ini, keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan berlandaskan nilai-nilai murni, kasih-sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kebajikan masyarakat. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam inisiatif keluarga akan menentukan keutuhan sesuatu masyarakat dalam mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran bagi memperkukuhkan lagi keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

Dari segi mekanisme penyelarasan, pemantauan dan akauntabiliti, Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku urus setia Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak telah mewujudkan beberapa mekanisme, antaranya:

- a. Penyelarasan antara kementerian dan agensi melalui Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, bagi memastikan setiap dasar dan inisiatif terhadap pembangunan diambil kira impaknya terhadap institusi keluarga. Pendekatan *whole-of-government* ini diterapkan melalui penglibatan keahlian dari Jawatankuasa Khas ini yang terdiri dari pelbagai kalangan kementerian dan agensi.
- b. Pelaksanaan Pelan Tindakan Institusi Keluarga seterusnya dipantau melalui Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, yang berperanan menyelaraskan pelaksanaan inisiatif, memantau kemajuan, mengenal pasti isu pelaksanaan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan dari semasa ke semasa.
- c. Bagi memastikan akauntabiliti, setiap program dan inisiatif telah dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana yang spesifik. Langkah ini bertujuan memperjelas peranan serta memastikan kemajuan pelaksanaan dilaporkan secara berkala berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan dan memastikan ia terus menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, penyelarasan isu-isu berkaitan institusi keluarga serta program pengukuhanannya dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai platform antara agensi, hasil daripada kerjasama strategik antara Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kementerian dan agensi berkaitan, termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kesihatan; Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), institusi tertinggi dan agensi-agensi lain yang berkepentingan.

No. Soalan: PT069

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dapatan utama analisis Kementerian terhadap perubahan corak penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi sepanjang lima tahun kebelakangan, termasuk mengikut umur, jenis sukan dan daerah, serta implikasinya terhadap perancangan kemudahan dan pengagihan sumber sektor sukan?

JAWAPAN:

Pada masa ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan belum mempunyai satu pangkalan data kebangsaan yang komprehensif bagi mengukur corak penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi secara menyeluruh mengikut umur, jenis sukan dan daerah. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang diterima daripada program-program anjuran Kementerian, laporan daripada persatuan-persatuan sukan kebangsaan, penggunaan kemudahan sukan kerajaan serta pemerhatian terhadap tren semasa, terdapat beberapa dapatan yang menunjukkan perkembangan yang positif dalam budaya bersukan di negara ini.

Antara dapatan utama ialah peningkatan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan dan rekreasi sepanjang lima tahun kebelakangan. Sebagai contoh, purata penggunaan harian trek dan kawasan konkos di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada tahun ini dianggarkan meningkat kepada 700 kunjungan, berbanding 420 kunjungan pada tahun 2025. Kenaikan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 60%. Di samping itu, peningkatan kadar penggunaan turut direkodkan di beberapa kompleks sukan merentas daerah. Berdasarkan data penggunaan kompleks-kompleks sukan di Daerah Brunei Muara, jumlah keseluruhan pengguna di kompleks-kompleks sukan di Daerah Brunei Muara menunjukkan trend peningkatan yang ketara, iaitu daripada 479,646 pengguna pada tahun 2023 kepada 687,775 pengguna pada tahun 2024, dan seterusnya meningkat dengan lebih signifikan kepada 1,156,388 pengguna pada tahun 2025.

Sementara itu, penggunaan kompleks-kompleks sukan di Daerah Belait mencatatkan purata sebanyak 53,924 sesi bagi tempoh 2023 hingga 2026. Bagi Daerah Tutong pula, statistik penggunaan menunjukkan penurunan berikutan kerja-kerja pengubahsuaian dan renovasi yang mengakibatkan penutupan kompleks sukan selama lebih daripada empat bulan.

Walau bagaimanapun, setelah kompleks beroperasi semula, kadar penggunaan yang direkodkan adalah lebih tinggi berbanding purata penggunaan pada tahun-tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan permintaan dan minat masyarakat yang berterusan terhadap kemudahan sukan yang disediakan mencerminkan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap kepentingan gaya hidup aktif dan sihat.

Dari segi kumpulan umur, golongan belia didapati lebih cenderung menyertai sukan berpasukan dan aktiviti yang bersifat dinamik seperti bola sepak, futsal, badminton dan sukan lasak. Sementara itu, golongan dewasa dan warga emas lebih banyak melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi berimpak rendah seperti berjalan kaki, larian santai, senamrobik dan aktiviti kecergasan yang memberi manfaat kepada kesihatan. Setakat ini belum ada data khusus mengikut sukan seperti bola sepak, futsal, badminton dan sepak takraw, walau bagaimanapun berdasarkan permohonan pemakaian kompleks sukan di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan menunjukkan pemakaian sukan berpasukan meningkat dari setahun ke setahun seperti Padang dan Belapan, KSNHB (bola sepak), Kompleks Sukan Sungai Kebun (Bola Sepak, Sepak takraw dan badminton), Kompleks Sukan Menglait (Bola keranjang, Futsal, Bola Jaring, Bola Sepak dan Badminton). Berikut adalah data penggunaan sukan berpasukan di kompleks-kompleks sukan berkenaan secara keseluruhan pada 3 tahun kebelakangan iaitu; pada Tahun 2023 mencatatkan seramai 487, 438 orang pengguna, Tahun 2024 menunjukkan 720, 827 orang pengguna dan Tahun 2025 menyatakan 127, 686 pengguna.

Selain penyertaan dalam sukan yang lebih formal, masyarakat juga semakin aktif menjalankan aktiviti rekreasi bersama keluarga di kawasan-kawasan awam dan strategik seperti Tanjung Batu, Pantai Jerudong, kawasan Dermaga Bandar Seri Begawan dan Persiaran Damuan. Trend ini menggambarkan bahawa masyarakat kini semakin mengutamakan aktiviti fizikal sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian.

Mengikut daerah, Daerah Brunei dan Muara terus merekodkan penyertaan yang lebih tinggi berikutan kepadatan penduduk serta kemudahan sukan yang lebih banyak tersedia. Manakala di Daerah Belait, Tutong dan Temburong, penyertaan lebih tertumpu kepada aktiviti sukan komuniti, rekreasi luar dan penggunaan kemudahan sukan daerah. Dapatan ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap perancangan kemudahan dan pengagihan sumber sektor sukan negara.

- Pertama, Kementerian akan terus memberi keutamaan kepada penyelenggaraan, pemuliharaan dan penaiktarafan kemudahan sukan sedia ada secara berfasa. Tumpuan bukan hanya diberikan kepada kawasan pusat bandar, malah turut diperluaskan ke daerah-daerah, termasuk usaha menaik taraf Kompleks Sukan Mumong, Kompleks Sukan Tutong dan Kompleks Sukan Temburong agar kemudahan tersebut terus relevan dengan keperluan masyarakat setempat.

- Kedua, Kementerian akan terus memperkukuhkan pembangunan kemudahan sukan komuniti yang mudah diakses, selamat dan inklusif, bagi memastikan semua lapisan masyarakat termasuk wanita, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) mempunyai peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi.
- Ketiga, Kementerian akan terus mengamalkan pendekatan senegara melalui kerjasama strategik bersama kementerian dan agensi berkaitan, termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Pembangunan, bagi mengoptimumkan penggunaan kemudahan sukan sedia ada, termasuk perkongsian fasiliti sekolah dan kemudahan awam yang bersesuaian. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan akses masyarakat kepada kemudahan sukan, malah mengelakkan pertindihan pembangunan serta memastikan penggunaan sumber kerajaan yang lebih cekap.
- Keempat, bagi pembangunan sukan prestasi tinggi, Kementerian akan terus menyalurkan sumber kewangan, kemudahan dan program pembangunan atlet secara lebih bersasar kepada sukan-sukan yang mempunyai potensi untuk mencapai kecemerlangan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Bagi memperkukuhkan lagi proses perancangan pada masa hadapan, Kementerian berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan satu mekanisme bagi mengukur tahap pembangunan sukan secara lebih sistematik dan berasaskan bukti. Data berkaitan penyertaan masyarakat, penggunaan kemudahan, keberkesanan program serta impak pelaburan dalam sektor sukan amat relevan bagi menyokong proses penetapan hala tuju.

Di samping itu, Kementerian juga akan terus meneroka kerjasama dengan platform digital dan aplikasi berkaitan kesihatan, termasuk potensi penggunaan data secara bersesuaian daripada aplikasi BruHealth, bagi memperkukuh analisis penyertaan masyarakat dalam aktiviti fizikal, seterusnya menyokong usaha kerajaan melahirkan masyarakat yang lebih aktif, sihat dan sejahtera.

Kesimpulannya, walaupun pada masa ini Kementerian belum mempunyai data yang lengkap dan menyeluruh mengenai corak penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi, trend yang diperoleh daripada data sedia ada jelas menunjukkan peningkatan minat masyarakat terhadap gaya hidup aktif. Justeru, Kementerian akan terus memperkukuh sistem pengumpulan data, memperluaskan akses kepada kemudahan sukan yang berkualiti serta memastikan perancangan pembangunan sektor sukan dilaksanakan secara lebih strategik, inklusif dan berasaskan bukti, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT103

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan pandangan berkenaan keadaan masa ini dimana belia berhadapan dengan berbagai cabaran seperti pekerjaan, keperluan harian, persaingan, dan bermacam lagi dan bagaimana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menanai belia agar mempunyai jati diri yang tinggi, berpendidikan, berupaya menyumbang kepada negara, '*resourceful* dan *productive*'?

JAWAPAN:

Dalam melahirkan generasi belia yang mempunyai jati diri yang tinggi, berpendidikan dan berkemahiran serta berupaya menyumbang kepada negara serta *resourceful* dan *productive*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berpandangan bahawa pembangunan belia perlu dilaksanakan secara holistik dan berterusan. Dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa termasuk pekerjaan, peningkatan keperluan kehidupan dan persaingan yang semakin mencabar, belia bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga perlu dilengkapi dengan nilai, disiplin, daya tahan, kebolehsuaian, keyakinan diri dan keupayaan untuk mencipta serta memanfaatkan peluang.

Sehubungan itu, pendekatan KKBS dalam pembangunan belia tidak hanya tertumpu kepada satu aspek atau satu program tertentu, tetapi merangkumi pembangunan jati diri dan sahsiah, kepimpinan, kemahiran dan kebolehpasaran, daya tahan serta keupayaan berdikari. Pendekatan ini dilaksanakan melalui beberapa platform antaranya Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pusat Pembangunan Belia (PPB), Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), serta program-program pembangunan jati diri melalui Jabatan Belia dan Sukan.

Pertama, melalui Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), para peserta diberikan pendedahan yang menekankan pembentukan disiplin, jati diri, semangat patriotisme, kepimpinan, kerja berpasukan dan daya tahan. Aspek-aspek ini penting dalam membentuk belia yang lebih bersedia menghadapi cabaran kehidupan dan alam pekerjaan, termasuk dari segi disiplin, komunikasi, tanggungjawab serta keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berbeza. Pelaburan Kerajaan dalam program ini merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan modal insan bagi melahirkan generasi belia yang berdaya tahan, bertanggungjawab dan berdaya saing.

Kedua, melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB), tumpuan diberikan kepada pembangunan kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan bagi meningkatkan keupayaan belia untuk memasuki alam pekerjaan ataupun meneroka peluang untuk berdikari. Bagi tempoh 2022 hingga 2024, kadar kebolehpasaran lepasan PPB adalah sebanyak 84.5 peratus, iaitu 222 daripada 263 orang, yang menunjukkan hasil positif daripada pendekatan latihan berasaskan kemahiran dan keperluan pekerjaan.

Ketiga, melalui Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), pembangunan belia diberikan penekanan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman dan cabaran, atau *outdoor experiential learning*. Pendekatan ini membantu memperkuat aspek kepimpinan, daya tahan mental dan fizikal, keyakinan diri, penyelesaian masalah serta semangat kerja berpasukan. Kemahiran-kemahiran ini semakin penting dalam membentuk belia yang mampu menyesuaikan diri, membuat keputusan dan menghadapi cabaran dengan lebih yakin.

Keempat, melalui program-program pembangunan jati diri yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan, penekanan diberikan kepada pengukuhan nilai integriti, disiplin, patriotisme, tanggungjawab serta kesedaran sosial dalam kalangan belia. Sepanjang tahun 2026, sebanyak 20 program telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 1,178 orang belia, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membentuk belia yang berprinsip, bertanggungjawab dan bersedia memainkan peranan positif dalam masyarakat.

Dengan pendekatan ini, pembangunan belia tidak hanya dilihat dari sudut mendapatkan pekerjaan, tetapi juga bagaimana mereka dapat menjadi individu yang berdikari, berdaya usaha, mampu menyelesaikan masalah, mencipta peluang dan memberikan nilai tambah kepada masyarakat serta negara.

Dalam masa yang sama, pembangunan belia merupakan tanggungjawab bersama dan memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan kementerian dan agensi kerajaan, institusi pendidikan, sektor swasta, keluarga, masyarakat serta belia itu sendiri. Setiap pihak mempunyai peranan dalam menyediakan pendidikan, latihan, peluang, bimbingan dan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan potensi belia berkembang secara optimum.

No. Soalan: PT109

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar Kementerian untuk memastikan penerima bantuan kebajikan dari golongan *able-bodied* dan *able-to-work*, tidak mewujudkan kebergantungan jangka panjang? Adakah Kementerian akan mewajibkan literasi kewangan, latihan pekerjaan dan melaksanakan *exit policy* dengan KPI serta tempoh maksimum penerimaan bantuan bagi menggalakkan penerima mencapai sara diri?

JAWAPAN:

Pada asasnya, dasar Kementerian ini adalah untuk memastikan bantuan kebajikan bukan sekadar memenuhi keperluan asas penerima, malah menjadi pemangkin ke arah pemerkasaan dan kemandirian mereka. Sehubungan itu, bagi penerima bantuan yang berkeupayaan untuk bekerja (*able-bodied* dan *able-to-work*), Kementerian melaksanakan pendekatan berasaskan transition pathways melalui pelbagai intervensi seperti latihan kemahiran, penempatan pekerjaan, keusahawanan dan pembangunan kapasiti, selaras dengan keupayaan, minat dan keadaan sosioekonomi setiap penerima.

Kementerian ini turut memperkukuh usaha pembangunan keupayaan penerima bantuan melalui pelbagai inisiatif dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan rakan strategik. Antaranya termasuk program latihan kemahiran, padanan pekerjaan dan pembangunan keusahawanan. Di samping itu, Kementerian kini sedang mengadakan perundingan bersama *Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)* bagi melaksanakan program bimbingan literasi dan pengurusan kewangan khusus untuk penerima bantuan, sebagai usaha meningkatkan keupayaan mereka mengurus kewangan secara berhemat, menjana pendapatan dan seterusnya mencapai kehidupan yang lebih berdikari.

Bagi memastikan bantuan terus disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan, setiap penerima bantuan adalah tertakluk kepada penilaian dan semakan secara berkala. Melalui proses ini, Kementerian akan menilai perubahan dalam keadaan sosioekonomi penerima, termasuk status pekerjaan, pendapatan dan tahap keupayaan untuk berdikari. Sekiranya penerima didapati tidak lagi memenuhi syarat kelayakan, bantuan akan disemak atau ditamatkan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

Berhubung cadangan untuk mewajibkan literasi kewangan, latihan pekerjaan serta pelaksanaan *exit policy* dengan penetapan KPI dan tempoh maksimum penerimaan bantuan, Kementerian sentiasa meneliti cadangan-cadangan tersebut sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh sistem perlindungan sosial negara. Malah, pelbagai intervensi telah dan sedang dilaksanakan bagi memperkasa penerima bantuan agar mampu mencapai sara diri, termasuk melalui program literasi kewangan, latihan kemahiran, penempatan pekerjaan dan keusahawanan seperti Program BIBD SEED dan Program Berniaga Dari Rumah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan *exit policy* perlu dilaksanakan secara berhemah dan mengambil kira prinsip bahawa bantuan kebajikan adalah berasaskan keperluan (*needs-based*), bukannya tempoh masa penerimaan bantuan semata-mata. Justeru, setiap penerima bantuan dinilai dan disemak secara berkala berdasarkan perubahan dalam keadaan sosio ekonomi mereka, termasuk tahap pendapatan, status pekerjaan, bilangan tanggungan dan keperluan semasa.

Sebagai contoh, terdapat penerima yang telah memperoleh pekerjaan atau menjalankan perniagaan, namun pendapatan isi rumah mereka masih belum mencapai Kos Minima Keperluan Asas (KMKA). Dalam keadaan sedemikian, bantuan kebajikan masih boleh dipertimbangkan berdasarkan penilaian kes demi kes sehingga kedudukan kewangan mereka benar-benar stabil. Pendekatan ini memastikan usaha ke arah *exit* daripada bantuan kebajikan dilaksanakan secara berperingkat, tanpa menjejaskan kesejahteraan penerima yang masih memerlukan sokongan.

Kementerian ini percaya bahawa matlamat utama perlindungan sosial bukan sekadar menyediakan bantuan kewangan, tetapi memperkasa penerima bantuan agar berupaya berdikari, meningkatkan kesejahteraan keluarga dan akhirnya keluar daripada kitaran kemiskinan secara mampan. Selaras dengan itu, antara teras utama pembaharuan sistem perlindungan sosial negara adalah peralihan daripada pemberian bantuan kewangan secara langsung kepada pendekatan pemerkasaan yang lebih bersasar dan transformatif (*targeted and transformative empowerment*). Melalui pendekatan ini, Kementerian berhasrat untuk membina keupayaan penerima bantuan agar mampu mencapai sara diri secara berperingkat dan mampan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan kebajikan dalam jangka panjang.